Media dalam proses belajar mengajar cenderung diertikan sebagai alat-alat grafik, photografi, atau elektronik untuk menangkap, memproses, dan menyusun kembali informasi visual atau verbal. Arsyad, A. (2011) menyatakan media pendidikan digunakan dalam rangka komunikasi dan interaksi guru dan pelajar dalam proses pembelajaran. Media pembelajaran dapat memperjelaskan penyajian pesan dan informasi sehingga dapat memperlancar dan meningkatkan proses dan hasil belajar.

Media Video Pembelajaran dapat digolongkan kedalam jenis media Audio Visual Aids (AVA) atau media yang dapat dilihat atau didengar Sudrajat, A. (2008) Media audio motion visual (media audio visual gerak) yakni media yang mempunyai suara, ada gerakan dan bentuk objeknya dapat dilihat, media ini paling lengkap. Informasi yang disajikan melalui media ini berbentuk dokumen yang hidup, dapat dilihat dilayar monitor atau ketika diprojeksikan ke layar lebar melalui projektor dapat didengar suaranya dan dapat dilihat gerakannya (video atau animasi).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Video adalah gambar-gambar dalam frame di mana frame demi frame diprojeksikan melalui lensa projektor sehingga pada layar terlihat gambar itu hidup Haryoko, S. (2012). Media ini pada umumnya digunakan untuk tujuan hiburan, dokumentasi, dan pendidikan. Video dapat menyajikan informasi, memaparkan proses, menjelaskan konsep-konsep yang rumit, mengajarkan keterampilan, menyingkat atau memanjangkan waktu, dan mempengaruhi sikap.

Menurut Dwyer, video mampu merebut 94% saluran masuknya pesan atau informasi kedalam jiwa manusia melalui mata dan telinga serta mampu untuk membuat orang pada umumnya mengingat 50% dari apa yang mereka lihat dan dengar dari tayangan program. Pesan yang disampaikan melalui media video dapat mempengaruhi emosi yang kuat dan juga dapat mencapai hasil cepat yang tidak dimiliki oleh media lain.

Menurut Cheppy Riyana (2007) media video pembelajaran adalah media yang menyajikan audio dan visual yang berisi pesanan pembelajaran baik yang berisi konsep, prinsip, prosedur, teori aplikasi pengetahuan untuk membantu pemahaman terhadap suatu materi pembelajaran. Video merupakan bahan pembelajaran tampak dengar (audio visual) yang dapat digunakan untuk menyampaikan pesanan bahan pelajaran. Dikatakan tampak dengar kerana unsur dengar (audio) dan unsur visual/video (tampak) dapat disajikan serentak.

Sistem pendidikan masa kini sedang mengalami perubahan yang amat pesat. Perubahan dalam sistem ini dapat dilihat melalui penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan penggunaan teknologi yang diperkenalkan. Antara kaedah teknologi yang diperkenalkan adalah teknologi pendidikan. Crowell (1971), dalam *Encyclopedia of education* menyatakan bahawa teknologi pendidikan ialah gabungan manusia, peralatan, teknik dan peristiwa yang bertujuan untuk memberi kesan baik kepada pendidikan. Uhwin Derek (1976), dalam Applying *Educational Technology* menegaskan bahawa teknologi dalam pendidikan ialah penggunaan kemahiran dan teknik moden dalam keperluan latihan, yang meliputi kemudahan belajar dengan menggunakan persekitaran setakat mana ianya menimbulkan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Shaikh Mohd Saifuddeen (2002), sistem multimedia ialah penggunaan alat teknologi maklumat yang menggabungkan pendengaran dan penglihatan seterusnya diproses oleh pemikiran untuk membentuk satu maklumat. Erti kata lain, sistem multimedia menggunakan telinga dan mata di samping memproses maklumat yang diterima. Jamalludin & Zaidatun (2003), menegaskan bahawa pelbagai kaedah baru diperkenalkan bagi menjadikan pengajaran guru lebih berkesan dan pembelajaran pelajar lebih bermakna. Ismail Basiron Dapatan kajiannya menunjukkan kaedah pengajaran multimedia interaktif dapat meningkatkan pencapaian pelajar berbanding kaedah konvensional. Penggunaan CD multimedia interaktif dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar dalam teori topik *Seni Tembikar* dan *Seni Batik* Pendidikan Seni Visual.

Manakala di Luar Negara, Rian Vebrianto & Kamisah Osman menyatakan dalam kajiannya pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan PdPc yang diintegrasikan dengan ICT dan alam sekitar telah memberikan kesan positif terhadap perkembangan kemahiran proses Sains dalam kalangan pelajar. Lowe (2001) menyatakan bahawa tayangan animasi dan video mampu menjelaskan perubahan keadaan setiap masa sehingga dapat membantu dalam menjelaskan prosedur atau susunan kejadian. Pembelajaran yang demikian memudahkan pelajar untuk berfikir sistematik sesuai dengan susunan kejadian dan keteraturan fenomena (kerangka logik) sehingga dapat meningkatkan kemahiran memerhati, meramal dan berkomunikasi dalam kalangan mereka. Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab perlu memformulasikan mekanisme yang sesuai untuk meningkatkan lagi tahap kesediaan guru dan pelajar bagi menggunakan pendekatan pembelajaran tersebut yang kesannya telah dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan.

Hasil dapatan Ngu Hang Ling (2009) menunjukkan bahawa penggunaan video telah membantu dalam menambahbaikkan kualiti P&P guru Tingkah laku pelajar juga menunjukkan perubahan yang ketara. Sebelum ini, responden kurang memberi respon, pasif dan tidak ingin melibatkan diri. Selepas kajian dijalankan, mereka mula memberi tumpuan. Ini disebabkan kandungan-kandungan video yang menarik sukar untuk mengalih tumpuan murid. Mereka mula ketawa, tersenyum serta mula berkomunikasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan orang di sekelilingnya, seperti rakan dan guru. Mereka akan bertanya soalan tentang apa yang dilihat disebabkan sikap ingin tahu. Misalnya dalam Tajuk Haiwan Bernafas, video tentang *horse crab* yang bernafas dengan *book lung* ditunjukkan. Disebabkan mereka tidak pernah melihat *horsecrab*, mereka berasa hairan dan tertanya-tanya tentang haiwan itu.

Pelbagai filem yang dikeluarkan oleh penerbit diluar Negara berkaitan tentang pendidikan, pengeluaran filem seperti rencana geografi, sejarah telah disimpan dan boleh dijadikan rujukan bila-bila masa yang diperlukan oleh guru. Penggunaan video di dalam bilik darjah mahupun diluar bilik darjah mampu menarik minat pelajar disamping meningkatkan pemahaman pelajar dalam pdpc guru. Animasi atau penerangan daripada video dapat menarik keinginan pelajar menghayati pembelajaran yang disampaikan terutamanya sejarah. Penggunaan buku teks kadang kala kurang pemahamannya berbanding pancaran ke atas layar putih kerana pelajar boleh melihat tayangan yang nyata. Keberkesanan yang dapat dilihat penggunaan tayangan video dapat membantu guru memberi peneragan. Pelajar lebih tertarik dengan penerangan tayangan video kerana gambaran pelbagai mereka boleh lihat dan seterusnya dapat menghilangkan kebosanan berbanding buku teks yang hanya ada pada kertas putih hitam yang bertulis. Penggunaan video dapat menggerakkan semua pancaindera pelajar terutamanya mata, ia menjadi semakin berkesan. Filem yang berwarna warni menampakkan lagi keseronokkan pelajar untuk melihat dan gembira dengan penyampaian ilmu yang diberikan mengenai sejarah.

Penggunaan video youtube merupakan rangkaian sosial yang boleh digunakan di dalam pembelajaran. Lebih-lebih lagi pada era globalisasi ini penggunaan video bukan sahaja boleh memperlihatkan seseorang individu sahaja malah ia boleh berkongsi sebagai medium pembelajaran di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah. Hal ini dapat dilihat pada tahun 2009-2010 penggunaan video ini telah mendapat pilihan tertinggi dan terpilih undian tertinggi dalam 'The Emerging List of Top 100 Tools for Learning' (Yuen, 2009). Walau bagaimanapun, penggunaan video YouTube dalam PdPc tidak akan dapat mencapai objektif pembelajaran sekiranya guru tidak melaksanakan peranan guru dalam membimbing dan pemudah cara untuk membina perkembangan kognitif pelajar konstruktivisme serta memberi peluang pelajar bergerak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara aktif dalam mengaitkan pengetahuan dengan pengetahuan sedia ada dalam pemikiran mereka malah dengan cara ini, pelajar dapat menggunakan pengetahuan yang difahami dalam keadaan situasi yang dilalui.

Walau bagaimanapun guru seharusnya melihat persekitaran sebelum melakukan PdPc. Bermula pada tahun 2000 pembelajaran di luar bilik darjah telah diperkenalkan. Hal ini menjadikan PdPc lebih berkesan dan berbentuk kontekstual kepada pelajar. UNESCO juga telah menyarankan pembelajaran di luar bilik darjah *"Four Pillars of Education: Learning to Know, Learning to Do, Learning to Live Together dan Learning to Be"*. Pembelajaran di luar bilik darjah ini telah pun dipersetujui dan Pusat Perkembangan Kurikulum telah pun mengeluarkan garis panduan membantu guru menjalankan aktiviti yang lebih teratur dan disempurnakan dengan baik. Dokumen sokongan bagi menjalankan aktiviti kerja lapangan dan lawatan yang terperinci telah dimuatkan dalam dokumen tersebut. Namun garis panduan yang diberikan secara umum. Pembelajaran di luar bilik darjah kebiasaannya telah dirancang dengan struktur lebih baik oleh guru. PdPc di jalankan di kawasan luar dapat menyokong dan memperkukuhkan pembelajaran kurikulum di sekolah. Matlamat utama untuk membentuk pengetahuan persekitaran pelajar yang prograsif.

Melalui pengendalian bidang matematik pula, kemahiran dijalankan megikut pengalaman. Persediaan matematik ini memerlukan strategi yang sistematik untuk peroleh kejayaan kerana kebanyakkan pelajar yang kurang membuat latihan menyebabkan mereka mundur. Strategi yang digunakan dalam pembelajaran ini ialah lakonan, membuat gambar rajah, melihat pola atau corak secara terus, menyelesaikan soalan yang mudah atau tidak sama, aktiviti ini kebanyakkan di lakukan di luar bilik darjah. Penggunaan kaedah ini dapat menarik minat pelajar secara langsung atau tidak langsung.

Tanggungjawab bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran amat memerlukan pendekatan yang lebih segar dan praktikal bagi menarik minat pelajar. Menurut Arbaa dan Abd. Razak (2010), pendekatan pembelajaran yang kreatif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

inovatif dapat memastikan penyampaian ilmu menjadi lebih efektif, menarik, menyeronokkan dan seterusnya dapat merangsang minat pelajar. Proses pembelajaran yang berkualiti ini telah dijelaskan oleh MacNaughton (2005) dalam kajiannya yang mendapati proses pembelajaran yang berkualiti dapat menyediakan murid dengan pengalaman yang positif, bermakna dan menyeronokkan. Pendapat ini disokong oleh Nor (2006) yang menyatakan keyakinan diri dan sikap positif dapat disemai sekiranya murid-murid dibekalkan dengan pengalaman pembelajaran yang bermakna.

Penggunaan alatan teknologi dalam pendidikan ini juga boleh memperlihatkan lebih jelas kepada pelajar mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar. Manusia adalah sebahagian daripada alam sekitar. Hubungan antara manusia dengan alam sekitar adalah secara timbal balik atau dua hala (Salmivalli 1998). Manusia bertindak balas terhadap alam sekitar mereka, dipengaruhi oleh alam sekitar dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar (Beaumont & Philo 2004, willarrd 1976). Ramai pendidik alam sekitar melihat interaksi ini dalam tiga cara iaitu dominion, manusia menguasai alam sekitar, stewardship, manusia menjaga dan mengambil berat tentang alam semula jadi, dan union, manusia sebahagian daripada alam semula jadi (Boulding & Senesh 1983). Manusia sentiasa mendapat faedah daripada alam sekitar demi keperluan mereka. Pada dasarnya alam sekitar telah digunakan untuk meluaskan habitat dan meningkatkan kualiti hidup manusia (Sudarmadi et al. 2001).

Justeru, manusia perlu menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Setiap tindakan manusia memberi impak kepada alam sekitar secara serta merta dan bersifat global (Trisler 1993) dan dipengaruhi oleh alam sekitar. Isu Alam sekitar yang berlaku pada masa kini adalah hasil daripada tangan manusia itu sendiri dan ia dapat di bentuk dengan cara sikap manusia yang perihatin terhadap alam sekitar.

Dari perspektif islam, manusia perlu menguruskan alam sekitar dengan baik seperti yang diamanahkan oleh tuhan. Firman Allah yang bermaksud,

> *....Sesungguhnya kami telah menawarkan amanah kepada ruang angkasa, bumi dan gunung-ganang, maka semua itu enggan*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *memikulnya dan khuatir akan mengkhianatinya. Dan manusialah yang (menyanggup) memikul amanah itu….*
>
> (Al-Qur'an, Al-Ahzab 33:72)

Namun, manusia berterusan berinteraksi dengan alam sekitar secara tidak bertanggungjawab. Tingkah laku ini berterusan menyumbang kepada kehidupan manusia dan hidupan lain dan semula jadi (Cheong & Treagust 2001; Cistulli 2002 ; Gore 1993). Al-Quran juga telah menegaskan tentang kerosakan muka bumi yang disebabkan oleh tindakan manusia sendiri itu;

> *Telah terjadi (tampak) kerosakan (mala petaka) di darat dan di laut kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah akan merasakan kepada mereka sebahagian (akibat tidakan mereka) agar mereka kembali (ke jalan yang benar).*
>
> (Al-Qur'an, Ar Ruum 30: 41)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sudarmadi *et.al* (2001) menyatakan masalah kritikal di seluruh dunia ialah kemerosotan alam sekitar yang berpunca daripada pertambahan penduduk dan aktiviti manusia yang akan mendatangkan masalah kepada kehidupan manusia pada masa hadapan. Keghairahan dan kerakusan manusia mengejar pembangunan dan kemajuan menyebabkan manusia lupa akan pentingnya menjaga alam sekitar demi kebaikan dan kelangsungan hidupnya dan kehidupan lain. Manusia terpaksa menjadi kualiti alam sekitar sebagai kos melepas dalam usaha membangunkan ekonomi individu negara. Contohnya manusia terpaksa membersihkan kawasan hutan, memotong atau meneres bukit (asalnya sebagai kawasan tadahan air, sumber bekalan oksigen, mengekalkan kelembapan) untuk pembangunan (penempatan, pertanian, perindutrian dan perhubungan serta pengangkutan). Penerokaan yang tidak terkawal ke atas sumber semula jadi dan pencemaran alam sekitar menunjukkan manusia tidak mengguna dan tidak menguruskan alam sekitar secara bertanggungjawab. Tindakan manusia ini akan mengganggu bentuk asal muka bumi kawasan terbabit dan menjejaskan kestabilan alam sekitar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ekosistem hutan terjejas serta kehilangan habitat flora dan fauna memungkinkan kepupusan spesis flora dan fauna tersebut. Pelbagai bencana dan kesan buruk timbul sebagai akibat tindakan manusia yang membimbangkan manusia itu sendiri seperti kepupusan sumber-sumber semula jadi, jerebu dan pelbagai jenis pencemaran serta penapisan lapisan ozon, kerana ia mengganggu gugat keselamatan dan kesihatan manusia itu sendiri (Jabatan Alam semulajadi 2011). Justeru, manusia perlu sentiasa disedarkan tentang pentingnya peranan dan tanggungjawab mereka dalam menjaga, memulihara dan mengurus alam sekitar dengan baik dan telah disepakati bahawa untuk mewujudkan kesedaran, pengetahuan dan mengubah sikap manusia terhadap alam sekitar, pendidikan merupakan elemen yang penting. Menurut Sham Sani (1998), pendidikan perlu diberi perhatian serentak dengan usaha-usaha lain seperti perundangan dan perancangan guna tanah untuk memulihara alam sekitar.

Pendidikan Moral sebagai salah satu strategi pendidikan muncul sejak November 1988-an (Kementerian pendidikan Malaysia 1988) dan sangat diperlukan bagi mengembangkan dan menyediakan pelajar yang mempunyai literasi terhadap pembentukkan nilai-nilai moral yang berkaitan dengan alam sekitar. Pendidikan Moral merupakan pendidikan yang berterusan yang mencorakan nilai-nilai moral pelajar non-muslim. Justeru, sekolah sebagai institusi pendidikan formal dalam masyarakat perlu memainkan peranan dalam mendidik dan membudayakan tingkah laku bertanggugjawab terhadap alam sekitar. Guru seharusnya perlu kreatif dan produktif dalam menyemai budaya bertanggungjawab, menyayangi dan peka terhadap isu alam sekitar. Keberkesanan pengajaran guru berkait rapat dengan perkara yang ada dalam pemikiran guru.

Sistem Pendidikan Malaysia yang berorentasikan peperiksaan atau banyak dikongkong oleh keperluan peperiksaan (Sham Sani 1998) menyebabkan asas-asas, pendekatan dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai tidak dapat ditekankan. Guru akan mengajar dan memberi penekanan kepada perkara atau topik yang berkaitan dengan peperiksaan. Tambahan pula, guru diminta oleh pentadbir sekolah untuk menghabiskan sukatan pelajaran lebih awal bagi kelas-kelas peperiksaan. Tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia) bagi membolehkan ulang kaji dan latih tubi menjawab soalan peperiksaan dijalankan sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan percubaan dan peperiksaan sebenar. Malah, elemen-elemen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbentuk penerapan dalam sukatan pelajaaran sedia ada dan tidak dikemukakan dalam soalan peperiksaan kurang diberi perhatian oleh guru.

1.2 Pernyataan Masalah

Persekitaran pembelajaran dan elemen di dalamnya dapat memberi impak kepada hasil pembelajaran pelajar di sekolah. Menurut Wong dan Fraser (1996), persekitaran pembelajaran adalah penentu utama dalam pembelajaran pelajar. Hasil pembelajaran pelajar boleh dipertingkatkan dengan mencipta persekitaran yang bersesuaian dengan keperluan guru dan pelajar serta selari dengan aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Persekitaran fizikal yang berkualiti akan dapat membantu mewujudkan keselesaan pengajaran dan pembelajaran. Selesa menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) adalah merujuk kepada tidak sempit dan luas. Oleh itu keselesaan pengajaran dan pembelajaran membawa maksud sebagai satu suasana persekitaran pembelajaran yang selesa dan memberi kepuasan kepada pelajar. Keselesaan pengajaran dan pembelajaran ini boleh menjadi faktor penyebab kepada kegagalan atau kecemerlangan seseorang. Sebagai contoh, kedudukan bilik darjah, saiz bilik darjah, perabot yang disediakan, kepanasan, pencahayaan dan kualiti udara dalaman memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Persekitaran berkualiti akan terhasil sekiranya prasarana persekitaran pembelajaran dirancang dan disusun dengan baik dan memenuhi kriteria tertentu serta selari dengan keperluan pelajar dan matlamat kurikulum. persekitaran pembelajaran juga memainkan peranan yang penting dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Persekitaran fizikal seumpama guru ketiga yang membimbing pembelajaran dalam bilik darjah. Semua pelajar akan dapat memberi lebih penumpuan terhadap pembelajaran apabila mereka berada dalam situasi yang selamat dan selesa. Jesteru, semua sekolah seharusnya mempunyai persekitaran pembelajaran yang baik samada daripada aspek fizikal dan psikososial. Kajian oleh Khadijah dan Azimin Samsul (2013) juga mendapati kebanyakan bilik darjah tidak menyediakan persekitaran yang selesa bagi memenuhi keperluan guru dan pelajar. Ketidak selesaan dalam bilik darjah boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendatangkan pelbagai kesan sampingan terhadap pelajar dan boleh menimbulkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Terdapat banyak kajian yang dikaitkan dengan hubungan pengurusan bilik darjah dan persekitaran fizikal di sekolah. Namun demikian, penumpuan kajian tersebut hanya melihat satu dimensi persekitaran fizikal bilik darjah seperti saiz kelas atau persekitaran fizikal dan pencapaian akademik (Sahin, Tantekin-Erden & Akar, 2011). Penglibatan pelajar dalam pembelajaran juga merupakan salah satu pertimbangan penting dalam pengkajian persekitaran pembelajaran dan reka bentuk pengajaran (Cavanagh, 2012). Maka, terdapat keperluan untuk melakukan satu kajian berkaitan persekitaran pembelajaran di luar bilik darjah. kajian yang menyeluruh dan berkaitan dengan beberapa elemen yang menyumbang kepada kesan pembelajaran iaitu persekitaran pembelajaran dan komitmen belajar pelajar terhadap keselesaan pembelajaran harus dijalankan. Permasalahan persekitaran di dalam bilik darjah dan kedudukan yang sama sepanjang hari di dalam kelas menjadikan pelajar letih, penat dan berasa bosan seterusnya menjurus pelajar kepada perlakuan yang negatif memandangkan mereka dalam usia remaja.

Remaja sememangnya mudah terikut dan terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak biasa mereka lakukan. Kebanyakkan remaja mudah merasa tertekan dan terkongkong apabila mereka berada dirumah mahupun di sekolah. Bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi, mereka lebih suka bersendirian dan mengambil keputusan untuk lari dari suasana sekolah ataupun bergiat dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Selain itu ada juga pelajar yang lebih suka menghabiskan masa dengan melepak dan bergaul dengan remaja-remaja yang tidak bersekolah lagi. Menurut Laporan Disiplin Pelajar tahun 1994, Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang menunjukkan ponteng sekolah merupakan kes disiplin dengan peratusan tertinggi berbanding salah laku yang lain. Masalah ponteng tidak boleh dipandang remeh kerana kemungkinan pelajar yang ponteng akan dipergunakan oleh anasir-anasir negatif untuk melakukan sesuatu yang membahayakan masyarakat.

Golongan remaja yang terlibat dengan masalah ini juga agak ketara dari segi pertambahan jumlahnya terutama dalam kalangan mereka yang masih bersekolah. Menurut Nurzatil Ismah Azizan, Naneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon dan Asma' Wardah Surtahman (2015), kes ponteng sekolah dan gejala lepak sering

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didedahkan oleh akhbar termasuklah kes yang berlaku pada bulan april 2012 di Rawang, Selangor dimana 27 pelajar sekolah menengah ditangkap kerana ponteng sambil melepak dalam Ops ponteng. Mereka ditangkap ketika leka bermain video dan melayari laman sosial di pusat siber yang dilaporkan oleh akhbar sinar harian bertarikh 10 april 2012. Ini juga merupakan kes gejala lepak yang perlu di ambil langkah penyelesaian.

Menurut samsudin abdul Rahim (1995) mengatakan bahawa ada yang salah tafsir tentang erti melepak. Menurut beliau, ada setengah pihak mengatakan apa salahnya remaja melepak dengan bermain bola, atau yang bertanya apa salah kalau remaja melepak sambil berbincang tentang kerja sekolah. Jika remaja melepak bermain bola atau berbincang kerja sekolah, mereka sebenarnya bukan melepak. Ini disebabkan mereka mempunyai sesuatu matlamat yang ingin dicapai dalam sesuatu pertemuan. Tetapi yang dimaksudkan dengan gejala melepak ini adalah jika remaja berkumpul dan berada di tempat-tempat awam yangmenjadi tumpuan ramai tanpa mempunyai tujuan tertentu atau tidak melakukan sesuatu perkara khusus selain daripada berbul kosong dan bergelak ketawa sahaja tanpa ada tujuan yang jelas.

Gejala lepak ini telah mencapai satu tahap yang membimbangkan. Ia perlu ditangani di peringkat akar umbi kerana gejala lepak akan menyebabkan masalah salahlaku yang lebih serius seperti gangsterisme, penyalahgunaan dadah dan kes jenayah serius. Oleh itu, pihak kerajaan serta masyarakat sentiasa menunjukkan minat dan memberi perhatian terhadap gejala ini. Gejala lepak merupakan titik permulaan atau platform menuju kea rah hidup yang bergelora atau kegagalan hidup para remaja. Tanggapan ini adalah disokong oleh pandangan wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1997) yang menyatakan bahawa masalah lepak ini akan membawa kepada sikap negative seperti membuang masa tanpa haluan, tidak produktif, menganggu ketenteraman awam dan berkemungkinan membabitkan diri dalam gejala yang tidak sihat. Tanggapan ini juga disokong kuat daripada dapatan penyelidik-penyelidik lain yang menyatakan bahawa gejala lepak bukan sahaja membimbangkan penyelidik, pentadbir, ahli politik, ibu bapa dan juga masyarakat, malah pihak berkuasa seperti polis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

amat memandang serius masalah ini kerana remaja lepak berkemungkinan besar terdedah kepada kegiatan jenayah.

Tingkah laku remaja yang suka menghabiskan masa lapang dengan perkara yang sia-sia di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian pengangkutan awam dan tempat tumpuan orang ramai dikenali sebagai aktiviti lepak. Masalah ini telah menjadi satu gejala kepada golongan remaja khasnya. Gejala ini semakin memperlihatkan remaja masa kini yang tidak menyedari yang mereka adalah pewaris masa hadapan bagi menjayakan wawasan negara. Menurut Tshie Velecia Anak Henry (2015) banyak media masa yang memberi kemyataan menyatakan pemimpin-pemimpin negara, masyarakat tempatan dan individu telah meletakkan lepak dalam kalangan remaja ini sebagai salah satu aktiviti sosial dan gejala yang standing dengan isi penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan pembuangan anak. Remaja melepak kebiasaanya bermula dengan aktiviti berbual kosong, bermain daun terup dan kemudiannya terlibat dengan pelbagai gejala sosial yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Remaja mempunyai pendapat mereka sendiri apabila ditanya tentang gejala lepak. Bagi mereka, lepak bukanlah perbuatan yang menyalahi undang-undang dan perbuatan tersebut juga adalah salah satu aktiviti santai untuk bersama rakan-rakan ketika masa terluang. Menurut siti rafiah hishim (2014) remaja terutamanya remaja lelaki akan dianggap kolot atau anak emak sekiranya tidak melepak bersama rakan-rakan. Tanggapan ini jugalah sebenarnya mendorong remaja untuk menjadikan gejala lepak sebagai aktiviti mereka pada masa lapang. Gejala lepak boleh membawa kepada peningkatan bilangan kes ponteng, membuka jalan untuk peningkatan kes juvana dan jenayah. Pola persahabatan remaja adalah berasaskan kesamaan. Penerimaan dalam persahabatan akrab adalah penting dalam usia remaja. Maka remaja yang melepak akan mempengaruhi remaja lain dengan mudah. Ini ketara dalam bilangan remaja yang merokok, melepak dan melakukan jenayah yang semakin bertambah hari demi hari. Remaja yang dikenali dengan sikap ingin mencuba menyebabkan mereka mudah terpengaruh terhadap perkara yang dilihat oleh mereka. Lebih-lebih lagi apabila mereka bergaul dengan rakan yang bermasalah. Sikap ingin mencuba dan meniru perbuatan rakan semasa melepak inilah yang membimbangkan kerana mereka tidak berfikir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebelum melakukan sebarang perbuatan walaupun perbuatan tersebut akan merosakkan masa depan mereka.

Faktor globalisasi juga turut menyebabkan remaja semakin mengubah tingkah laku mereka. Hal ini kerana pelbagai teknologi telah diperkenalkan seperti telefon bimbit, computer dan sebagainya. Menurut mohd Azizuddin Mohd Sani, Mas Juliana Mukhtaruddin dan Mohd Baharudin Othman (2004) kemajuan teknologi semakin canggih menyebabkan remaja semakin berminat untuk melayari dan menggunakannya. Golongan remaja kini tidak dapat lagi dipisahkan dengan kecanggihan teknologi dan menyebabkan mereka sering melayari internet dan laman sosial seperti facebook. Tingkah laku tersebut menyebabkan mereka sering melepak di kafe siber untuk tujuan tersebut. Sehinggakan mereka lupa tanggungjawab mereka sebagai pelajar kerana sering menghabiskan masa di kafe siber. Perkara tersebut juga mengundang kepada masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Hal ini kerana mereka sering terdedah kepada budaya negatif yang diperoleh daripada internet. Secara tidak langsung, globalisasi bukan sahaja membawa kepada kesan positif, malah agak ketara juga menyebabkan perkara-perkara negatife turut berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah remaja yang seringkali melepak ini tidak seharusnya dibiarkan begitu sahaja. Remaja merupakan tunjang kepada masa depan negara. Jika remaja yang mengharapkan untuk menjadi pewaris bangsa dan negara sudah rosak, bagaimana hala tuju negara kita pada masa hadapan. Menurut siti Noraisah Ghazali (2013) dari setahun ke setahun, purata remaja melepak semakin meningkat dan hal ini semakin membimbangkan ramai pihak. Situasi ini tentunya mendukacitakan ramai pihak lebih-lebih lagi apabila gejala lepak ini tidak dapat dibendung dan jalan penyelesaiannya masih samar. Malah, semakin terus meningkat saban tahun. Keadaan ini lebih membimbangkan negara kita kerana golongan remaja inilah yang akan menjadi teras pembentukan dan penyambung generasi warganegara yang Berjaya bukan sahaja dari aspek akademik, malah juga dalam aspek pembentukan peribadi yang tinggi. Sedangkan, negara memerlukan tenaga golongan remaja untuk terus membangun. Jika sikap malas dan suka menghabiskan masa wujud dalam diri remaja, tidak mustahil sekiranya negara menghadapi masalah yang lebih rumit suatu hari nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Golongan remaja adalah kelompok penting dalam usaha kerajaan membangunkan modal insan. Menurut Fadzil Abdul Rashid (2001) remaja merupaka golongan majoriti dan pewaris orang-orang tua untuk memegang peranan penting sebagai penggerak pembangunan masyarakat kampong. Tambahan lagi, gejala masalah lepak ini bukan sahaja melanda generasi muda yang berada di Bandar-bandar besar, malah telah merebak ke kawasan-kawasan luar Bandar. Oleh itu, masalah gejala melepak ini tidak seharusnya dipandang ringan oleh semua pihak. Dengan kata lain masalah gejala lepak ini juga semakin hangat diperkatakan ramai pihak tetapi hanya memandang remeh mengenai masalah ini kerana menganggap gejala lepak ini tidak mendatangkan keburukkan kepada masyarakat. Sedangkan ramai yang tidak mengetahui bahawa gejala lepak yang dilakukan oleh golongan remaja, khususnya golongan yang masih bersekolah boleh mengundang pelbagai impak negatif sama ada kepada diri remaja sendiri, keluarga, masyarakat mahupun negara.

Pengaruh keluarga menjadi salah satu faktor penting dalam pembentukan personaliti remaja. Remaja daripada keluarga yang berpecah belah atau yang ketiadaan ibu bapa atau kedua-duanya mengalami kehilangan tempat bergantung, tempat menumpahkan kasih sayang serta tempat menerima contoh dan teladan untuk menjadi bekal penghidupan di hari dewasa sebagai ahli masyarakat yang lebih aktif dan dinamis. Keadaan seperti ini boleh menjejaskan perkembangan remaja terutamanya dalam pencapaian akademik serta proses pembentukan personaliti. Keutuhan institusi kekeluargaan dapat menjamin kecemerlangan remaja khususnya dalam alam pendidikan dan perkembangan personaliti. Ibu bapa khususnya, adalah salah satu faktor persekitaran yang banyak mempengaruhi pembentukan dan perkembangan personaliti atau sahsiah remaja. Ini kerana, ibu bapa menjadi sumber utama dan pertama proses pembelajaran dan pembentukan keperibadian remaja. Hakikat ini jelas dinyatakan oleh bapa psikologi moden, Freud (1983). Oleh itu, ibu bapa yang tidak memainkan peranan dalam pembentukkan tingkah laku remaja menyebabkan berlakunya kemunduran pembentukan dan perkembangan personaliti atau sahsiah remaja tersebut. Cara gaya keibubapaan atau cara asuhan dipercayai banyak mempengaruhi personaliti remaja khususnya pelajar sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Maslow, kekurangan perhubungan kasih sayang menjadi punca kecelaruan personaliti yang mungkin melibatkan tingkah laku agresif dan anti sosial. Sebagai contohnya, remaja daripada keluarga yang ibu bapanya bercerai mempunyai IQ yang lebih rendah di samping melahirkan ciri-ciri tingkah laku yang negatif seperti permusuhan, zalim dan tiada kasih sayang. (Goldfarb dalam Wan Azmi, 1987). Faktor kedua pula ialah pengaruh sekolah kerana remaja menghabiskan hampir seluruh masanya di sekolah. Pengaruh sekolah adalah kedua pentingnya berbanding dengan pengaruh keluarga. Organisasi dan struktur belajar di sekolah seperti pengagihan pelajar mengikut pencapaian, pihak berkuasa yang menekankan peperiksaan, bentuk, struktur ganjaran dan hukuman, sikap dan harapan guru, kesemuanya menggalakkan masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar yang lemah daripada segi akademik (T.Marimuthu, 1980). Jenis kepimpinan dan suasana sekolah mempengaruhi perkembangan personaliti remaja. Disamping itu terdapat juga guru yang melabelkan pelajar sebagai cerdik dan bodoh, pelajar yang pada mulanya berminat dan bermotivasi pasti menunjukkan minat yang bertentangan setelah dilabelkan oleh guru sebagai pemalas atau bodoh, ini boleh menjejas pencapaian pelajar dalam pelajaran (Lacey, 1970).

Faktor seterusnya adalah rakan sebaya. Pada diri remaja, pengaruh lingkungan dalam menentukan perilaku diakui cukup kuat. Walaupun remaja telah mencapai tahap perkembangan kognitif yang memadai untuk menentukan tindakannya sendiri, namun penentuan diri remaja dalam berperilaku banyak dipengaruhi oleh tekanan dari kelompok teman sebaya (Conger,1991). Kelompok teman sebaya diakui dapat mempengaruhi pertimbangan dan keputusan seorang remaja tentang perilakunya. Rakan sebaya mempunyai nilai-nilai tersendiri dan mempunyai pengaruh yang ketara. Rakan sebaya di sekolah dapat mempengaruhi disiplin seseorang remaja. Remaja yang berasal daripada keluarga bermasalah lebih mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya yang mungkin senasib dengannya dan membentuk kumpulan sendiri. Kumpulan ini mudah terpengaruh dengan anasir-anasir jahat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat juga merupakan faktor yang dapat mempengaruhi pembentukan personaliti remaja. Apabila nilai-nilai dan norma-norma masyarakat adalah sihat, remaja yang membesar dalam situasi itu turut menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab, berdedikasi, rajin berusaha dalam pelajaran dan sedia berkorban untuk menolong orang lain. Sebaliknya, masyarakat kebendaan menegaskan betapa pentingnya kekayaan dan harta benda. Dengan itu, remaja membesar dengan menjadi individu dan remaja yang sentiasa mengejar kekayaan dan harta benda. Nilai-nilai murni ini mungkin ditinggalkan menyebabkan remaja sanggup menipu dalam peperiksaan, bergaduh, mencuri, mencederakan guru, minum arak dan tidak mustahillah sama sekali untuk terlibat dengan penagihan dadah. Keadaan ini menunjukkan dengan jelas bagaimana nilai masyarakat dapat mempengaruhi perkembangan dan personaliti remaja sehingga boleh membawa kepada masalah sosial ini.

Masalah ini perlulah diatasi dengan segera bagi mengelakkan daripada timbulnya pelbagai gejala buruk yang lain rentetan daripada perilaku lepak, ponteng, tidur di dalam kelas, tidak membuat latihan dan tidak mendengar arahan guru. Bagi mengurangkan masalah ini, langkah pertama yang perlu dicari ialah tindakan guru untuk mengubah teknik pembelajaran yang lebih berkesan seterusnya meninjau sikap dan tingkah laku pelajar. Guru dan pelajar mempunyai hubungan interpersonal yang rapat. Gaya pengajaran guru di dalam kelas merupakan komponen atau elemen yang memastikan wujudnya rasa ingin belajar dalam kalangan pelajar. Ada kajian yang membuktikan bahawa permasalahan akhlak yang wujud dalam kalangan pelajar dikaitkan dengan keberkesanan pengajaran guru-guru di sekolah (Ab. Halim Tamuri & Khadijah Abdul Razak, 2003; Zaharah Hussin, 2005). Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji kesan penglibatan pelajar dalam mengikuti pelbagai teknik yang diberikan oleh guru, mengenalpasti aktiviti yang boleh memberikan rangsangan kepada pelajar dan menarik minat mereka disamping, mengenalpasti sikap dan tingkah laku pelajar dengan pelbagai aktiviti. Daripada sudut perkembangan ilmu, kajian ini memberi input kepada amalan sebenar dalam Pendidikan Moral berkaitan alam sekitar berbanding dengan amalan yang diharapkan. Kajian ini dapat menggambarkan realiti yang berlaku dan dapat merapatkan jurang seperti yang disebut oleh Flogaitis *et al*. (2005) sebagai *rhetoric-reality gap*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, perkara yang berkaitan dengan amalan pengajaran guru di dalam bilik darjah khususnya yang berkaitan dengan penerapan Pendidikan Moral dalam bidang berkaitan alam sekitar dapat dikenalpasti. (Isenberg 1990) menekankan berkenaan amalan guru di bilik darjah tindakan dapat dipengaruhi dan ditentukan oleh pemikiran guru manakala pemikiran guru boleh dicorakkan oleh sistem kepercayaan, nilai dan prinsip seseorang atau pengetahuan yang mendalam tentang kandungan dan strategi pengajaran.

Negara amnya, input daripada kajian ini dapat membantu usaha kerajaan merancang pembanggunan modal insan melalui pendidikan formal di sekolah khususnya. Modal insan didefinisikan sebagai pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan atribut yang terjelma pada seseorang yang memudahkan penciptaan kehidupan personal, sosial dan ekonomi yang sejahtera (Williams 2005). Insan yang lahir nanti ialah insan masa hadapan yang peka dan mempunyai nilai, pengetahuan, kemahiran, kecekapan untuk mengurus dan bertanggungjawab kepada alam sekitar. Malah, masalah alam sekitar ini tidak asing lagi bagi masyarakat umum. Banyak daripadanya berpunca daripada perbuatan manusia itu sendiri (Garner & Stern 2002), akibat daripada kemusnahan ini menyebabkan kematian ribuan manusia di seluruh dunia. Khazanah alam semakin pupus ditelan zaman disebabkan keuntungan dan tamak haloba golongan tertentu (Mohd Faizal 2008). Isu-isu yang berkaitan alam sekitar ini sukar untuk diselesaikan kerana aspek pertumbuhan ekonomi dan keperluan penduduk semakin bertambah. Pengetahuan dan sikap pelajar terhadap alam sekitar ini turut memainkan peranan dalam menangani isu ini. Walau bagaimanapun, kesedaran hanya tinggal kesedaran tanpa ada perubahan dari segi amalan tingkah laku yang baik terhadap alam sekitar. Penglibatan pelajar dalam pemuliharaan alam sekitar merupakan satu langkah besar dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Ramai yang berpendapat bahawa jalan terbaik untuk mengatasi masalah alam sekitar ini adalah dengan mengubah sikap dan amalan seharian bukan sahaja pelajar malah setiap individu di muka bumi ini. Sikap atau kefahaman alam sekitar merujuk kepada pengetahuan, perasaan dan tingkah laku individu terhadap alam sekitar (Knapp 1999, Callicot 2000). Disamping itu, manusia mempunyai ikatan saling bergantung antara alam sekitar secara fizikal mahupun emosi dan sebaliknya keadaan ekosistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan spesis pula bergantung kepada tindakan manusia. Tidak kira samada seseorang itu berasa rapat dengan alam semula jadi atau tidak, mereka adalah saling bergantung dengan alam di mana kesejahteraan alam mempengaruhi kesejahteraan hidup manusia.

Menurut satu artikel 10 mac 2012, Johor mengalami perubahan dan menuju negeri maju menerusi 59 projek pembangunan merangkumi enam bidang iaitu tiga bidang ekonomi berpotensi tinggi dan tiga bidang berkaitan peningkatan kualiti kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, negeri ini masih lagi berada di tahap yang lemah dalam mempertingkatkan kualiti alam sekitar. Malah, terdapat pelbagai isu alam sekitar yang teruk terjejas di negari ini antaranya isu pencemaran udara dan pencemaran air.

Fenomena jerebu dialami Malaysia hampir saban tahun. Terkini, ia melanda Negara pada bulan Jun 2013 lalu, apabila seluruh daerah Muar dan Ledang, Johor mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi tahap kecemasan sehingga memaksa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan darurat. Kali ini puncanya adalah pencemaran jerebu merentas sempadan apabila berlaku kebakaran ladang dan hutan di Wilayah Riau, Indonesia. Bagaimanapun, punca jerebu ini bukan sahaja disebabkan oleh pembakaran terbuka, sebaliknya ia berlaku disebabkan oleh pembangunan perindustrian di sesebuah negara. Malaysia umpamanya, telah mengalami pembangunan pesat dalam ekonomi apabila berlakunya perubahan daripada sesebuah negara pertanian kepada perindustrian. Pembangunan perindustrian secara tidak langsung mewujudkan aktiviti seperti pembukaan kawasan-kawasan perindustrian, zon perdagangan bebas, pusat janakuasa menggunakan haba daripada kerak dan petrolieum. (Berita Harian : 2013) Maka, adalah amat perlu untuk mengetahui tahap tingkah laku pelajar bagi melihat keberkesanan pembelajaran guru di dalam kelas Pendidikan Moral dalam bidang alam sekitar ini. Selain itu, peranan guru adalah amat penting untuk membantu pelajar memahami masalah yang berkaitan dengan alam sekitar.

1.3 Objektif Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Menganalisis kesan penglibatan pelajar dalam mengikuti pelbagai teknik yang diberikan oleh guru di luar bilik darjah.

2. Mengenalpasti aktiviti yang boleh memberikan rangsangan kepada pelajar dan menarik minat pelajar di luar bilik darjah

3. Menilai teknik pembelajaran yang paling berkesan dalam memupuk pengetahuan, emosi dan perlakuan pelajar di luar bilik darjah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian ini, persoalan-persoalan berikut dikemukakan.

1. Apakah kesan penglibatan pelajar dalam mengikuti pelbagai teknik yang diberikan oleh guru di luar bilik darjah.

2. Apakah aktiviti yang boleh memberikan rangsangan kepada pelajar dan menarik minat pelajar di luar bilik darjah.

3. Adakah sikap dan tingkah laku pelajar dengan pelbagai aktiviti dapat berubah kearah positif di luar bilik darjah.

1.5 Kepentingan Kajian

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk memberi manfaat langsung kepada guru mata pelajaran Pendidikan Moral yakni mempelbagaikan teknik pengajaran di dalam kelas. Penyelidikan ini dapat menambah sumber maklumat dan memberikan idea baharu kepada guru Pendidikan Moral yang sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses pengajaran mereka melalui kajian tindakan di sekolah. Segala proses, cabaran, pemahaman dan dapatan melalui kajian ini mampu memberikan data yang pelbagai dan mempunyai nilai praktikal kepada guru. Selain itu, prosedur kajian ini juga boleh diterjemahkan oleh guru untuk dijadikan contoh panduan kajian tindakan di sekolah di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

samping memberikan peluang mereka mengetahui satu lagi amalan pengajaran yang bersifat interaktif.

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi suatu pengetahuan yang amat berguna bukan sahaja kepada pengkaji malah sebagai bakal guru juga dapat menggunakan kajian ini dalam menghadapi dan mengendalikan golongan remaja di sekolah dan permasalahan-permasalahannya. Dapatan kajian ini juga akan dapat digunakan oleh sekolah-sekolah untuk menyebarkan maklumat yang berkaitan dan memberi kesedaran kepada pelajar tentang pentingnya adab-adab belajar ketika menuntut ilmu bagi membentuk personaliti yang positif dan dapat memperolehi ilmu dengan mudah apabila mengikuti aktiviti-aktiviti yang diberikan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Hasil kajian ini nanti diharapkan dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk meneruskan usaha ke arah pengkajian yang lebih mendalam dalam bidang yang sama untuk menilai tahap pembelajaran dan pengajaran pelajar. Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pelajar agar dapat membaiki sahsiah, disiplin dan konsep kendiri mereka agar menjadi remaja yang sihat dari segi mental, fizikal, rohani dan sahsiah, rasional dan matang dalam pembentukan personaliti remaja dan mengikuti segala pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan.

Hasil kajian ini penting untuk guru-guru Pendidikan Moral bagi memantapkan aktiviti pembelajaran di luar kelas berkenaan isu alam sekitar ini. Melalui kajian ini juga guru-guru dapat mengetahui tahap pembelajaran pelajar pendidikan moral dalam bidang alam sekitar. Selain itu, adalah wajar supaya kajian tentang pengetahuan, sikap dan nilai terhadap alam sekitar ini dijalankan. Kajian ini penting dengan mengharapkan ilmu pengetahuan pencemaran alam sekitar dapat dititikberatkan supaya boleh memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya kepada generasi muda yang akan mentadbir dunia suatu hari nanti. Di samping, pengajar dapat menilai tahap keberkesanan pembelajaran yang telah diajarkan di dalam kelas melalui tingkah laku pelajar di dalam kelas mahupun di luar kelas melalui aspek sikap dan nilai moral pelajar. Permasalahan alam sekitar ini akan berleluasa sekiranya individu tidak mengambil cakna terhadap isu alam sekitar ini. Disebabkan oleh sikap yang tidak bertanggungjawab masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap alam sekitar ini, telah menyebabkan pelbagai masalah pencemaran alam sekitar yang teruk berlaku di Malaysia pada masa kini.

1.6 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai batasan berikut:

Kajian ini akan dijalankan di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Johor Baharu. Di samping, Pengkaji menetap di daerah tersebut, pengkaji juga ingin melihat tahap pengetahuan, sikap, nilai dan kesedaran pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah. Kajian melibatkan 4 Orang guru ditemu ramah yang berlainan sekolah. Guru ini merupakan guru yang mengambil subjek Pendidikan Moral. Merujuk kepada objektif kajian, pengkaji ingin melihat tahap keberkesanan PDPC Pendidikan Moral di sekolah Menengah daerah Johor.

Kajian ini menfokuskan kaedah konstruktif dalam pembentukan personaliti remaja berdasarkan adab-adab belajar menurut Islam. Konstruktif di ambil dari perkataan bahasa Inggeris '*konstruktivisme*' yang membawa maksud falsafah membina. Di bawah konteks pembelajaran teori konstruktif menganggap bahawa ilmu pengetahuan tidak boleh wujud diluar minda tetapi dibina dalam minda berdasarkan pengalaman sebenar iaitu pengetahuan dibina melalui proses pengaruh di antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaru yang berkaitan. Para pelajar membina ilmu pengetahuan dengan aktif dalam merealisasikan teori ini. Kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan iaitu koleksi jurnal serta buku-buku tentang tajuk yang dikemukakan dan maklumat-maklumat yang didapati melalui internet (laman-laman web) yang berkaitan.

1.7 Definisi Operasi

1.7.0 Pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) Menurut Helnich, Melenda dan Russell (1998) dalam AbdulRahman (2000), Pengajaran merupakan penyusunan dan pengumpulan maklumat untuk menghasilkan pembelajaran. Pengajaran adalah proses yang berorentasikan matlamat yang hendak dirancang terlebih dahulu. Pengajaran juga merupakan satu tindakan bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan nilai dan makna. Ia juga merupakan satu aktiviti intelek (Vixley,1999 dalam Abd

Rahman 2000) Dari segi definasi pembelajaran pula, pembelajaran adalah satu proses perolehan maklumat, pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Manakala menurut Morgan dan King (1998) dalam Samsuddin (1999), pembelajaran sebagai apasahaja tingkah laku yang kekal akibat pengalaman yang telah diperolehi atau latihan yang dijalankan.Dalam kajian ini aspek ciri-ciri guru berkesan dikalangan guru pelatih akan dikaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.1 Alam sekitar

Menurut James M. Baldwin , ‘Alam Sekitar’ dapat didefinisikan sebagai lingkungan dan keseluruhan keadaan luaran yang memberi pengaruh serta berinteraksi dengan organisma dalam apa juga peringkat kedudukannya. Pengertian seumpama ini menggambarkan alam sekitar mestilah dilihat secara keseluruhan tanpa mewujudkan pemisahan antara komponen-komponen di dalamnya.

1.7.2 Tingkah Laku

Definisi Menurut Lewis M.Beaker (2001) Sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar dan tingkah laku adalah manifestasi fizikal sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu.

Menurut Garry Martin & Joseph Pear (2003) Tingkah laku juga merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan, dan reaksi. Dari segi teknik, aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang melibatkan otot-otot, kelenjar (glandular) dan aktiviti elektrik oleh setiap organ serta pada dasarnya tingkah laku adalah apa sahaja yang diperkatakan atau dilakukan oleh individu.

Definisi oleh Carl Rogers (1999) Rogers menekankan bahawa seseorang individu bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan. Sekiranya individu itu mempunyai konsep kendiri yang positif maka dia berupaya berinteraksi dan bertindak dengan lebih yakin.

Definisi menurut Al-Ghazali dari perspektif Islam Pergerakkan tingkah laku manusia bertujuan kemanusiaan dan agama. Tindakan perlakuan individu memperlihatkan beberapa ciri-ciri berdasarkan dorongan dan tujuaan. Terhasilnya dorongan dan tujuan tersebut adalah daripada individu itu sendiri. Motivasi-motivasi yang wujud dalam diri individu kebiasaannya diperolehi daripada persekitaran luar yang mempunyai rangsangan yang kuat dan hendak memenuhi fisiologi seperti perasaan cinta dan sayang kepada agama dan Allah. Motivasi daripada perlakuan ini menggerakkan seseorang itu melakukan sesuatu perkaraa. Tingkah laku seseorang itu sama ada baik atau buruk bergantung terhadap kesedaran yang ada pada diri seseorang dalam sesuatu situasi. Tingkah laku ini terdorong kepada dua peringkat, sama ada individu terkesan dengan motivasi yang baik atau individu terdorong dengan keadaan dipersekitaran yang buruk.

1.7.3 Teknik

Menurut Shahabuddin Hashim (2007), teknik merujuk kepada kemahiran guru mengelola dan melaksanakan kaedah pengajaran yang dilaksanakan. Teknik juga merupakan pengendalian yang betul berlaku di bilik darjah serta digunakan dalam langkah pengajaran. Teknik juga dikaitkan dengan pengendalian suatu organisasi yang benar-benar berlaku di dalam bilik darjah di mana ianya digunakan untuk mencapai sesuatu objektif. (Kamaruddin & Siti Hajar,1997)

1.7.4 Pendidikan Moral

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) mendefinisikan Pendidikan Moral sebagai satu program yang mendidik pelajar supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhlak mulia dengan menekankan kepada aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral atau tingkah laku moral. Pendidikan Moral di sekolah menengah telah memberi tumpuan terhadap usaha memupuk kekuatan kerohanian dan kemoralan pelajar melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masayarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini. Menurut Ahmad Khamis (1999), pendidikan Moral adalah suatu ajaran ketepatan lisan atau bertulis tentang manusia harus hidup dan bertindak agar menjadi manusia yang baik.

1.7.5 Personaliti

Personaliti berasal dari perkataan Latin "*Pesona*", yang membawa maksud topeng atau pelindung muka iaitu merujuk kepada penampilan luaran seseorang individu. Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Allport 1961, (dalam Mischel,1999) menyatakan bahawa konsep personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran.

1.7.6 Remaja

Dalam Bahasa Inggeris, "*adolescence*" berasal daripada perkataan Latin "*adolescere"* yang bermaksud "membesar" atau "membesar menjadi matang" (Rogers,1981). Ini bermakna zaman remaja merupakan suatu proses dan bukannya jangkamasa. Proses yang dimaksudkan ialah proses mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat. Secara praktikalnya, zaman remaja dilihat sebagai suatu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa. Ia merupakan suatu zaman transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Menurut Hall (1904), zaman remaja

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan zaman *'storm and stress'*. Ini kerana remaja akan mengalami perubahan secara biologikal akibat perubahan hormon tubuh badan dan perlu disesuaikan dengan harapan dan kehendak masyarakat. Oleh itu, remaja akan sentiasa menghadapi konflik dalam memenuhi keperluan kejantinaan, perkembangan egoistik, tingkah laku tidak menentu, perkembangan self esteem dan emosi. Remaja juga bermaksud satu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa, biasanya pelajar-pelajar ini berumur di antara 12 hingga 17 tahun.

1.8 Rumusan

Bab ini telah membincagkan mengenai latar belakang kajian yang ingin dikaji, antara elemen yang dikaji adalah berkaitan dengan pernyataan masalah, tujuan kajian, definisi operasi, persoalan dan batasan kajian. Berdasarkan perbincangan di atas ini juga, meneragkan dengan jelas hala tuju kajian yang akan di jalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat pelbagai aktiviti yang boleh digunakan dalam proses PdPC Pendidikan Moral. Pelbagai teknik pembelajaran dapat memberikan sumbangan yang penting dalam mata pelajaran Pendidikan Moral sekiranya digunakan secara bersesuaian dengan isi pelajaran dan tahap pemikiran pelajar. Hal ini dapat memberi kesan positif kepada pelajar dan guru serta menepati kehendak kurikulum.

Kajian ini terbatas kepada guru yang mengajar Pendidikan Moral, maka dapatan kajian ini tidak dapat mewakili kepada guru yang tidak mengajar Pendidikan Moral. Kesimpulannya, kajian ini amat penting utuk mengetahui sejauhmana pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral di luar bilik darjah dan persediaan guru menggunakan pelbagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran. Walaupun aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah mendatangkan kesan yang baik dalam pengajaran guru dan pembelajaran pelajar namun pengkaji ingin mengetahui penggunaan teknik pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran pendidikan moral tingkatan dua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Huraian mengenai latar belakang kajian dan objektif kajian dapat memberikan gambaran yang jelas tetang kajian yang akan dijalankan. Penerangan ini secara tidak langsung akan membantu pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan menepati segala keperluan terhadap apa yang hendak dikaji. Dalam usaha menghasilkan kajian yang lebih berkesan dan berkualiti, tinjauan iterator dijalankan untuk mewujudkan keselarasan kajian ini dengan kajian lepas. Oleh itu, dalam bab dua akan dijelaskan dengan lebih lanjut mengenai kajian literature yang telah dijalankan oleh pengkaji sebelumnya berkaitan dengan tajuk kajian iniperlu dilakukan untuk mengukuhkan lagi kajian.

Pembentukan remaja yang bersikap positif, dinamik dan kreatif bergantung kepada faktor dalaman dan luaran termasuk peranan institusi kekeluargaan. Gaya asuhan yang betul dalam membentuk sahsiah merupakan satu cabaran yang timbul dalam proses perkembangan melalui pendidikan awal yang disediakan oleh sesebuah keluarga walaupun tidak dapat dinafikan bahawa membesarkan dan mengasuh anak-anak bukanlah satu tugas dan tanggungjawab mudah atau boleh diambil ringan sahaja. Namun disini ibu bapalah merupakan orang yang utama dalam keluarga yang akan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial seseorang individu.

Dalam konteks ini, didikan agama akan menentukan matlamat hidup dan nilai-nilai akhlak serta kepercayaan remaja. Keseimbangan beragama dengan mengisi kehidupan ini dengan aktiviti-aktiviti berfaedah hendaklah diamalkan oleh remaja demi kesejahteraan hidup mereka. Kehidupan remaja muslim hendaklah sentiasa berpandukan al-Quran dalam mencapai matlamat hidup mereka. Menuntut ilmu amat diutamakan di dalam kehidupan seseorang muslim. Keutamaan belajar atau menuntut ilmu dalam Islam adalah lebih utama dari sembahyang sunat. Imam Syafi'i r.a. berkata "menuntut ilmu itu lebih utama dari sembahyang sunat." Dalam perkembangan yang sama Abu Darda' pula diriwayatkan berkata "kiranya saya dapat mempelajari suatu masalah, itu adalah lebih saya cintai daripada saya bangun beribadat sepanjang malam. Orang alim dan orang yang menuntut ilmu itu adalah dua orang yang berkongsi dalam kebaikan. Sementara orang-orang selain dari keduanya adalah sia-sia belaka, tiada berguna sama sekali".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pernyataan masalah ini, pencemaran alam sekitar semakin hari semakin meningkat mengikut pertambahan bilangan pengguna. Pendidikan Moral adalah satu mata pelajaran yang mengulaskan topik berkaitan alam sekitar. Oleh itu, dengan mengunakan kajian ini pengkaji dapat melihat tahap tingkah laku pelajar melalui pengetahuan, nilai dan sikap pelajar Sekolah Menengah yang mahu dikaji adakah pendidikan ini berkesan atau sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan kajian lepas yang bertujuan untuk memberi gambaran awal sebelum menjalankan kajian. Kajian lepas akan menjadi panduan bagi menjalankan kajian ini. Oleh yang demikian, kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain buku dan artikel turut dijelaskan dalam bab ini. Bab ini turut membincangkan teori-teori yang berkaitan dengan kajian ini.

2.1 Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk mendapatkan ilmu. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral merupakan satu proses yang memerlukan guru mempelbagaikan kegunaan isu dan situasi untuk melatih pelajar menghadapi konflik moral dan menyelesaikan masalah berasaskan nilai dan prinsip moral yang dipelajari. Pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral di sekolah menengah pula menekankan pemupukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekuatan kerohanian dan kemoralan melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada agama, tradisi dan adat resam kaum yang pelbagai (Vishalache 2004). Keadaan ini bertujuan untuk membantu pelajar membina satu panduan hidup bagi membolehkan mereka menjadi insan yang bertanggungjawab secara moral dan sosial atas segala keputusan dan tindakan yang mereka ambil.

Menurut Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid (2001) dalam Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, Pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral juga menekankan perkembangan dimensi pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral pelajar. Oleh itu, pendidikan moral memainkan peranan penting untuk menyemai dan menanam nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar bagi membentuk dan melahirkan pelajar yang berkualiti tinggi dalam moral, sosial dan rohani. Namun demikian, amalan pengajaran dan pembelajaran secara hafalan nilai dan kata kunci menyebabkan pelajar hanya belajar untuk menghafal nilai tetapi tidak memahami nilai tersebut secara mendalam menyebabkan mereka gagal untuk mengaplikasi nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Jelaslah disini bahawa kajian Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid hanya membincangkan mengenai penggunaan kaedah pengajaran secara konvensional iaitu hafalan nilai dan kata kunci manakala kajian ini menekankan penggunaan media berasaskan teknologi dalam pengajaran untuk menerapkan sesuatu nilai dalam diri pelajar.

Chang (2002) pendekatan dalam Pendidikan Moral menjelaskan bahawa terdapat beberapa pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral namu perlu diubah sesuai mengikut konteks budaya negara kita termasuk dengan menggabungkan beberapa pendekatan. Pengaplikasian pendekatan pemupukan nilai, perkembangan moral kognitif, analisis nilai, penjelasan nilai, pendekatan penyayang serta pendekatan pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran boleh digunakan untuk mengembangkan dimensi moral pelajar yang terdiri daripada aspek pemikiran moral, perasaan moral, dan tingkah laku moral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun guru menggabungkan beberapa pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran namun tumpuan tidak dapat diberikan secara menyeluruh kepada satu-satu pelajar disebabkan bilangan pelajar yang ramai dan penglibatan setiap pelajar tidak menyeluruh. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji penggunaan media berasaskan teknologi yang berupaya menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam kelas serta melahirkan pelajar yang dapat mempunyai kemahiran berfikir secara kritis serta berupaya menyelesaikan masalah.

Vishalache (2004) dalam Jurnal pendidikan menyatakan bahawa penggunaan dilemma sebenar dalam pengajaran pendidikan moral dapat menggalakkan perkembangan kognitif moral pelajar serta boleh digunakan sebagai salah satu pengukuran perspektif moral pelajar. Penggunaan dilemma kehidupan sebenar juga membolehkan pelajar berfikir secara matang sebelum memberi respon mengenai isu yang dibincangkan dalam bilik darjah yang merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Teknik tersebut mungkin berkesan bagi pelajar cemerlang namun bagaimana pula dengan pelajar yang lemah yang sukar untuk membayangkan sesuatu situasi walaupun berada dalam kehidupan situasi sebenar. Oleh itu, penggunaan pelbagai teknik diluar kelas mampu mengenalpasti kemahiran yang ada kepada pelajar.

Justeru itu, penggunaan pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral juga bertujuan untuk mengembangkan aspek pertimbangan moral dan emosi moral mereka. Perkara ini disokong oleh Swan (2005) dalam *Journal of value inquiry* yang berpendapat bahawa pengajaran berdasarkan analisis bermasalah berupaya memperkembangkan kebolehan pemikiran seseorang pelajar. Guru juga boleh menggunakan dilemma berdasarkan dunia sebenar dalam pengajaran dalam mengembangkan lagi aspek pertimbangan dan emosi moral pelajar. Namun penggunaan dilemma berdasarkan dunia sebenar dalam pengajaran tidak memberikan gambaran yang meluas kepada pelajar disebabkan oleh potensi pelajar yang berbeza-beza. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan pelbagai teknik di luar bikik darjah dapat membantu pelajar untuk lebih mendalami dan memahami situasi yang dibincangkan di luar bilik darjah melalui tayangan video khususnya dan secara tidak langsung akan dapat mengajar mereka untuk mempraktikkan perkara tersebut dalam kehidupan sebenar.

King dan Mayhew (2010) dalam *Journal of Moral Education* menyatakan bahawa perkembangan pertimbangan moral diperangaruhi oleh pembelajaran aktif, pembelajaran refleksi dan interaksi antara pelajar di luar kelas. Ketiga-tiga ini dilihat bukan sahaja berupaya mempengaruhi perkembangan pertimbangan pelajar malah tingkah laku moral pelajar juga. Perkara ini menunjukkan bahawa pelbagai strategi pengajaran sangat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Namun demikian, jumlah waktu pengajaran yang terhad diperuntukkan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral menyebabkan kandungan dan amalan yang ingin disampaikan oleh guru tidak tercapai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Strategi pengajaran yang digunakan oleh guru merupakan penentu keberkesanan pengajaran dan pembelajaraan dalam bilik darjah. Di samping itu, penguasaan kandungan pengajaran juga sangat penting bagi membolehkan guru menyampaikan pengajaran secara berkesan bagi membolehkan pelajar mengaplikasikan pengajaran dalam kehidupan seharian. Pemahaman yang mendalam mengenai konsep dan fungsi pengajaran membolehkan guru menyampaikan pengajaran dalam bentuk yang lebih mudah difahami oleh pelajar. Proses pengajaran juga menjadi lebih teratur dan penggunaan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar membolehkan pelajar lebih memahami pengajaran guru (Kalaiselvi al, 2015) dalam International Journal of Education and Training. Namun demikian, guru hendaklah sentiasa berusaha mencari strategi atau cara yang lebih sesuai serta menarik kerana pelajar yang terdiri daripada pelbagai segi mental, fizikal, dan emosi serta perkembangan era digital yang pesat. Oleh yang demikian, strategi pengajaran berasaskan teknologi dalam kehidupan seharian kerana mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Khairi, zailani, Alis & Nurfasihah (2017) dalam Jurnal Teknologi (Social Sciences) iaitu kajian yang dijalankan untuk mengenal pasti masalah dan cabaran dalam membentuk nilai dan amalan moral dalam kalangan pelajar menyatakan bahawa guru boleh menggunakan pendekatan pengajaran berdasarkan multiliterasi dalam menangani pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin, bersikap agresif dan tingkah laku bermasalah. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan emosi pelajar dalam menangani masalah tingkah laku mereka. Walau bagaimanapun, keadaan teknologi semasa menyebabkan pelajar mudah terdedah dengan video-video ganas dan cara hidup barat melalui media sosial mendorong pelajar melibatkan diri denga gejala yang tidak bermoral. Namun penggunaan pelbagai teknik diluar kelas khususnya penggunaan tayangan video dalam pembelajaran membolehkan guru memberikan pendedahan awal mengenai perkara tersebut terhadap diri, keluarga dan masyarakat.

Oleh itu, untuk memenuhi kehendak pembelajaran abad ke-21 penggunaan media berasaskan teknokogi dalam pengajaran dan pembelajaran pentinguntuk menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana penggunaan media berasaskan teknologi dalam pembelajaran dapat mengembangkan penaakulan, perasaan dan tingkah laku pelajar.

2.2 Teori Penaakulan Moral Kohlberg

Pembelajaran yang berkesan untuk mendidik pelajar adalah berkait rapat dengan teori ini dengan menggunakan teori ini tingkah laku yang baik akan dilihat secara berperingkat. Teori yang berkaitan dengan kajian ini adalah teori Penaakulan Moral Kohlberg yang dipelopori oleh Lawrence Kohlberg. Teori ini digunakan sebagai pengukuhan kepada fakta dan maklumat yang disediakan. Pada tahun 1985 melalui hasil kajiannya, Teori Kohlberg ini dikembangkan berasaskan perkembangan kognitif dalam Teori Piaget. Melalui kajian ini pengkaji bersetuju untuk memilih Teori Penaakulan Moral Kohlberg sebagai penyokong kajian ini. Suppiah et.al (2008) menyatakan bahawa Kohlberg telah membahagikan peringkat perkembangan moral kepada tiga peringkat yang utama dan setiap peringkat dipecahkan kepada dua tahap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.0

Peringkat perkembangan moral Teori Kohlberg

Peringkat	Tahap
Prakonvensional	Orentasi dendaan dan kepatuhan
	Orentasi ganjaran peribadi
Konvensional	Orentasi Harmoni antara peribadi
	Orentasi Undang-undang dan peraturan
Poskonvensional	Orentasi Kontrak sosial
	Orentasi Prinsip Etika Sejagat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat Prakonvensional

Pada peringkat ini terdapat beberapa tahap pelajar antaranya kanak-kanak pra sekolah, pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah. Peringkat ini dapat dibahagikan kepada dua tahap:

Tahap 1 : Orentasi dendaan dan kepatuhan

Orentasi dendaan dan kepatuhan didorong oleh perasaan mengelak hukuman. Orentasi pada peringkat ini sangat mudah, iaitu guru atau ibu bapa (orang yang berkuasa) akan menetapkan siapa yang betul dan salah. Sprinthall, Sprinthall dan Oja (1998) mengatakan prinsip moral adalah berdasarkan ‘Ikan Besar makan Ikan Kecil’ atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Survival of the fittest'. Moraliti di peringkat ini juga terbentuk berasaskan kepada prinsip hedonism, iaitu mengelak daripada kesakitan atau dendaan. Pelajar mengandaikan bahawa pihak yang berkuasa menurunkan satu set peraturan tetap yang perlu dipatuhi tanpa perlu dipersoalkan. Pelajar yang berada di peringkat ini akan berfikir bahawa mereka mematuhi peraturan dan juga melanggar peraturan sekiranya mereka berasa boleh terlepas dari dikenakan hukuman atau ditangkap.

Tahap 2 : Orentasi ganjaran peribadi

Orentasi Ganjaran Peribadi didorong oleh perasaan ingin mendapat hadiah atau pujian. Falsafah yang mendasari orentasi peringkat ini ialah sekiranya kamu berbuat baik kepada saya, saya akan berbuat baik kepada kamu. Peringkat ini dikenali sebagai utilitarian hedonism, iaitu seseorang menilai untuk melakukan sesuatu berdasarkan keinginan untuk mendapatkan ganjaran atau balasan baik.

Peringkat Konvensional

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahap ini terdapat kanak-kanak sekolah rendah dan sebilangan pelajar sekolah menengah dan dibahagikan kepada dua tahap:

Tahap 3 : Orentasi Harmoni antara peribadi

Harmoni antara peribadi (budak baik) didorong oleh perasaan ingin mendapatkan persetujuan ibu bapa dalam sesuatu yang ingin dilakukan dan sesuatu tindakan yang dilakukan akan dinilai baik atau buruk berdasarkan sokongan atau persetujuan orang lain. Perlakuan yang baik ditafsirkan sebagai disukai oleh orang lain dan mereka akan berkelakuan baik untuk mendapat ganjaran atau pujian daripada orang lain.

Tahap 4 : Orentasi Undang-undang dan peraturan

Orentasi Peraturan dan Undang-undang didorong oleh perasaan memenuhi tanggungjawab dan mengelak rasa bersalah. Individu biasanya merujuk kepada norma-norma masyarakat, peraturan dan undang-undang sebagai sesuatu yang muktamad dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seluruh ahli masyarakat mesti patuh kepada peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Peringkat Poskonvensional

Tahap pemikiran moral ini terdiri daripada pelajar universiti dan dibahagikan kepada dua tahap

Tahap 5 : Orentasi Kontrak sosial

Orentasi kontrak sosial didorong oleh perasaan untuk bertindak rasional, berasaskan prinsip prsetujuan bersama. Peraturan dan undang-undang yang digubal adalah hasil persetujuan orang ramai dan boleh membawa kebaikan kepada masyarakat. Mereka juga mengakui bahawa peraturan yang digubal adalah fleksibel dan boleh diubah sekiranya bertentangan dengan norma-norma masyarakat atau apabila tidak diperlukan lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap 6 : Orentasi Prinsip Etika Sejagat.

Prinsip Etika Sejagat didorong oleh perasaan ingin mempertahankan prinsip kemanusiaan sendiri dan mengelakan menyalahkan diri sendiri. Pringkat ini juga merupakan peringkat yang tertinggi dalam pemikiran moral seseorang kerana ia melibatkan soal falsafah tentang moral itu sendiri. Individu pada peringkat ini sering mempertikaikan nilai dan norma, juga mempersoalkan tentang prinsip dan norma tersebut. Sesuatu yang dianggap betul ditentukan berdasarkan satu prinsip pilihan sendiri yang sesuai untuk semua manusia sejagat tanpa mengira masa dan keadaan.

2.3 Teori Behavioris

“Pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku kekal yang dihasilkan daripada pengalaman atau latihan.” ~ Williams & Anandam (1973) Teori pembelajaran Behaviorisme mengatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses pelaziman,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimana hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal. Tokoh-tokoh mazhab behavioris seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu tingkah laku yang boleh diperhatikan, dikawal dan diramal. Dari perspektif behaviorisme, pembelajaran hanya bermula apabila wujudnya tindak balas terhadap suatu rangsangan yang diberi. Proses pembelajaran akan diteruskan jika terdapat motivasi ekstrinsik yang sesuai (sama ada peneguhan positif atau negatif) sementara pembelajaran dikatakan berakhir apabila perubahan tingkah laku dapat dibentuk dan dikekalkan.

Ahli psikologi kognitif, Bruner (1973) pula memberi definisi seperti berikut: "Pembelajaran adalah satu proses aktif dimana pelajar membina idea baru atau konsep-konsep yang berasaskan pengetahuan dahulu dan semasa mereka." Menurut teori pembelajaran mazhab kognitif, pembelajaran merupakan satu proses pembentukan struktur kognitif dan perwakilan minda yang aktif. Pembelajaran kognitif menekankan cara belajar seperti pemikiran celik akal, kaedah penyelesaian masalah, penemuan, kategori membelajaran dan resepsi. Ilmu pengetahuan yang diperoleh bukan berhasil daripada latih-tubi dan peneguhan, tetapi lebih merujuk kepada proses interaksi antara skema minda, pengalaman sedia ada dan keadaan baru, yang juga melibatkan pengharapan seseorang individu tersebut. Dengan perkataan lain, sekiranya seseorang tidak dapat mengenal pasti hubungan perkara dan ertinya yang dipelajari, pembelajaran tidak akan berlaku walaupun diberikan latihan berulang-ulang.

Ahli-ahli psikologi behaviorisme berpendapat sesuatu benda yang wujud adalah benda yang kita boleh diperhatikan.Kita tidak dapat melihat pemikiran, tetapi kita dapat membuat pemerhatian terhadap perlakuan manusia.Dari tingkah laku ini kita dapat membuat kesimpulan tentang apa yang sedang difikirkan.Antara tokoh-tokoh behaviorisme yang terkemuka ialah ahli-ahli pelaziman klasik Pavlov serta ahli-ahli pelaziman operan Skinner. Teori Behaviorisme adalah pembelajaran berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Rangsangan dan gerak balas akan menghasilkan perubahan tingkah laku. Oleh itu tingkah laku pelajar boleh diperhatikan, dikawal dan diramal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Teori konstruktivisme

Kegagalan guru menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menarik menyebabkan pelajar berasa bosan, mengantuk dan jemu dengan pengajaran guru. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran haruslah berupaya menarik minat dan berupaya mencabar kebolehan pelajar dengan menekankan sifat kreatif dan inovasi untuk mengembangkan minda kreatif dan kritis pelajar. Pendekatan berpusatkan pelajar yang menggalakkan penglibatan pelajar secara aktif seperti perkongsian idea dan meneroka sendiri dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Teori konstruktivisme bersifat berpusatkan pelajar merupakan teori yang digunakan sebagai panduan untuk menentukan peningkatan emosi pelajar. Pendekatan ini merupakan satu proses yang menjelaskan cara pengetahuan pelajar disusun kerana pengetahuan merupakan sesuatu yang diperkembangkan secara aktif oleh pelajar bukan diperoleh secara pasif dari persekitaran guru (Syahida Nadia 2015). Di samping itu, teori ini turut menekankan bahawa pengetahuan yang dibina oleh pelajar kerana setiap pelajar mempunyai pendapat dan pengetahuan asas, pembelajaran turut melibatkan aspek sosial serta guru berperanan sebagai fasilitator dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, teori ini menyimbangkan peranan guru da pelajar agar saling bergantung antara satu sama lain (Atifah 2017).

Melalui teori ini juga, guru diberi peluang dan kebebasan dalam memilih pelbagai kaedah pembelajaran yang bersesuaian untuk menggalakkan pembelajaran pelajar. Selain itu, pelajar turut diberi hak untuk belajar dengan membina makna dan kefahaman yang tinggi dalam kerangka minda masing-masing berdasarkan pengalaman dan pengetahuan setia ada serta menekankan kepentingan pernyertaan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar (zainal & Afrinaleni t.t) keadaan ini memerlukan guru lebih peka terhadap keperluan dan kehendak pelajar dengan memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka bagi menggalakkan pelajar belajar sendiri serta meningkatkan kognitif pelajar menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Interaksi sosial turut memainkan peranan penting dalam membantu dan menyokong pengajaran dan pembelajaran serta menggalakkan pemikiran aras tinggi (Atifah 2017). Di samping itu, teori ini turut membantu guru agar lebih memahami proses pembelajaran yang berlaku dalam diri pelajar, memahami factor yang mempengaruhi dan mempercepatkan proses pembelajaran pelajar agar guru dapat membuat ramalan yang tepat mengenai hasil yang diharapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (Syahida Nadia 2015).

Pendekatan Konstruktivisme berupaya menjadi medium utama dalam memperkasakan pembelajaran bagi menghasilkan pembelajaran efektif serta melahirkan pelajar yang lebih kreatif dan inovatif. Oleh itu, pelajar hendaklah bersedia menghadapi pembelajaran secara aktif kerana pendekatan konstruktivisme menggalakkan pelajar belajar secara kendiri dalam mencari ilmu.

Dalam menangani masalah remaja memerlukan kebijaksanaan dan rasional seseorang. Instituisi keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Bermula daripada institusi keluarga, segala masalah sosial dalam masyarakat dapat dibendung. Selain daripada itu masalah sosial juga dapat dibendung melalui kasih sayang yang disertai dengan unsur-unsur lain yang membantu. Sememangnya terbukti hanya ibubapa sahajalah sebagai individu yang paling hampir dapat menangani masalah anak-anak mereka. Selain daripada itu, rakan sebaya turut sama memberikan pendidikan tidak formal kepada remaja. Kebiasannya remaja akan mengikuti apa yang dibuat oleh rakan mereka. Tingkah laku yang dipelajari daripada rakan-rakan sebaya samada berunsur positif atau negatif secara tidak langsung boleh menyebabkan remaja cenderung kepada sikap tersebut.

Kajian-kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsosialisasian remaja iaitu sikap, nilai dan sistem kepercayaan akan diterapkan ke dalam minda remaja. Selain itu, persekitaran keluarga juga menjadi medan kepada proses perkembangan emosi, kognitif dan sosial setiap ahli di dalamnya. Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekeluargaan dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah di kalangan remaja masa kini. Kebanyakan masalah yang dialami oleh remaja kini sebahagian besarnya bertitik tolak dari institusi keluarga remaja itu sendiri di mana kepincangan yang wujud dari institusi keluarga akan membawa kepada pelbagai kesan negatif terhadap remaja tersebut. Kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa remaja bermasalah kebanyakannya adalah berlatar belakangkan keluarga yang bermasalah (Dishion et al., 1991; Rutter, 1985; Vuchinich, 1992)

Ilmu sebagai komponen utama dalam pendidikan mempunyai proses-proses tertentu. Di antara kegiatan yang terpenting ialah proses belajar dan mengajar. Kedua-dua kegiatan tersebut adalah melibatkan pelajar atau pelajar yang berperanan untuk menuntut ilmu di satu pihak manakala guru pula berfungsi sebagai pembimbing dan pemberi ilmu pengetahuan di pihak yang lain. Ajaran agama Islam sebagai panduan hidup (ad-din) seluruh umat manusia telah dilengkapi dengan panduan-panduan yang sempurna untuk umatnya mengharungi hidup bukan sahaja untuk kebahagiaan hidup di dunia tetapi juga untuk kebahagiaan di akhirat. Kebahagiaan di dunia meliputi hubungan manusia sesama manusia dan alam sementara kebahagiaan di akhirat pula adalah merangkumi hubungan manusia dengan Allah Ta'ala.

Dalam perkembangan yang sama, Ustaz Ismail Mahmood (1989) telah turut mengutarakan beberapa adab belajar mengikut perspektif Islam. Menurut beliau oleh kerana belajar sebagai salah satu tuntutan agama maka ia hendaklah didahului dengan niat yang ikhlas iaitu semata-mata untuk menuntut keredaan Allah Ta'ala selaras dengan hadis Rasulullah s.a.w. (hadis sahih Bukhari dan Muslim) yang bermaksud "Sesungguhnya amalan-amalan itu dengan niat dan sesungguhnya bagi tiap-tiap seorang perkara itu dia niatkan". Ini bermakna dalam mengejar ilmu, seseorang pelajar itu tidak seharusnya mempunyai niat untuk mencapai tujuan-tujuan keduniaan seperti berharta, kepimpinan, kemukaan, mengatasi kawan-kawan yang sebaya dengannya dan juga mendapatkan pujian manusia. Firman Allah dalam surah al-Sura: 20 yang bermaksud "Barang siapa yang mahukan hasil (pahala) akhirat nescaya Kami tambah kepada padanya hasil dan barang siapa yang mahukan hasil dunia nescaya Kami berikan sebahagian daripadanya dan tidak akan ada bahagian pahala baginya di akhirat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nanti". Dalam surah al-Asra: 18, Allah berfirman bermaksud "Barang siapa mahu yang segera (dunia) nescaya Kami segerakan kepadanya di dunia ini mengikut apa yang kami kehendaki iaitu kepada orang yang kami mahukan". Sabda Rasullullah s.aw. seperti yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud "Barang siapa yang belajar ilmu yang dibuat untuk mencari wajah Allah tetapi dia mempelajarinya bukan kerana itu bahkan kerana mendapatkan tujuan (barangan) dunia nescaya dia tidak mendapat bauan syurga di hari kiamat".

2.5 Teknik Jigsaw

Terdapat pelbagai teknik pembelajaran koperatif antaranya ialah Jigsaw, Jigsaw II, Teams-Games-Tournaments (TGT), Student Teams Achievement Division (STAD) dan sebagainya. Teknik Jigsaw II merupakan satu teknik yang dikembangkan dan di adaptasi oleh Slavin (1986) daripada teknik Jigsaw yang dibentuk oleh Elliot Aronson (1974). Teknik Jigsaw II dibentuk sebagai usaha untuk menambah baik teknik Jigsaw yang telah dibentuk oleh Elliot Aronson (1974) dalam sudut kesaksamaan pembelajaran dan matlamat berkumpulan yang pada awalnya tidak diberi perhatian dalam teknik Jigsaw. Kenyataan ini disokong oleh Trianto (2010) yang menyatakan perbezaan yang mendasari pembelajaran Jigsaw I dan Jigsaw II dari segi ketelitiannya. Teknik Jigsaw II memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai keseluruhan konsep sebelum menjadi pakar pada bahagian tertentu. Berbeza dengan teknik Jigsaw I yang membenarkan pelajarnya hanya menguasai konsep yang tertentu sahaja.

Model pembelajaran Jigsaw II amat mementingkan matlamat berkumpulan bagi memperoleh satu matlamat yang sama dalam sesuatu pembelajaran. Kedua, kesaksamaan, disebabkan Jigsaw II amat mementingkan matlamat berkumpulan yang sama dan semua ahli perlu mempunyai dan mencapai satu matlamat yang sama, jadi kesaksamaan kepada semua ahli kumpulan amatlah penting. Setiap pelajar mempunyai peluang dan ruang yang sama untuk mencapai matlamat berkumpulan. Secara umum, Jigsaw II ini membentuk suasana pembelajaran yang bermula daripada memahami dasar sehingga pemecahan masalah yang lebih kompleks. Dalam kaedah ini juga, setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ahli kumpulan akan menjadi ‘pakar’ bagi setiap subunit dalam sesuatu unit topik yang dipelajari. Setiap ‘juru’ perlu memahami sub-unit yang diberikan dan akan menerangkan kepada ahli kumpulan yang lain. Soal jawab dan perbincangan yang berlaku dalam kumpulan ini memberi ruang kepada ‘juru’dan ‘ahli’ untuk sama-sama berbincang untuk pembentangan.

Selain itu, kaedah Jigsaw II ini juga memberi peluang kepada pelajar bijak memberi tunjuk ajar kepada pelajar yang kurang bijak dan dapat meningkatkan keyakinan mereka. Seperti kaedah pembelajaran yang lain, kaedah pembelajaran Jigsaw II turut mempunyai langkah pelaksanaannya di dalam kelas demi menjamin kelicinan PdPc (Slavin 1990). 1) Pelajar akan dikelompokkan dalam satu kumpulan seramai empat hingga enam orang pelajar. 2) Setiap ahli kumpulan diberikan satu topik yang sama dan semua pelajar perlu membaca topik itu secara keseluruhan. 3) Setiap pelajar dalam kumpulan akan diberikan agihan subtopik yang perlu dikuasai. 4) Kemudian setiap pelajar yang mempunyai subtopik yang berbeza akan bertemu dalam kumpulan pakar yang mempunyai subtopik yang sama dan berbincang mengenai subtopik yang diperoleh secara lebih mendalam. 5) Pelajar akan bergerak ke kumpulan asal memberi laporan dan bertukar pendapat mengenai subtopik yang telah dibincangkan dalam kumpulan pakar sebentar tadi. 6) Setiap pelajar akan diberikan ujian atau kuiz secara individu. Kemudian, guru akan mengira skor bagi setiap individu dalam kumpulan. 7) Guru akan memberikan penghargaan kepada kumpulan yang mempunyai nilai pencapaian yang tinggi.

Cara pelaksanaan kaedah Jigsaw II ini amat bersesuaian dengan pelaksanaan PAK21 yang banyak menumpukan kepada para pelajar yang perlu aktif dalam menguasai sesuatu pembelajaran dan banyak perbincangan antara ahli kumpulan. Seiring dengan PAK21, para pelajar memainkan peranan yang sangat penting dalam mencari dan memperoleh ilmu pengetahuan di dalam kelas. Pelajar perlu bergerak secara aktif dan berdisplin dalam mencari ilmu pengetahuan. Fungsi guru pula adalah sebagai pembimbing dan pemudahcara dalam pembelajaran bagi memastikan kelangsungan pembelajaran tersebut. Selain itu, guru juga perlu memerhatikan dan memastikan para pelajar mempunyai kefahaman yang betul sepanjang berada dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesi pembelajaran. Perkara ini amat bertepatan dengan konsep kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II. Dalam Jigsaw II, muridperlu bergerak daripada kumpulan ahli kepada kumpulan pakar dan berbincang mengenai subtopik yang diberikan.

Tugas guru dalam Jigsaw II ini juga adalah sebagai pembimbing dan pemudahcara dalam memastikan usaha untuk membentuk persekitaran PdPc yang aktif dan tidak pasif seperti yang dituntut PAK21, pelaksanaan pembelajaran koperatif Jigsaw II amatlah penting. Hal ini kerana, pembelajaran koperatif Jigsaw II merupakan satu kaedah pembelajaran yang membenarkan muridbelajar dan mengajar antara satu sama lain. Mohaffyza (2008) menyokong kenyataan ini melalui kajian yang dijalankannya yang membuktikan bahawa pembelajaran koperatif ini menggalakkan pelajar mengajar dan belajar sesama mereka. Disiplin ilmu dan tanggungjawab dalam memahami, menguasai dan menerangkan semula kepada rakan-rakan yang lain sememangnya membantu kepada pelaksanaan PAK21yang akan melahirkan pelajar yang bertanggungjawab, aktif mencari ilmu dan mempunyai komunikasi serta interaksi sosial yang baik sesuai dengan permintaan PAK21ini. Pendapat ini bersamaan dengan cadangan yang diutarakan oleh Amira (2008) dan Lai (2006) yang mencadangkan cabaran dunia alaf ke 21 ini dalam pembelajaran koperatif sesuai diamalkan di semua sekolah untuk dijadikan kaedah pembelajaran yang penting.

2.6 Teknik Gallery Walk

Pecahkan murid kepada beberapa kumpulan dan memastikan guru sudah bersiap sedia terutamanya peralatan yang akan digunakan jadi apabila pelajar telah di kelaskan beberapa kumpulan guru kene beri penerangan kepada pelajar apa yang perlu dilakukan oleh murid kemudian pelajar ini akan diberikan peralatan dan bahan-bahan untuk mereka membuat persiapan dan apabila penerangan guru sudah selesai tadi pelajar-pelajar seharusnya berbincang bersama ahli kumpulan selama 20 minit kemudian pelajar akan melakukan pergerakkan bersama ahli kumpulan mengikut soalan yang diberi dan ia sesuai untuk dipraktikkan bagi abad ke 21 ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila pelajar sudah membuat kelengkapan dalam kumpulan, mereka perlu memilih seorang atau dua orang bagi mewakili kumpulan perbentangan dalam kumpulan mereka. Manakala ahli yang lain digerakkan ke syeksyen lain bagi mengambil maklumat dan info penting dari syeksyen-syeksyen yang lain dan boleh bersoal jawab di dalam kumpulan yang telah diwakilkan untuk perbentangan di tempat tersebut. Pelajar yang diwakilkan bergerak untuk menerima maklumat perlulah mengigati apa yang disampaikan oleh ketua kumpulan tersebut. Guru seharusnya memberikan soalan yang benar-benar difahami oleh setiap ahli kumpulan. Walau bagaimanapun ahli-ahli penggerak boleh kembali semula ke tempat masing-masing dan memperbaiki jawapan-jawapan yang mereka salah dengan menggunakan pen marker supaya hasil kerja yang dibuat dapat dikongsikan dengan rakan-rakan yang lain. Disamping itu, kelebihan yang dapat daripada aktiviti gallery walk ini peserta akan mendapat pengetahuan yang lebih jelas tanpa mereka membuang masa yang lebih banyak untuk memikir, membaca.

Guru sebagai fasilitator ataupun dipanggil sebagai guru pebimbing, apabila pelajar tidak dapat menyelesaikan permasalahan dalam soalan-soalan yang diberikan atau mengalami kemushkilan dan tidak jelas guru akan menambah baik dan menyampaikan semula maksud yang kurang faham bagi mewakili kumpulan tersebut. Selain itu, guru perlu memastikan setiap dari pelajar mendapat pengetahuan dan boleh bergerak aktif bukan bersembang-sembang kosong antara mereka, pelajar perlu memberikan tumpuan sepenuhnya apa yang disampaikan oleh ketua kumpulan. Guru perlu mengambil tindakan supaya objektif dapat tercapai dan memastikan pelajar dapat menguasai pembelajaran tersebut.

2.7 Teknik main peranan

Main peranan adalah satu aktiviti berbahasa yang melibatkan simulasi tingkah laku daripada orang yang diberi peranan tertentu dalam situasi tertentu. Ia memberi peluang dan ruang kepada pelajar untuk mensimulasikan diri mereka kepada situasi kehidupan realiti dan mempraktikkan bahasa asing yang dipelajarinya secara intensif untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan kecekapan komunikatif mereka. Livingstone (1983) mentakrifkan main peranan sebagai satu gaya pengajaran secara interaktif yang melibatkan aktiviti bilik darjah untuk memberi ruang kepada pelajar mengaplikasikan bahasa yang dipelajari semaksimum mungkin seolah-olah mereka berada di luar bilik darjah. Ia juga melibatkan seseorang meminta untuk membayangkan bahawa mereka adalah sama ada diri sendiri atau orang lain dalam keadaan tertentu (Ments,1999). Main peranan juga merupakan kaedah yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan struktur baru dalam konteks penggunaan komunikatif semula jadi (Al-Mutawa & Kailani,1989).

Banyak kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana terhadap kaedah main peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kelebihannya ialah dari segi meningkatkan tahap komunikasi pelajar dengan cara meningkatkan interaksi dalam kelas dan memotivasikan mereka untuk belajar (Joyce dan Weil 2007; Pamela Krish 2001).Hal ini kerana mereka perlu mengenepikan rasa malu yang menjadi punca utama kesukaran untuk berkomunikasi. Pelajar juga akan terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran yang mengkehendaki mereka untuk mendengar, menggubah dan mengingat skrip dialog, berbincang dan seterusnya mempersembahkan peranan masing-masing. Aktiviti lakonan tersebut telah terbukti juga dapat membina kemampuan psikolinguistik pelajar, iaitu sikap, personaliti dan motivasi pelajar terhadap bahasa yang diajar (Azani Ismail, Azman Che Mat & Mat Taib Pa 2012).

Hakikatnya, pelajar yang berjaya menguasai pertuturan bahasa arab dengan baik ialah pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang aktif antaranya termasuklah sentiasa menggunakan bahasa Arab di dalam dan luar kelas,terlibat dengan aktiviti di luar bilik darjah dah tidak malu untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Arab walaupun struktur bahasa yang digunakan bermasalah (Sueraya, 2011). Pelaksanaan kaedah main peranan ini seolah merupakan jelmaan strategi penguasaan bahasa Arab yang berkesan dalam bentuk kaedah pengajaran. Kesimpulannya, kaedah ini dapat memberi impak yang positif terhadap kemampuan komunikasi dan keyakinan para pelajar dalam menguasai bahasa asing.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Teknik Fan & Pick

Pembelajaran koperatif iaitu pembelajaran koperatif Model *Fan & Pick* sebagai strategi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang seterusnya. Pembelajaran koperatif Model *Fan & Pick* merupakan aktiviti kumpulan yang melibatkan setiap ahli dalam kumpulan yang mempunyai empat hingga lima orang murid. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan yang dimainkan secara bergilir-gilir. Melalui pembelajaran koperatif Model *Fan & Pick*, pelajar bermain kad untuk bertindak balas terhadap soalan yang diberi oleh guru. Menurut Maariwuth (2014) menunjukkan bahawa pembelajaran koperatif model *Fan-n-Pick* boleh meningkatkan motivasi dan pembelajaran kognitif di mana hasil peratusan pelajar sentiasa meningkat daripada kitaran pertama kepada kitaran ketiga. Secara langsungnya, murid dapat membina satu identiti kumpulan dengan bekerjasama dalam kumpulan.

Antara aktiviti permulaannya ialah langkah 1 : Mereflek, menjalankan refleksi ke atas satu isu atau masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran yang hendak ditangani. Isu yang dikenal pasti adalah minat dan pencapaian murid tahun tiga dalam pembelajaran Dunia Sains dan Teknologi. Langkah 2 : Merancang, menjalankan PdP yang biasa tanpa penggunaan PK Model *Fan & Pick*. Mengumpul data awal dengan menggunakan kaedah memerhati iaitu mengambil gambar foto tingkah laku murid, jurnal refleksi mingguan dan data ujian awal, temu bual murid kajian serta lembaran kerja untuk menentukan masalah yang dihadapi oleh murid kajian. Memilih tiga orang murid melalui pemerhatian tingkah laku di dalam kelas dan juga berdasarkan prestasi pencapaian dalam peperiksaan Dunia Sains dan Teknologi pertengahan semester satu tahun 2016.

Merancang analisis keputusan peperiksaan Dunia Sains dan Teknologi pertengahan semester satu tahun 2016, jurnal refleksi mingguan, gambar foto dan data temu bual. Langkah 3 : Bertindak, menerangkan langkah pelaksanaan kaedah PK Model *Fan & Pick* kepada murid tahun tiga. Pelaksanaan RPH dengan penggunaan PK Model *Fan & Pick* bagi topik Penyerapan. Saya bersama rakan praktikum saya masuk ke kelas saya untuk menjalankan pemerhatian. Lima instrumen pengumpulan data yang digunakan iaitu ujian kesan tindakan, pemerhatian (gambar foto), dan jurnal refleksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mingguan, temu bual dan lembaran kerja. Data-data direkodkan. Langkah 4: Memerhati, membuat pemerhatian dan analisis ke atas kemajuan atau perubahan tingkah laku murid kajian dan pemerhatian terhadap perkembangan tindakan yang dijalankan.

2.9 Teknik mainan video

Roslih (2001) dalam kajian yang bertajuk "Kajian kesan penggunaan perisisan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran biologi tingkatan 4 di sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Kota Merudu, Sabah'' menyatakan pemahaman pelajar dapat ditingkatkan setelah menggunakan perisisan multimedia dalam pembelajaran mta pelajaran Biologi berbanding denganpengajaran cara tradisional. Daripada pemerhatian melalui kajian ini, murit kelihatan berminat, bersemangat, kesungguhan dan kejesama yang amat memberansangkan tugas guru dalam usaha mencapai objektif pengajaran. Pengunaan perisisan multimedia memudahkan pelajar untuk mengingat konsep sains yang dipelajari. Kajian ini bekaitan dengan kajian yang pengkaji kerana video merupakan salah satu multimedia yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.Video juga merupakan bahan bantu mengajar yang meningkatkan kefahaman kerana Pendidikan Moral lebih kepada pengalaman dan pebuatan yang dilakukan oleh seseorang individu.

Menurut Savarimuthu (2004) dalam kajian bertajuk "tahap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) sebagai alat bantu mengajar di kalangan guru Matematik semasa pengajaran dan pembelajaran Matematik di menggunakan menggunakan alat bantu mengajar bukan elektronik.Hasil dapatan kajian Zainuddin et al. (2008) adalah berbeza kerana tahap penggunaan video dalam kalangan guru pelatih.

Pendidikan Moral di Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah tinggi. Menurut Norabeerah (2010) dalam kajian yang bertajuk "Aplikasi Portal Video dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru mendapati tahap pengatahuan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan Portal Video Internet (PV1)" menunjukkan penggunaan video dalam tahap yang sederhana rendah kerana guru tidak tahu atau kurang mahir untuk menggunakan sumber daripada PV1 untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.Persepsi buruk guru terhadap penggunaan Portal Video Internet (PV1) yang banyak mengandungi bahan negetif adalah disebabkan kurangnya pendedahan dan pengetahuan mengenai PV1 walaupun telah disediakan bahan pengajaran dan pembelajaran.Bagi penyelesaian dalam kajian beliau juga mendapati majority guru bersetuju dan bersedia untuk diberikan latihan dan pendedahan mengenai aplikasi Portal Video Internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.Ini disebabkan kesedian untuk ingin menggunakan video dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi.Guru pelatih Pendidikan Moral UPSI menunjukkan tahap penggunaan video yang tinggi kerana sebelum menjalani kursus latihan Mengajar, mereka didedahkan dab digalakkan menggunakan video dalam pengajaran dan pembelajaran.

Tedapat dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rahim & Hayazi (2010) yang bertajuk "Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) di kalangan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru'' yang membincangkan tahap penggunaan ABM, kepentingan dan factor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ABM. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan ABM video menunjukkan dalam kalangan guru teknikal adalah sederhana. Manakala penggunaan ABM video menunjukkan min bagi kekerapan penggunaan video dalam prose pengajaran dan pembelajaran ialah 1.66.Ini menunjukkan kekerapan pengunaan video dalam kalangan guru teknikal di Sekolah Menengah Teknikal Daerah Johor Bahru, Johor adalah tahap yang rendah. Tahap pengunaan video dalam kalangan guru adalah kerana memerlukan kemahiran yang tinggi untuk menggunakannya. Kajian yang dijalankan juga menjelaskan kekerapan penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran, kekerapan guru menggunakan video adalah dipengaruhi oleh beberapa factor seperti kebolehcapaian internet untuk memuat turun video, kemahiran dan tingkah laku pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut kajian luar Negara iaitu Megaria Firlanasari (2011) dalam kajian yang bertajuk "Pengaruh pemanfaatan media video pembelajaran terhadap hasil belajar siswa pada mata pelajaran IPA kelas IV sem'' mendapati hasil belajar siswa yang menggunakan media video pembelajaran bagi mata pelajaran IPA di kelas IV SDN Gedangan 2 Kabupaten Malang adalah lebih baik berbanding hasil belajar siswa yang menggunakan video.Hasil ini diketahui dari nilai jumlah skor dari kelas masing-masing. Pembelajaran menggunakan video dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam meningkatkan ilmu pengatahuan siswa dan kualiti pendidikan. Kajian yang dijalankan berkaitan dengan objektif yang pertama iaitu mengenal pasti kelebihan penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Video yang digunakan oleh guru pelatih di sekolah dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam meningkatkan ilmu pengetahuan siswa serta kualiti pendidikan.

Menurut Ngu Hang Ling (2012) dalam kajian yang bertajuk "Penggunaan video untuk Meningkatkan Kefahaman dan Minat Murid Tahun Empat dalam tajuk Proses Kehidupan Haiwan'' menunjukkan kesan positif penggunaan video dalam pengajaran.Kefahaman dan minat murid dapat ditingkatkan melalui penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran.Responden menyatakan bahawa mereka masih melakukan kesalahan semasa pengajaran tanpa video namun selepas pengkaji mengaplikasikan video, pelajar lebih faham mengenai tajuk Sains. Interaksi di antara guru dengan murid juga wujud dari perbincangan dan pertanyaan soalan.Penggunaan ini juga dapat meningkatkan kemahiran dan memperbaiki pengajaran responden. Dapatan kajian ini juga berkaitan dengan kajian yang dikaji kerana penggunaan video dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral dapatmeningkatkan kefahaman dan menggalakkan pelajar berfikir selain pelajar.

Menurut Zuraimi (2013) dalam kajian yang bertajuk "Analisis Penerimaan dan Penggunaan Video Pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan Guru Sains Sekolah Menengah '' mendapati daripada kajian menunjukkan video pengajaran sebagai bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana. Guru Sains bersetuju bahawa video pengajaran sesuai untuk digunakan tetepi kekerapan penggunaan bahan video masih lagi renda. Dari aspek kebergunaan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan kajian menunjukkan bahawa keyakinan guru sains menggunakan video dalam pengajaran dan pempelajaran berada pada tahap yang rendah. Antara faktor yang menyebabkan tahap tersebut ialah penggunaan video daripada sumber lain, video EDUWEBTV berbentuk naratif, kurang animasi dan penggunaan masa yang lama. Hasil daripada temu bual yang dijalankan pengkaji mendapati guru pelatih mendapatkan video dari laman web seperti You Tube.Guru pelatih perlu bijak memilih video yang berkaitan dengan topik Pendidkan Moral bagi menarik minat pelajar dan meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Keong & Carol (2013) dalam kajian yang bertajuk "Pengaplikasian video Youtube: bahan bantu mengajar (BBM) dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains sosial'' membincangkan keberkesanan pengaplikasian video Youtube sebagai BBM untuk menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Video merupakan bahan bantu mengajar multimedia yang menjadi satu bentuk ransangan yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru perlu menjadi pemudah cara dan pembimbing dalam mencapai objektif pengajaran. Penggunaan YouTube Berjaya menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran sejarah. Kebanyakkan responden bersetuju dengan penggunaan video YouTube dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan video ini juga memberi kesan yang positif seperti pelajar tidak merasa bosan berbanding dengan kaedah tradisional "chalk and talk''. Pengaplikasian video YouTube dapat menarik minat pelajar, meningkatkankefahaman dan daya ingatan pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah kerana kaedah pengajaran menyampaikan isi pengajaran secara telus. Kajian ini adalah sangat berkaitan dengan kajian yang dijalankan kerana berdasarkan temu bual mendapati responden menyatakan video memberi banyak kelebihan seperti menarik minat pelajar, membantu guru menyampaikan isi pelajaran dan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.10 Teknik lakonan dalam pengajaran dan pemudahcaraan

Brian Way (1967) telah menjalankan kajiannya di London yang bertujuan untuk melihat perkebangan menerusi drama. Kajian yang dihasilkan oleh Brian Way adalah berbentuk buku. Menerusi kajian ini, lakonan merupakan titik yang mampu melibatkan pelajar dengan pembangunan manusia. Pendidikan moral adalah satu perkara yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan manusia dan lakonan membantu seseorang membangunkan diri mereka serta dapat berinteraksi secara baik dengan orang sekeliling. Selain itu, lakonan membantu guru untuk menyediakan aktiviti untuk ransangan pelajar melalui perbincangan secara berkumpulan. Beliau juga turut menyatakan bahawa setiap pelajaran itu adalah lakonan, dewan adalah pentas, pelajar sebagai pelakon dan penonton serta guru adalah pengarah yang bekerjasama untuk menjana perhatian, minat dan penglibatan.

Kajian luar Negara yang ditulis oleh Benedetti (1970) menjelaskan tentang elemen lakonantelah menjadi satu topik yang telah dibincangkan tentang secara mendalam. Kajian ini adalah berbentuk buku. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatia telah digunakan sebagai instrument kajian. Hasil analisis pemerhatian menunjukkan lakonan di dalam teater mampu berfungsi sebagai satu titik tolak yang mampu membuatkan penonton mengalami perubahan dari aspek rasa, pemikiran dan persekitaran. Di dalam kajian ini beliau juga mendapati pengaruh pembentukkan watak yang dicipta melalui sesebuah pementasan mampu mempengaruhi minda penonton dan ianya juga mampu memikul pengaruh pembujukan. Elemen pembujukan akan membuatkan penonton mula terhibur dan percaya kepada watak tersebut. Apabila proses ini berlaku, maka watak itu telah Berjaya meyakini penonton terhadap watak yang dibawa sepanjang pementasan dan ianya juga boleh dikaitkan melalui aspek pembelajaran.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Dodd (1973) di London tentang drama dan lakonan dalam pendidikan telah memberi penerangan mengenai beberapa aspek yang boleh dikaitkan antara seni lakonan dan pendidikan. Kajian ini berbentuk buku, melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini, beliau telah meletakkan elemen seperti improviasi, pembentukan pergerakan tubuh serta pembentukan drama di sekolah dalam penulisannya. Beliau telah membuat satu eksperimen yang melihat persamaan seseorang pelajar dengan seseorang pelakon pentas. Di dalam hasil kajian beliau mendapati setiap pelajar itu mewakili pelbagai watak yang bertemu di dalam sebuah bilik darjah iaitu ruang pentas. Pembentukkan watak yang telah dibentuk di rumah telah memberikan satu situasi yang mampu mewujudkan persekitaran yang berbeza dalam membentuk satu cerita.

Courtney Richard (1957) telah menjalankan kajian berkaitan dengan lakonan, drama dan pemikiran. Dalam kajian ini menerangkan bahawa lakonan merupakan satu pendekatan yang sebenar untuk belajar. Hal ini jelas dapat dibuktikan di Negara-negara barat terutamanya di England, terdapat pendekatan yang dikenali sebagai *"the living history"* yang menggunakan peristiwa dalam sejarah dan dilakonkan semula oleh kanak-kanak di tempat kejadian. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu guru memberikan situasi dan pelajar melakonkan situasi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat kajian yang telah dijalankan di luar Negara mengenai penggunaan dan perlaksanaan teknik lakonan dalam pengajaran dan pemudahcara. Satu kajian yang telah dijalankan di Australia mengenai drama dalam pendidikan moral oleh Arlene Bastion (1989). Kajian ini membuktikan bahawa lakonan membantu pelajar untuk menghilangkan sifat pentingkan diri sendiri dan menjadi diri sendiri apabila melakonkan sesuatu watak. Lakonan merupakan sumber terbaik dan menjadi rangsangan kepada interaksi seseorang tentang dirinya. Lakonan juga merupakan cara pengajaran terbaik kepada pelajar kerana guru adalah tumpuan perhatian pelajar dan dalam dirinya memiliki bantuan visual dan bahan sumber terbaik.

Guru mempunyai kemahiran untuk merangsang, memberi faedah, menghidupkan dan menarik perhatian pelajar untuk mempelajari sesuatu teknik. Drama dan lakonan membantu membina keyakinan diri, personaliti, kreativiti, kemahiran berkomunikasi dan empati. Arlene Baston menyatakan bahawa dalam pengajarannya, beliau memberi sesuatu peristiwa dan menyuruh pelajar untuk mengumpul fakta dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat daripada peristiwa atau isu yang diberikan. Beliau berpendapat bahawa aktiviti lakonan dapat menghilangkan perasaan bosan di dalam kelas. Dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral, guru mengiginkan pelajar untuk menjadi lebih santai, terbuka dan bersifat komunikatif. Oleh itu, semasa permulaan teknik lakonan, guru akan memberi pendedahan dengan jelas kepada pelajar agar mereka memahami watak yang dilakonkan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perlaksanaan teknik lakonan dapat melahirkan sifat kesedaran dan menjaga sensitivity orang lain. Apabila pelajar melakonkan sesuatu situasi, secara tidak langsung mereka boleh berfikir tentang watak-watak yang dipegang dan apakah peranan dalam sesuatu watak.

Kajian yang dihasilkan oleh omar (1993) tentang pendidikan, persoalan, penyelesaian dan harapan adalah untuk mengetahui tentang salasilah insan berbudaya. Dalam karya yang dihasilkan oleh omar (1993) menyatakan bahawa gabungan antara ilmu dan sahsiah atau ciri-ciri dalaman insan yang berbudaya akan menjadikan generasi muda bijak dan sempurna. Kehadiran mereka membolehkan pelbagai penyakit social ditepis dan dibanteras. Sebagai analoginya, keruntuhan akhlak, vandalism, jenayah juvana dan merokok. Melalui pendidikan di sekolah, perpaduan antara kaum dapat diselaraskan dan jelas dapat dilihat bahawa melalui aktiviti lakonan, s ecara tidak langsung negra dapat membentuk generasi yang cinta akan keharmonian dan perpaduan kaum.

Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir (2007) telah menjalankan kajian berkaitan dengan pedagogi iaitu tentang strategi dan teknik mengajar dengan berkesan. Kajian ini telah menunjukkan bahawa pelajar yang melakukan aktiviti lakonan di dalam bilik darjah berpeluang mengalami sendiri situasi dan masalah. Selain itu, aktiviti lakonan juga menggalakkan pelajar membuat keputusan berdasarkan maklumat-maklumat yang dikumpul melalui temuramah dengan individu tertentu. Pelajar juga digalakkan memberi pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan peranan yang diberikan kepada mereka. Melalui teknik lakonan, pelbagai kemahiran dapat digabungjalinkan seperti kemahiran lisan, mengambil nota dan catatan, kemahiran menulis dan mengarang serta membuat keputusan. Pelajar akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjalankan aktiviti pembelajaran dengan cara melakonkan sesuatu peristiwa secara berpura-pura dalam sesuatu keadaan yang teratur.

Terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Norasmazura Muhammad, Azani Ismail &Azman Che Mat (2014) dalam mengenai penerimaan pelajar sekolah menengah terhadap aktiviti lakonan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa arab. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan aktiviti yang mengurus kepada pemusatan pelajar dan berkeupayaan mengembangkan kemahiran pertuturan pelajar adalah melalui aktiviti lakonan. Pengkaji berpendapat bahawa lakonan juga merupakan satu teknik pengajaran dan pembelajaran aktif yang melibatkan pelajar melakukan sesuatu seperti membaca skrip, menghafal, menghayati dan memikirkan tentang apa yang mereka lakukan. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa untuk merengsang pelajar supaya aktif dan bersemangat dalam pembelajaran, rangsangan pertuturan dan penglihatan perlu diadakan. Oleh itu, aktiviti lakonan dianggap sebagai salah satu aktiviti yang aktif, kreatif, menarik, bermotivasi dan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noorzihani dan surayyah (2015) telah membuat kajian mengenai elemen dalam program penyeliaan guru sebagai pemudahcara pemikiran moral. Kajian yang dijalankan ini berbentuk jurnal telah dijalankan kepada guru pelatih pendidikan moral. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa melalui aktiviti lakonan, pelajar dapat menyedari tentang kepentingan kerohanian yang berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara iaitu kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan Negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan. Prinsip tersebut dapat menyuburkan dan mempertingkatkan kesedaran dalam diri pelajar tentang kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Beliau juga menegaskan bahawa belajar melalui pengalaman dan pemerhatian merupakan satu kaedah yang dapat menjana minda dan peribadi seseorang. Hal ini kerana pelajar berpeluang menguasai ilmu dan pelbagai kemahiran untuk merealisasikan sesebuah Negara yang cemerlang dan terbilang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.11 Vlogging dalam pendidikan

Vlogging merupakan satu pemudahcara baru dalam pendidikan yang dapat memberikan manfaat buakan sahaja kepada pengajaran guru malah kepada pembelajaran pelajar. Pelajar zaman sekarang berbeza dengan pelajar zaman dahulu kerana mereka tidak lagi brgantung kepada guru untuk mendapatkan maklumat sebaliknya mereka boleh medapatkan maklumat melalui internet di hujung jari sahaja. Oleh itu, adalah penting bagi para guru untuk menggunakan pendekatan pengajaran yang berupaya menggalakkan penglibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah dan pembelajaran kendiri di rumah.

Menurut Baran (2007), penggunaan Vlogging sebagai medium komunikasi dan menyampaikan maklumat tambahan mengenai sesuatu topik pengajaran dengan menggunakan alatan dan kaedah yang lebih menarik mula tersebar luar setelahpengguna menyadari kelebihan Vlogging termasuk dalam pendidikan. Salah satu kaedah pengajaran menggunakan Vlogging adalah dengan merakam sesi pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah untuk brkongsi dengan ibu bapa dan masyarakat mengenai isu yang dibincangkan dalam bilik darjah serta meminta pendapat masyarakat mengenai masalah tersebut. Di samping itu, penggunaan Vlogging dalam pengajaran turut memberi peluang kepada pelajar untuk berkongsi pendapat dan meluahkan perasaan. Guru juga boleh menggunakan Vlogging untuk berkongsi pengajaran dalam bilik darjah dengan pelajar, ibu bapa dan rakan sekerja serta untuk memaklumkan kepada pelajar mengenai tugasan, mengumpul dan berkongsi hasil kerja pelajar dengan masyarakat. Namun demikian, kajian mengenai pengunaan Vlogging dalam Pendidikan di Malaysia sangat kurang terutamanya dalam Pendidikan Moral. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji penggunaan Vlogging dalam konteks pendidikan di Malaysia.

Vlogging juga membolehkan pelajar dan guru berkongsi dengan masyarakat apa yang mereka belajar, ajar dan fikir melalui filem pendek, audio dan gambar. Selain itu, Vlogging juga boleh digunakan untuk memenuhi keperluan pelajar dari latar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

belakang yang pelbagai, alat untuk membuat refleksi mengenai pembelajaran, menunjuk cara, alat untuk kerja kolaboratif dan mewujudkan komuniti pembelajaran,bercerita secara digital, digunakan untuk meningkatkan celik media dalam kalangan pelajar serta medium untuk pelajar berkongsi hasil projek atau kajian (Baran 2007). Namun demikian, Vlogging kurang dimanfaatkan dalam pendidikan Negara. Hal ini menyebabkan, kajian ini menerangkan bagaimana Vlogging berupaya meluaskan pengalaman pembelajaran di luar sekolah untuk menghubungkan sekolah, pelajar, guru, pentadbir dan ibu bapa dalam komuniti pembelajaran.

Taylor (2013) dalam Jurnal *Pedagogy Lab* menyatakan bahawa Vlogging merupakan satu cara untuk menjelaskan kandungan pengajaran kepada pelajar yang terdiri daripada latar belakang disiplin dan pengkhususan yang pelbagai. Guru juga menghasilkan Vlogging bagi membolehkan pelajar memberi tumpuan semasa guru dan pelajar lain memberi refleksi mengenai pengajaran,kolaborasi dan pembentukan komuniti serta merupakan usaha dalam menghasilkan sesi Pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif serta pengalaman kaedah belajar sambil meneroka dan bermain. Namun demikian, penghasilan Vlogging yang melibatkan banyak proses dan memakan masa menyebabkan guru lebih suka menggunakan kaedah konvensional kerana berebut tahap penerimaan guru terhadap Vlogging dalam pengajaran.

Fariz (2013) dalam tesisnya menerangkan kelebihan penggunaan Vlogging dalam pengajaran iaitu tidak dibatasi oleh ruang dan waktu, dapat meningkatkan keyakinan serta penglihatan pelajar kerana penggunaannya berupaya merangsang penglibatan pelajar secara aktif serta meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Selain itu, penggunaan Vlogging dalam pengajaran juga berupaya mewujudkan proses pembelajaran lebih efektif, efesien dan menarik kerana segala maklumat yang diperlukan berkenaan topik yang diajar boleh diperoleh dengan mudah dan cepat. Namun, masih ramai guru yang tidak sedar akan kegunaan Vlogging, Mka, kajian ini akan mengkaji tahap pengetahuan dab sikap guru terhadap penggunaan Vlogging dalam pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manfaat penggunaan Vlogging menurut Rek (2016) dalam tesisnya adalah untuk memberi pengalaman kepada pelajar mengenai apa yang dipelajari, memberi gambaran mengenai sesuatu peristiwa, menganalisis perubahan bagi sesuatu tempoh tertentu, menyediakan pengalaman kepada pelajar untuk merasakan keadaan tertentu serta boleh digunakan oleh pelajar untuk menunjukkan pembentangan mengenai kajian kes yang berlaku dalam kehidupan sebenar bagi melahirkan pelajar yang suka berbincang dan terbuka menerima pandangan dan pedapat orang lain. Penggunaan Vlogging juga akan membantu pelajar melihat peristiwa yang tidak dapat dilihat secara terus, bahaya atau peristiwa lepas yang tidak boleh diulang kembali dalam bilik darjah. Pembelajaran menggunakan Vlogging juga dapat menambah minat dan motivasi pelajar agar memberikan tumpuan sepenuhnya dalam pengajaran guru. Penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat menyumbang ke arah keberkesanan pencapaian objektif pengajaran serta membantu pelajar dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, peranan guru sendiri menetukan keberkesanan penggunaan media tersebut dalam pengajaran. Hal ini demikian kerana guru memainkan peranan besar dalam memilih medium yang sesuai untuk digunakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Namun kajian mengenai penggunaan Vlogging dalam pengajaran Pendidikan Moral tidak dikenakan dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini akan menekankan bagaimana penggunaan Vlogging dapat mempengaruhi pengajaran guru.

Menurut Gibson (2016) dalam artikel yang bertajuk "*Five Fun Vlogging Ideas For Every Teacher''* terdapat lima jenis Vlogging yang boleh digunakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Pertama, Vlogging boleh digunakan untuk merakam pengajaran yang boleh digunakan sebagai refleksi peribadi untuk mengkaji semula dan menambah baik mutu pengajaran. Selain itu, guru juga boleh menayangkan video tersebut untuk pengajaran topik yang sama bagi kelas yang lain dan tahun-tahun seterusnya untuk mengurangkan bebean mengajar benda yang sama di samping, pelajar boleh menonton semula Vlogging tersebut di rumah untuk belajar dan mengulangkaji. Seterusnya, Vlogging juga boleh digunakan untuk dokumen perancang dan penerimaan dengan melakukan video pra-pelajaran pendek melalui perkongsian apa yang dilakukan, bagaimana dan mengapa melakukan sesuatu. Jenis Vlogging yang ketiga adalah digunakan untuk menghantar pengumuman dalam bentuk video kepada pelajar dan ibu bapa yang bertujuan untuk berkongsi maklumat atau memaklumkan apa-apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkara penting kepada ibu bapa dan pelajar. Jenis Vlogging yang keempat dan kelima adalah membuat Instagram kelas dan Vlogging kerja lapangan. Kedua-dua jenis ini digunakan untuk berkongsi maklumat tambahan dan pengalaman yang beguna. Namun demikian, jenis Vlogging yang keempat dan kelima kurang sesuai digunakandalam Pengajaran dan Pembelajaran di Malaysia kerana sitem pendidikan Malaysia tidak mewajibkan pelajar mengadakan kerja lapangan dan membawa telefon pintar ke sekolah.Kajian bertujuan untuk memberi pendedahan kepada guru mengenai jenis Vlogging yang boleh digunakan dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

Selain itu, Reka (2016) turut menyatakan bahawa terdapat dua jenis Vlogging dalam pengajaran. Pertama, video yang sengaja dibuat atau direka untuk digunakan dalam pembelajaran bagi menggantikan guru dalam pengajaran yang bersifat interaktik terhadap pelajar serta menjimatkan tenaga guru untuk menerangkan bahan kepada pelajar secara lisan. Guru hanya berperanan sebagai pengiring dalam penggunaan teknik ini. Video turut dilengkapi dengan bahan pengajaran,soalan penilaian, kunci jawapan dan sebagainya mengikut kreativiti guru itu sendiri. Manakala video yang kedua direka bukan untuk pengajaran tetepi digunakanuntuk menerangkan sesuatu yang berkaitan dengan pengajaran bagi menggalakkan daya kreativiti pelajar dan pertanyaan kritis dalam kalangan pelajar serta menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Malangnya, infrastruktur sekolah turut mempengaruhi penggunaan Vlogging dalam pengajaran. Oleh itu, perkara ini akan ditekankan dalam kajian ini.

Izzah (2017) menggariskan beberapa peringkat Vlogging. Setiap peringkat mempunyai matlamat dan aktiviti yang tersendiri. Peringkat yang pertama adalah conceptualizing yang memeain kan peranan dalam proses perancangan pembuat video. Antara perkara yang paling sukar dalam proses ini adalah untuk menetukan topik yang akan dibincangkan dalam video. Seterusnya, peringkat yang kedua adalah brainstorming di mana guru akan mereka konsep Vlogging dengan memberi tumpuan kepada perkara yang harus ditekakan dalam video berpandukan topik yang telah mereka pilih manakala peringkat yang ketiga pula adalah articulation. Dalam peringkat ini guru akan berlatih sebelum merakam video dan menjalankan kerja-kerja pengeditan sebelum memuat naik Vlogging dengan memasukkan gambar, lagu, teks dan bahan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan yang boleh membuat video mereka menjadi lebih menarik. Selanjutnya, peringkat yang keempat pul adalah monitoring, di mana peringkat ketiga dan keempat dilakukan bersama. Sebelum memuat naik video, guru perlu memastikan kesesuaian kandungan dengan topik yang telah dipilih untuk dibincang dalam video. Setelah selesai memuat naik, guru perlu sentiasa memantau video. Akhir sekali, peringkat yang terakhir adalah evaluation dimana guru akan meminta murid dan pengguna lian untuk memberi komen dan cadangan penambahbaikan Vlogging mereka.

Asmani (2013) dalam Indayatmi (2018) dalam Jurnal Pendidikan Sains menyatakan bahawa penggunaan Vlogging dalam sesi pengajaran mampu menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif, kreatif dan selesa. Keadaan bilik darjah dan pengajaran turut mempengaruhi proses belajar pelajar kerana pelajar yang belajar secara aktif dapat merangsang dan melatih minda mereka untuk bekerja secara maksimum berdasarkan pengalaman belajar yang diperoleh semasa menggunakan Vlogging. Penggunaan Vlogging dalam pengajaran merupakan salah satu cara untuk mempelbagaikan aktiviti yang boleh dilakukan dalam bilik darjah kerana pelajar secara berkumpulan akan menjalankan perbincangan, mengganalisis data, membuat laporan,membentangkan hasil perbincangan mereka di dalam bilik darjah dan sebagainya. Sesi Pengajaran dan Pembelajaran juga akan menjadi lebih menarik sekiranya pelajar menggunakan cara tersediri untuk mendalami pengetahuan yang dipelajari. Namun demikian, penggunaan Vlogging tidak berkesan untuk semua subjek. Kajian ini akan mengkaji kesesuaian penggunaan Vlogging dalam Pendidikan Moral.

Sime dan Themelis (2018) menyatakan bahawa elemen utama yang ditekankan dalam pembelajaran abad 21 adalah “thinking on the screen’’ menyebabkan celik video,visual danpemikiran visual menjadi amat penting dalam pendidikan, kemahiran komunikasi. Oleh itu, Vlogging merupakan satu cara untuk menjadikan kandungan pengajaran menjadi lebih dinamik yang digunakan semasa berkongsi cerita dan sebagai alat yang menggalakkan pelajar bekerjasama serta dalam memberikan tugasan.Pembelajaran melalui video yang bersesuaian berupaya mempengaruhi kefahaman,memupuk kehendak pelajar untuk belajar dan meningkatkan keyakinan pelajar. Di samping itu, Vlogging menjadi medium ideal untuk menghasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengatahuan dan berkongsi cerita secara digital dan menjadi sebab yang paling menarik untuk diintegraskan dalam bilik darjah. Walaupun demikian, guru kurang mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka.Keadaan ini menyebabkan kajian dijalankan untuk menyediakan sebab munasah mengapa penting untuk guru mengintergrasikan teknologi dalam pengajaran terutamanya dalam mendidik generasi muda.

Jepri (2019) dalam Journal of Foreign Language Education and Technology menyatakan bahawa pengunaan Vlogging dalam pembelajarn dapat mengembangkan kemahiran berkomunikasi, mendengar dan berfiki secara kritis pelajar. Selain itu, Vlogging juga boleh digunakan untuk mengajar dan mendedahkan pelajar mengenai budaya, agama dan tradisi orang lain serta dapat menjadikan aktiviti pengajaran menjadi lebih menarik disamping mededahkan pengetahuan umum dan manfaat penting dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Malangnya, peranan Vlogging dalam pengajaran Pendidikan Moral kurang dibincangkan menyebabkan pengetahuan guru mengenai Vlogging terhad. Kajian ini akan memberi pendedahan yang menyeluruh kepada guru mengenai penggunan Vlogging dalam pengajaran Pendidikan Moral.

Oleh itu, dapat diketahui bahawa Vlogging merupakan inovasi baru dalam media pengajaran dan pembelajaran. Vlogging jika digunakan dengan cara yang betul bukan sahaja memberi manfaat kepada guru namun turut memberi manfaat kepada pelajar dimana ianya boleh digunakan untuk mengmbangkan dimensi moral pelajar serta menggalakkan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar dalam menyelesaikan masalah. Pembentukan remaja yang bersikap positif, dinamik dan kreatif bergantung kepada faktor dalaman dan luaran termasuk peranan institusi kekeluargaan. Gaya asuhan yang betul dalam membentuk sahsiah merupakan satu cabaran yang timbul dalam proses perkembangan melalui pendidikan awal yang disediakan oleh sesebuah keluarga walaupun tidak dapat dinafikan bahawa membesarkan dan mengasuh anak-anak bukanlah satu tugas dan tanggungjawab mudah atau boleh diambil ringan sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun disini ibu bapalah merupakan orang yang utama dalam keluarga yang akan memberi kesan mendalam terhadap perkembangan fizikal, mental dan sosial seseorang individu.

Tahap remaja merupakan satu jangkamasa yang penuh dengan cabaran di mana di peringkat awal, remaja mula belajar meneroka kehidupan sosial secara berdikari walaupun masih berada dalam lingkungan kawalan keluarga. Semakin lama remaja berada di dalam alam persekolahan semakin luas dunia persekitaran mereka sehingga melangkaui lingkungan keluarga dan jiran-jiran terdekat. Sesuai dengan tuntutan emosi mereka, remaja mula bergaul dan menyesuaikan diri dengan rakan-rakan dari luar kawasan tempat tinggal mereka serta persekitaran yang lebih kompleks (Harre & Lab dlm. Iran 1996).

Perkembangan remaja amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Persekitaran yang terdekat dan terpenting buat remaja ialah keluarga mereka. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Kajian-kajian terdahulu di Malaysia dan di barat telah menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik telah dikaitkan dengan kesejahteraan hidup remaja dari aspek-aspek kepuasan hidup, konsep kendiri, tingkah laku seks, dan pencapaian akademik (Fatanah, 1997).

Proses menyesuaikan diri dengan persekitaran bukanlah sesuatu yang mudah. Ini disebabkan zaman remaja adalah zaman di mana jiwa mereka mudah memberontak, mereka sering mengalami keadaan ketidaktentuan emosi, konflik dengan keluarga, mengasingkan diri dan bersikap menentang nilai-nilai murni keluarga dan masyarakat (Papalia, Old & Feldman 1998). Di peringkat ini juga personaliti remaja terbentuk yang kebiasaannya dipengaruhi oleh rakan sebaya dan keluarga. Menurut Hoffman (1994), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa. Mohd. Othman Najati (1992) pula menyatakan, Al-Quran telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengklasifikasikan manusia kepada tiga pola iaitu orang-orang beriman, orang-orang kafir dan orang-orang munafik. Klasifikasi ini mengemukakan tentang pentingnya akidah dalam membentuk keperibadian manusia, orang-orang kafir dan orang-orang munafik. Klasifikasi ini mengemukakan tentang pentingnya akidah dalam membentuk keperibadian manusia, membentuk sifat-sifat yang khas dan mengarahkan tingkah lakunya ke satu arah tertentu.

Menurut Imam Al-Ghazali (1083M) dari jiwa terbit semua perbuatan yang senang dan mudah, tanpa memerlukan pemikiran dan penelitian. Jikalau dari jiwa, muncul perbuatan yang baik dan terpuji menurut akal dan syariat agama, itu dinamakan personaliti yang baik. Sebaliknya jika perbuatan buruk muncul dari jiwa seseorang, maka dinamakan personaliti yang buruk. (Al–Ghazali disebut dalam Tajul Ariffin Noordin, 1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.12 Isu Alam Sekitar

Pengurusan alam sekitar merupakan satu bidang yang penting dalam konteks kehidupan hari ini. Pada abad ke 21 ini, isu-isu dan krisis alam sekitar semakin hangat diperkatakan. Semasa mengolah perkara ini, kita memerlukan satu kerangka falsafah dan konsep tentang alam sekitar. Ia amat diperlukan kerana pelbagai aliran pemikiran tentang alam sekitar sedang berkembang pesat di negara barat yang berasaskan kepada pemikiran saintifik moden.

Menurut Jamaluddin Md. Jahi (2001), alam sekitar boleh dirujuk kepada segala benda yang berada di sekeliling manusia pada suatu titik ruang dan masa. Melalui perbicaraan isu alam sekitar ini, kita seharusnya mengambil pendekatan yang menekankan nilai-nilai murni. Hal ini tidak mengairankan, memandangkan kewujudan setiap makhluk di dunia ini saling bergantung pada kesejahteraan alam sekitar. Apabila alam sekitar terancam dengan masalah pencemaran, setiap makhluk di dunia ini akan turut merasakan bencananya (Mohd Hamdan 1994).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Isu- isu berkaitan alam sekitar turut mendapat perhatian pelbagai pihak. Sebagai sebuah negara yang ekonominya sedang berkembang, persoalan alam sekitar memang tidak terlepas daripada minda masyarakat. Menurut kebiasaan, persoalan pembangunan dan kemajuan selalunya diiringi dengan persoalan alam sekitar. Ia berdasarkan kepada fakta bahawa soal pencemaran alam sekitar mula terjadi apabila manusia mula pandai menakluki dan mengekploitasi alam sekitar untuk tujuan ekonomi.

Oleh demikian, isu berkaitan alam sekitar di Malaysia hangat diperkatakan apabila berlakunya sesuatu tragedi atau peristiwa yang boleh dikaitkan contohnya kejadian tanah runtuh kali kedua yang berlaku di dilaporkan di tebing Lebuh Raya Mahameru berhampiran Wisma Tani. Kawasan terlibat dianggarkan 10 meter x 10 meter dan memasuki laluan lebuh raya berkenaan. Kesesakan dilaporkan terdapat ribuan pengguna jalan raya yang hendak pulang ke rumah dalam masa yang sama terperangkap kerana jalan dilitupi tanah. Walau bagaimanapun, hanya satu laluan dibuka pada peringkat awal dan tiada kemalangan jiwa dilaporkan. (Berita Harian 7 Januari 2014)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia sebelum juga ini pernah mengejutkan satu peristiwa tanah runtuh di Puncak Setiawangsa pada tarikh 28 Disember 2012. Banglo yang terjejas akibat kejadian tanah runtuh di Puncak Setiawangsa, merupakan Ahli Parlimen Setiawangsa, Datuk Seri Zulhasnan Rafique dan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis. Mereka adalah sebahagian daripada 88 keluarga yang menghuni banglo mewah, rumah kedai dan rumah teres di Puncak Setiawangsa yang diarah berpindah serta mengosongkan kediaman
masing-masing ekoran masih berlaku pergerakan tanah yang aktif selepas kejadian tanah runtuh di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan. (Berita Harian 29 Disember 2012).

Pembangunan di kawasan tinggi di Malaysia kebanyakannya melakukan berdasarkan kepada kehendak citarasa manusia berbanding keperluan yang mendesak. Ini kerana kebanyakan pembangunan di tempat-tempat seperti ini adalah bersifat mewah dan ditujukan untuk golongan mewah. Selain itu, kawasan tanah tinggi juga dimajukan untuk tujuan pertanian seperti Cameron Highlands. Kemajuan yang pesat di Cameron Highlands telah menyebabkan sifat guna tanah bertukar kepada pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

gunaan seperti pusat hiburan, pelancongan, kediaman dan penjanaan kuasa (Mohamadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah 2005)

Tempat-tempat yang hendak dibangunkan selalunya telah disediakan dengan tapak mengikut reka bentuk tertentu. Kebanyakan reka bentuk ini memerlukan tarahan pada tebing-tebing bukit dan tempt-tempat yang diperlukan. Kerja-kerja seperti ini mendedahkan tanah kepada pelbagai tindakan iklim sepenuhnya. Binaan-binaan seperti jalan raya dan banggunan sebenarnya menjadi penghalang kepada hujan meresap ke dalam bumi dan akibatnya larian permukaan bumi meningkat dan hakisan tanah semakin menjadi-jadi. Setiap kawasan tinggi mempunyai tahap kecerunan yang curam. Keadaan iklim tropika lembab ini cerun sesuatu kawasan tinggi berada dalam keadaan yang sangat rapuh sekiranya ia diganggu. Permasalahan ini membolehkan berlakunya kejadian tanah runtuh khususnya pada musim hujan dan mendatangkan bahaya terutamanya apabila dibina jalan raya di kawasan ini.

Pembangunan tanah tinggi banyak melibatkan kehilangan pelbagai spesis tumbuhan di permukaan bumi. Apabila tiadanya tumbuhan, fungsi yang biasanya dilakukan oleh tumbuhan sebagai menghalang air hujan terus ke permukaan bumi tidak lagi bertindak. Permukaan bumi yang terdedah tanpa litupan tumbuh-tumbuhan menyebabkan berlakunya larian air permukaan mendorong kepada kejadian hakisan tanah dan tanah runtuh. Masalah yang paling ketara berhubung dengan proses ini ialah sedimentasi yang boleh merendahkan kualiti air di sungai-sungai yang digunakan sebagai sumber minuman.

Peningkatan suhu di kawasan tanah tinggi juga boleh berlaku jika kawasan hutan diteroka untuk tujuan pembangunan seperti aktiviti pertanian, pembinaan rumah-rumah dan pembinaan hotel. Sebagai contoh, kenaikan suhu di Cameron Highlands telah dapat dikesan dan fenomena ini boleh dikaitkan dengan pembangunan yang berlaku dikawasan tersebut, yang paling membimbangkan ialah berlakunya kepupusan kepelbagaian biologi. Hutan tropika merupakan khazanah termahal dengan pelbagai flora dan fauna dan spesis yang hanya boleh di dapati di negara ini. Apabila pembangunan rancak dijalankan di kawasan tinggi, kekayaan hidupan dan tumbuhan ini akan turut terancam dan musnah di samping, manusia tidak akan dapat mengecapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lagi kekayaan alam ciptaan Allah (Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah 2005).

Dalam proses pembandaran pula, alam sekitar merupakan medium yang menerima kesannya. Hutan terpaksa diterokai, tanah terpaksa digondolkan, kepelbagaian biologi terpaksa diketepikan dan perhitungan terhadap alam sekitar terpaksa diketepikan dan perhitungan terhadap alam sekitar terpaksa dipinggir untuk memberi laluan dan kebebasan penjanaan pembangunan bandar. Akhirnya, pembangunan yang digerakan itu mencetuskan pelbagai ancaman kepada manusia dan alam sekitar melalui penemaran dan gangguan terhadap sistem ekologi. Aktiviti pembangunan ekonomi dan pembandaran adalah pencetus utama kepada segala bentuk hambatan dan ancaman pencemaran sama ada kepada manusia mahupun alam sekitar.

Selain daripada isu-isu yang berkaitan dengan runtuhan tanah, terdapat juga isu pencemaran air merujuk (Berita Harian 8 Oktober 2013) Kuala Lumpur, Sekurang-kurangnya lima sungai didapati paling teruk tercemar di negara ini. Antaranya, Sungai Pinang dan Sungai Juru di Pulau Pinang, Sungai Klang dan Sungai Penchala di Kuala Lumpur dan Sungai Segget di Johor Bahru. Kegiatan pembuangan sampah dari kawasan perumahan di sepanjang sungai, tepi tasik dan laut merupakan antara punca utama pencemaran itu berlaku. Selain itu, aktiviti kilang memproses getah dan minyak kelapa sawit juga menjadi punca kepada pencemaran ini. Ia berlaku apabila sisa toksik dibuang dan dialirkan ke dalam longkang, parit, terusan dan seterusnya ke dalam sungai. Dalam pada itu, beberapa negara maju juga didapati melakukan kesalahan membuang sisa radioaktif dengan memasukkan sisa ke dalam tong sebelum membuangnya ke dalam laut. Tindakan tersebut secara tidak langsung merosakkan hidupan laut dan sesetengah pulau pula dilaporkan tidak mempunyai sistem pelupusan sampah yang baik, sekaligus mewujudkan istilah pulau sampah secara terancang atau tidak terancang.

Air merupakan sumber alam yang amat penting kepada semua kehidupan di bumi. Malahan dalam tubuh manusia itu sendiri terdiri daripada 65 peratus air. Wujudnya masalah pencemaran air boleh menganggu atau merosakan tubuh manusia yang menggunakan air sebagai air minuman dan kegunaan harian lain. Manusia merupakan agen penyebab kemerosotan terhadap kualiti air. Aktiviti manusia melalui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses urbanisasi ini tidak terkecuali dalam mempengaruhi masalah yang wujud kepada pencemaran air. Melalui proses urbanisasi tersebut seperti pembinaan bangunan-bangunan baru, guna tanah semula dari kawasan pertanian atau perlombongan kepada kemudahan infrastruktur dan perindustrian serta pembuangan sisa dari punca- punca tersebut terus membawa kepada masalah pencemaran air. Manusia tanpa disedari telah mencemarkan kualiti air melalui pembuangan sisa domestik serta sisa kumbahan yang lain.

Kualiti sumber air turut terjejas daripada proses pembinaan dan projek menaik taraf jalan perhubungan di Cameron Highland. Pembinaan jalan dari Ringlet ke kampung raja merupakan projek yang telah dijalankan bagi memberi keselesaan kepada petani memasarkan hasil pertanian dan kemudahan kepada pelancong. Pembinaan jalan perhubungan ini telah mencemarkan sistem saliran yang berdekatan seperti Sungai Ringlet, Sungai Terla, Sungai Khazanah, Sungai Bertam, Sungai Burung dan Sungai Ruil yang dipenuhi oleh kelodak ataupun lumpur daripada hakisan tanah. Situasi ini amat membimbangkan kerana sungai-sungai ini merupakan punca bekalan air di Cameron Highland (Mohamadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem pelupusan sampah yang tidak teratur dan tidaksesuaian tapak pelupusan sampah turut menjejaskan kualiti air di Tanah Tinggi Cameron. Menurut kajian, di dapati Tanah Tinggi Cameron hanya mempunyai satu sahaja kawasan pelupusan sampah yang berada di Batu 34 pada paras ketinggian 1, 400 meter dari aras laut. Kedudukan tapak ini berada di tempat yang tinggi bersebelahan dengan Sungai Batu Pipih yang menjadi sumber air kepada penduduk di Habu dan Ringlet. Didapati sampah sarap yang dibuang di sini telah memasuki Sungai Batu Pipih. Malahan jalan mudah yang diambil oleh pihak Alam Flora yang menolak sampah ke bawah cerun sungai memburukan lagi pencemaran sungai. Situasi akan menjadi lebih buruk apabila hujan lebat berlaku apabila hujan membawa sampah-sampah sarap ke dalam sungai.

Di samping itu, pertambahan penduduk juga berkadar secara terus atau langsung dengan pertambahan sampah sarap yang akan dibuang oleh mereka. Semakin ramai penduduk maka semakin banyak sampah yang akan dihasilkan. Sampah sarap yang dihasilkan oleh manusia dalam bentuk pepejal seperti sisa domestik iaitu kertas, sisa makanan, plastik serta sampah kebun. Sampah sarap yang tidak diurus dengan baik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan teratur akan memberi impak kepada perubahan alam sekitar kerana sampah akan bertabur di merata tempat. Sampah yang tidak diurus juga kadang-kala akan memasuki sistem peparitan dan sungai serta menimbulkan masalah pencemaran air.

2.13 Hubungan pembelajaran Pendidikan Moral dalam nilai berkaitan alam sekitar di kalangan pelajar.

Memang tidak pernah menjadi keraguan bahawa alam sekitar mempunyai pertalian yang rapat dengan kehidupan manusia sama ada dari segi hubungan sosial, kebudayaan, biologi atau fizikal. Oleh itu, adalah suatu yang wajar untuk mengatakan bahawa alam sekitar adalah suatu yang paling penting, berharga dan tidak dapat ditukar ganti dan tidak dapat dinilai dengan mata wang ringgit sekalipun. Ia merupakan suatu anugerah Allah secara semula jadi bagi kepentingan setiap kehidupan, khususnya manusia. Maka,

manusia mestilah bijak dalam menggunakannya. Perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya perlu diberikan oleh semua pihak yang bertanggungjawab mengeksploitasi sumber alamnya demi menjamin taraf dan kualiti kehidupan manusia tidak terjejas.

Oleh yang demikian, Pendidikan Moral banyak menekankan kepada konsep nilai-nilai murni. Nilai merupakan standard dan prinsip individu dalam mempertimbangkan sesuatu benda dan juga kriteria pemilihan sesuatu benda dan situasi. Pertimbangan ini termasuk baik rupa, berfaedah, diingini atau sebaliknya seperti busuk, benci dan lain-lain lagi. Nicholas Rescher (1969) telah memberi satu pengertian terhadap perkataan ‘nilai’ iaitu semua objek mempunyai nilai dan manusia bertindak terhadap objek supaya dapat mengekalnya atau menambah hak keupayaan individu (Georg Lundberg), sebarang objek yang mulia dihargai maka ia bernilai (Robert Part), nilai-nilai ialah motif yang diperhatikan seperti objek itu, kualiti atau syarat-syarat yang memotivasikan, nilai adalah sebarang objek yang digunakan untuk sebarang keperluan (Howard Becher), nilai ialah suatu tekanan keperluan atau sebarang objek yang dikehendaki atau dipilih oleh orang pada suatu masa yang sama (Stuart C. Dodd) dan nilai ialah satu konsep nyata atau tersirat yang dapat membezakan seseorang individu atau ciri-ciri kumpulan dari segi perkara yang diingini. Keadaan ini juga akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi cara individu itu memilih kefahaman yang sedia ada dan tingkah laku pada akhirnya (Clyde Kluckhon).

Individu menggunakan sesuatu nilai dalam pelbagai konteks dan cara. Jesteru wujudlah pelbagai bentuk nilai, antaranya nilai instrumental (ekstrinsik) bermaksud kualiti yang diterima atau ditolak sebagai alat mencapai sesuatu matlamat, bergantung kepada nilai lain untuk mencapai sesuatu matlamat contohnya berpura-pura rajin di hadapan ibunya untuk mengambil hati ibunya. Nilai seterusnya ialah nilai instrinsik ia adalah kualiti yang diterima atau ditolak semata-mata kerana ia baik atau buruk tanpa mengira kesannya disamping itu, ia tidak bergantung pada nilai lain untuk mencapai sesuatu matlamat akhir, misalnya hakim menjatuhkan hukuman kepada jenayah setimpal dengan kesalahannya. Manakala nilai subjektif pula ialah kualiti yang diterima atau ditolak oleh seseorang yang memberikan pandangan diterima atau ditolak mengikut pandangan seseorang individu, nilai objektif ia dilihat sebagai kualiti yang bernilai atau sebaliknya yang bebas daripada pilihan peribadi,diterima atau ditolak berdasarkan satu kriteria yang dipersetujui oleh semua atau kebanyakan orang. Nilai relatif pula ialah nilai yang diterima atau ditolak oleh peraturan sesuatu masyarakat untuk mencapai sesuatu matlamat masyarakat, dan ia adalah tidak tentu tidak sempurna dan berbeza-beza antara masyarakat yang berlainan serta boleh berubah mengikut masa. Nilai mutlak (absolute) ialah nilai harga yang tidak terikat dengan sesuatu kebiasaan bagi sesebuah masyarakat, diterima umum dan telah diuji atau terbukti baik atau buruk, kekal sepanjang masa dan di semua tempat serta hampir semua situasi norma masyarakat.

Melalui pembelajaran Pendidikan Moral ini guru akan menekankan kepada penerapan nilai-nilai murni dari mula mengajar sehingga tamat pembelajaran sebagai contoh menyayangi dan menghargai alam sekitar semasa set induksi bermula guru menyedikan tiga botol air mineral yang berbeza di dalamnya. Di dalam botol air yang pertama, kandungan di dalam botol tersebut ialah air mineral selepas digongcang air bertukar warna menjadi warna hitam dan dipenuhi dengan kertas-kertas, manakala bekas air mineral yang kedua kualiti airnya sangat bagus seperti air mineral asli dan botol mineral yang ketiga keadaan air jernih tetapi dipenuhi dengan kertas, kaca, penutup botol, tanah dan pelbagai bahan di dalamnya. Guru meminta pelajar untuk membuat perbandingan antara botol-botol yang pelajar suka, apabila guru membuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemerhatian keseluruhan pelajar memilih botol yang kedua. Oleh itu, guru dapat memerhatikan semua pelajar suka kepada kebersihan. Di samping itu, guru meletakan botol tersebut di beberapa sudut dan tidak memasukanya ke dalam tong sampah, pelajar menjadi kehairanan dan keadaan kelas menjadi bising, guru meminta pelajar membuat kesimpulan terhadap pembelajaran yang ditujukkan. Guru mengaitkan botol dengan keadaan air di dalam botol tersebut, pelajar memahami konsep yang diberikan oleh guru. Pembelajaran tersebut dikira 'berjaya' kerana ia dapat di buktikan dengan pendapat-pendapat yang diberikan oleh pelajar. Tingkah laku pelajar juga dapat dilihat di dalam kajian ini nanti melalui tiga aspek iaitu pengetahuan, sikap dan nilai moral pelajar terhadap alam sekitar.

2.14 Pengetahuan Alam Sekitar

Menurut Gambro dan Switzky (1996), pengetahuan alam sekitar adalah kebolehan seseorang untuk memahami dan menilai kepada masayarakat ke atas ekosistem. Pengetahuan ini ditujukan melalui pelajar mengenalpasti masalah alam sekitar yang dihadapi dengan memahami punca, implikasi dan akibatnya. Pengetahuan alam sekitar juga merujuk kepada pengetahuan tentang fakta-fakta atau maklumat spesifik mngenai isu-isu alam sekitar seperti pencemaran (air, udara, bunyi dan tanah), pemuliharaan alam sekitar, perhubungan ekologi, penduduk dan sumber-sumber asli (salim Rejab 1998).

Tan Poh Choo, Lam Saw Yin & Lee Kim Chong (1999) pula menyatakan pengetahuan alam sekitar merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman tentang fakta, konsep dan generalisasi berkaitan dengan kategori alam sekitar. Pengetahuan fakta termasuk mengigat kembali fakta alam sekitar. Manakala, pengetahuan konseptual meliputi pemahaman sesuatu konsep alam sekitar itu.

Pendidikan adalah satu saluran untuk pelajar memahami tentang alam sekitar dengan adanya didikan alam sekitar ini pelajar dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang nilai dan sikap terhadap alam sekitar. (Che Kalbi Mohd Ali 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian beliau untuk menentukan sesuatu pengkhususan mata pelajaran, jantina, kelulusan akedemik dan aliran pengajian mempengaruhi pengetahuan sample mengenai isu-isu alam sekitar. Dapatan kajian beliau mengatakan 65.7% guru pelatih mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana mengenai isu-isu alam sekitar.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Quek (1992) mendapati pelajar lelaki lemah mengenai pengetahuan tentang alam sekitar jika dibandingkan dengan perempuan sebelum dan selepas menjalankan satu proses pembelajaran sentiasa yang menumpukan ke atas kesan, komitmen dan pengetahuan tentang persekitaran yang telah di proses melalui pemebelajaran secara terdedah melalui ceramah, tayangan video, slide dan filem.

Kebanyakan pendidik bersetuju bahawa untuk menukar sikap, kesedaran dan tingkah laku pelajar terhadap alam sekitar, seseorang perlu membantu masyarakat untuk membantu menjadikan mereka lebih berpengetahuan dalam isu-isu alam sekitar (Bright & Tarrant 2002). Walau bagaimanapun, tugas penyampaian terhadap alam sekitar ini tidak semudah yang disangka, ini kerana pengetahuan yang sedia ada pelajar terhadap alam sekitar kebiasaannya kurang tepat (Gigliotti 1990). Oleh itu, pendidikan merupakan salah satu agen pengerak untuk memberikan penigkatan pengetahuan pelajar terhadap alam sekitar.

Di samping itu, tanpa disedari pendidik alam sekitar telah disampaikan melalui beberapa mata pelajaran antaranya Pendidikan Moral. Kewujudan nilai alam sekitar dalam Pendidikan Moral juga adalah untuk membantu pelajar memperolehi nilai yang baik, memupuk nilai yang positif terhadap alam sekitar dan supaya pelajar dapat melibatkan diri secara aktif dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Penerapan nilai berkaitan alam sekitar di dalam Pendidikan Moral ini kadang kala di lakukan secara formal dan tidak formal. Oleh itu, guru-guru sebenarnya tidak terikat pembelajaran di dalam kelas semata-mata asalkan pengajaran yang disampaikan dapat memberikan kesan yang positif ke atas pelajar.

Satu kajian telah dilakukan oleh Palmberg dan kuru 2000 (dalam Ernesto 2004) yang membezakan pelajar berumur 11 tahun dan 12 tahun dengan memberi pengalaman aktiviti luar yang berbeza menunjukkan terdapat hubungan poositif yang jelas dan kuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap alam sekitar. Pelajar yang mempunyai pengalaman dan terlibat dengan aktiviti luar memiliki tingkah laku sosial yang baik dan tinggi penilaian moral. Walau bagaimanapun, pengetahuan pelajar tidak semestinya dapat mempengaruhi sikap dan nilai pelajar terhadap alam sekitar, dan perbezaan ini dapat dibuktikan di dalam kajian ini.

2.15 Sikap terhadap Alam Sekitar

Sikap merupakan suatu penilaian yang timbul dari perasaan kepercayaan dan pemikiran terhadap sesuatu objek, simbol atau aspek kehidupan individu (Siti Rohaya Ariffin 1988). Sikap terhadap alam sekitar ini merujuk kepada satu kumpulan bagi nilai dan perasaan serta perasaan bagi keprihatinan kepada alam sekitar dan motivasi untuk penglibatan diri dalam pemuliharaan alam sekitar. Terdapat pelbagai sikap mengenai alam sekitar. Tiga sikap yang lazim terhadap alam sekitar ini ialah etika pembangunan yang mengatakan alam semulajadi ini mempunyai nilai di dalamnya dan tidak patut diganggu dan seterusnya ialah etika pemuliharaan yang merujuk bahawa penggunaan alam sekitar oleh manusia adalah secara berhemah (Enger& Smith 2004).

Sikap ialah suatu faktor psikologi dan sosiologi yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sikap bukanlah satu ukuran yang tepat, ukuran ini mewakili oleh darjah sangat setuju dan sangat tidak setuju individu terhadap sesuatu objek tersebut. Arah sikap juga dapat disifatkan dalam bentuk positif atau negatife (Abu Ahmadi 1991). Sikap positif ialah sikap yang menunjukkan atau memperlihatkan menerima, mengakui, menyetujui serta melaksanakan norma-norma yang berlaku terhadap individu manakala sikap negatif pula menunjukkan atau memperlihatkan penolakan atau sangat tidak setuju terhadap norma-norma yang berlaku kepada individu tersebut. Faktor sikap bukanlah lahir secara semulajadi tetapi sikap tersebut lahir dengan mengikuti perkembangan seiring dengan pengalaman dan proses tersebut hasil melalui interaksi individu dengan persekitaran. Pengalaman yang dihadapi akan bertindak balas dalam pertumbuhan dan perkembangan sejurus membentuk sikap individu tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pembentukan sikap yang positif terhadap alam sekitar adalah penting untuk membantu pelajar meningkatkan moraliti dan bertingkah laku baik. Menurut Ramsey dan Rickson (1976) menyatakan, masalah alam sekitar berpunca daripada perbuatan atau tingkah laku masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Sikap merupakan salah satu pengaruh penting dalam membentuk tingkah laku individu itu sendiri.

Tuntasnya, sikap generasi muda sekarang inilah merupakan tonggak negara yang akan memikul tanggungjawab negara pada masa akan datang. Generasi muda seharusnya mampu untuk menyelesaikan masalah alam sekitar yang timbul pada masa depan. Seperti pembentukan peribadi saintis masa depan bergantung bagaimana sikap generasi muda pada masa sekarang. Alam sekitar bergantung sepenuhnya kepada generasi muda sekarang untuk menjaga dan memulihara alam sekitar. (Bradley, *et al.*,1999). Oleh itu, pengajaran Pendidikan Moral dalam bidang alam sekitar yang dijalankan di sekolah bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tetapi sedikit sebanyak dapat memberikan kesedaran dan membentuk pelajar bersikap positif terhadap alam sekitar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.16 Penerapan Nilai-Nilai Murni

Segala isu yang berlaku di Malaysia di sifatkan sebagai kritikan sehingga berjaya menarik perhatian pelbagai golongan seperti orang perseorangan, pertubuhan sukarela, institusi-institusi pendidikan, para pemimpin masyarakat dan ketua-ketua Negara.

Pihak Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah positif dalam menangani perkara-perkara berkaitan alam sekitar. Sebagai contoh, dalam rancangan Malaysia ke-6 telah ditubuhkan Majlis Alam Sekitar Negara (MASN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Pada 4 Ogos 1994, Perdana Menteri terus mengigatkan tentang keperluan penilaian kesan Alam Sekitar dalam rancangan pembelajaran (Murali 2002).

Antara tindakan yang telah dipersetujui adalah dengan badan-badan tertinggi, kerajaan telah melaksanakan program pendidikan yang berkesan bagi meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesedaran orang ramai terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Di antara perancangan jangka panjang yang harus diambil perhatian oleh kerajaan di dalam usaha mendidik masyarakat adalah dengan memastikan setiap mata pelajaran mempunyai unsur-unsur pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar kepada kanak-kanak di dalam setiap peringkat persekolahan. Melalui kaedah ini kanak-kanak dapat dipetingkatkan kemahiran dan sikapnya terhadap isu-isu alam sekitar dan seterusnya membolehkan mereka mengambil bahagian aktif di dalam usaha melindungi alam sekitar.

Di samping itu, banyak pihak juga turut terlibat serta menyumbang bakti dalam sama-sama menjayakan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar ini. Usaha kini ditumpukan dengan penglibatan para pelajar untuk meningkatkan tahap kesedaran alam sekitar di kalangan mereka semasa cuti persekolahan. Ini dilakukan dengan mengadakan aktiviti perkhemahan serta kursus motivasi untuk para pelajar. Penglibatan institusi penyelidikan perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pencinta Alam (MNS) dan JAS (Jabatan Alam Sekitar) telah Berjaya menarik minat lebih ramai pelajar untuk memahami dan menghayati alam sekitar. Mereka didedahkan dengan pelbagai aspek tentang penggunaan, penggendalian, penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar daripada terus dimusnahkan. Kesedaran kepentingan alam sekitar perlu ditekankan agar mereka mampu memahami apa yang mereka pelajari sepanjang perkemahan ini dan dapat mempraktikan sekembalinya mereka ke tempat kediaman mereka.

2.17 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan secara mendalam mengenai kajian literature yang pernah dijlankan oleh pengkaji-pengkaji lain yang berkaitan dengan tajuk kajian. Berdasarkan kajian ini penyelidik merujuk kepada Teori Behaviorisme dan Teori konstruktivisme sebagai pendekatan guru untuk membimbing pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di luar bilik darjah seperti bab-bab yang terdapat dalam pembelajaran Pendidikan Moral ini. Dengan penggunaan teori ini di dalam kelas permasalahan alam sekitar lama kelamaan ia dapat berkurangan. Oleh itu, guru pendidikan moral perlu bijak memilih kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kehendak pembelajaran abad ke-21 agar dapat membantu pelajar dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkajian kaedah yang bersesuaian dapat menggalakkan pelajar lebih aktif dalam bilik darjah dan melibatkan diri dalam pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, untuk memantapkan lagi perkembangan pebelajaran pelajar, Ibu bapa juga perlu memainkan peranan yang besar dalam membentuk sahsiah remaja kerana bentuk yang kukuh dan baik tidak akan menjejaskan peribadi remaja yang dibina seumur hidup. Peranan orang dewasa khususnya ibu bapa dianggap paling penting kerana peribadi yang dibentuk pada zaman kanak-kanak memberi kesan kepada pembentukan sahsiah pada zaman remaja. Peranan ibu bapa dalam memberi bentuk asuhan yang baik akan secara tidak langsung mempengaruhi pembentukan personaliti yang baik (Singgah,1982).

Justeru, bersesuaian dengan sifatnya sebagai tempoh menuju kedewasaan, remaja memerlukan persekitaran dan sistem nilai yang baik dalam membentuk identiti diri. Keperluan ini harus wujud di dalam institusi kekeluargaan, kemasyarakatan dan pendidikan di mana remaja sedang melalui tempoh getir dalam kehidupannya. Biarpun begitu, persoalan menyediakan remaja dengan persekitaran dan sistem nilai yang baik bukanlah sesuatu yang mudah dan terbentuk secara semulajadi. Penyediaan ini perlu melalui proses pendidikan bermatlamat sebagaimana ditegaskan oleh Wheeler (1973) iaitu ‘perubahan tingkah laku ke arah yang baik di samping menyediakan individu untuk menjadi anggota masyarakat yang baik, mempunyai perasaan dan mengamalkan nilai-nilai yang baik, sesuai dengan budaya hidup masyarakatnya’.

Zaman remaja merupakan tempoh manusia keluar dari alam kanak-kanak menuju kedewasaannya. Melangkah keluar dari alam kanak-kanak menjadikan remaja lebih terdedah kepada aktiviti kemasyarakatan dan merancakkan lagi proses sosialisasinya. Sigmund Freud (1971) beranggapan bahawa ‘manusia haruslah melalui proses sosialisasi yang telah sedia wujud di dalam institusi kekeluargaan dan masyarakat. Kegagalan manusia melalui proses ini, hanya akan menyaksikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecelaruan yang boleh merosakkan peraturan-peraturan dalam pembentukan disiplin diri, institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan'.

Pendidikan yang kian mencabar seiring dengan era globalisasi, akan memberi cabaran yang baru kepada ibu bapa dalam memberi tumpuan sepenuhnya dalam pendidikan anak-anak. Ini ternyata dengan masalah yang bertubi-tubi muncul di dada akhbar berkaitan dengan masalah remaja yang kian meruncing. Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya.

Namun pada realitinya, sejak akhir-akhir ini pelbagai pihak mula menaruh kebimbangan tentang berbagai gejala sosial yang melanda remaja dan seterusnya meruntuhkan akhlak anak-anak remaja masa kini. Sama ada disedari atau tidak, perkembangan gejala-gejala sosial ini semakin meningkat dari hari ke hari. Setiap hari dipaparkan berbagai cerita tentang pelbagai salah laku yang dilakukan oleh remaja baik salah laku yang kecil mahu pun besar. Ini turut menggambarkan betapa seriusnya fenomena ini dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil bagi membendungnya dari terus menjadi barah dalam masyarakat Malaysia. Masyarakat hari ini sedang dilanda kebingungan dengan fenomena keruntuhan akhlak di kalangan remaja. Pelbagai persoalan ditimbulkan. Apakah pihak sekolah selaku institusi pendidikan gagal menangani masalah itu? Bagaimana pula peranan ibu bapa dan keluarga? Bagaimanakah remaja boleh bertingkah laku sedemikian? Apakah punca yang membawa kepada berlakunya fenomena tersebut.

Erikson (1962), menegaskan bahawa matlamat remaja ini ialah untuk mencapai pengenalan identiti personal berasaskan kematangan fizikal dan seksual. Identiti bukan sahaja terhad kepada personal tetapi meliputi konsep kendiri seperti penyatuan kendiri personal dan perasaan sosial, identiti masa kini dan identiti masa lalu. Identiti yang cuba dibentuk adalah diasaskan kepada konsep kendiri individu yang berkait rapat dengan faktor-faktor fizikal dan psikologi remaja. Interaksi remaja dengan persekitaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terutamanya dengan orang yang signifikan seperti ibu bapa atau ahli keluarga yang mempengaruhi pembentukan identiti dan konsep kendiri remaja. Identiti ini juga dikaitkan dengan perkembangan kognitifnya dalam usaha untuk menyesuaikan diri dengan realiti hidup. Semasa mencari identiti inilah remaja akan menghadapi konflik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk melihat keberhasilan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di luar bilik darjah sekolah menengah. Pengkaji ingin melihat keberkesanan guru melakukan aktiviti di luar bilik darjah dalam mengembangkan aspek penaakulan, emosi dan tindakan pelajar. Guru melakukan aktivti-aktiviti yang sesuai dengan sukatan pembelajaran pendidikan moral. Seterusnya, bab ini menjelaskan mengenai metodologi perjalanan kajian yang telah dibentangkan mengikut langkah demi langkah. Langkah-langkah tersebut adalah menentukan reka bentuk kajian, responden kajian, prosedur pengumpulan kajian, instrument kajian dan akhir sekali prosedur melaksanakan kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif ialah satu proses inkuiri untuk memahami masalah berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan komleks, melalui pandangan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi (Creswell 1994 dalam Othman Lebar 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Lokasi kajian

Fokus dalam kajian ini lebih kepada teknik pembelajaran Pendidikan Moral di luar bilik darjah, Justeru itu, lokasi sekolah menengah adalah pilihan yang tepat untuk digunakan sebagai tempat penyelidikan. Pemilihan tempat ini sesuai untuk membuat kajian tindakan kerana merujuk pada Elliot dan Adelman, 1976, penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidik situasi sosial di organisasi pendidikan, dan memperbaiki kualiti amalan harian.

Permulaan pemilihan sekolah oleh penyelidik adalah dengan melihat kawasan di sekitar Johor Baharu, walau bagaimanapun penyelidik telah memilih sekolah di Pasir Gudang Johor, sebagai tempat kajian utama kerana penyelidik merupakan guru posting di salah sebuah sekolah di Pasir Gudang. Penyelidik telah memilih satu buah sekolah sahaja iaitu SMK Bandar Seri Alam sebagai tempat kajian. Memandangkan penyelidik bekerja di SMK Bandar Seri Alam ini memudahkan penyelidik membuat kajian dan meminta kebenaran pentadbir untuk melakukan kajian ini. Tujuan utama penyelidik memilih sekolah ini kerana permasalahan-permasalahan yang sering dilihat oleh penyelidik sendiri sepanjang PdPc Pendidikan Moral berlangsung. Lokasi sekolah yang berdekatan dengan perumahan flat juga menjadi sebab utama penyelidik memilih lokasi ini.

3.2 Pemilihan peserta kajian

Sebelum menjalankan penyelidikan, pengkaji telah memilih 6 orang guru berpengalaman mengajar lebih 7 tahun. Penyelidik juga memilih responden dengan berdasarkan beberapa kriteria iaitu guru yang kerap melakukan aktiviti di luar bilik darjah, mengajar pelajar tingkatan 2 dan pembelajaran yang aktif. Pemilihan sample

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak dipilih secara rawak bagi mengelakkan terdapatnya responden yang enggan memberikan kerjasama, penyelidik memilih guru yang dapat memberikan kerjasama bagi memudahkan kajian dijalankan. Tumpuan penyelidik adalah melaksanakan temu bual dan sedia berkongsi data pembelajaran dan pengalaman semasa menjalankan latihan mengajar di sekolah.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian tindakan dan pemerhatian ini dijalankan dengan penggunaan pendekatan kualitatif. Kajian ini dilakukan dalam dunia nyata pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Manakala data yang dikumpulkan mengikuti refleksi yang disampaikan segala maklumat oleh responden secara langsung atau tidak langsung. Justeru itu, kajian menggunakan kaedah kualitatif digunakan kerana kajian ini merangkumi kesemua teknik pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah yang sempurna. Kajian yang dilakukan oleh penyelidik, bersifat deskriptif atau kajian yang dilakukan sudah tersedia. Penyelidikkan secara kualitatif akan melibatkan kepelbagaian kaedah berfokus seumpama menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Cresswell (1994) pula mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial. Reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik ini adalah lebih berfokus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Ia juga merupakan metod untuk memperolehi objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik.

Objektif-objektif kajian tersebut ialah:

a) Mengenalpasti Teknik Pembelajaran Luar Bilik Darjah yang berkesan.
b) Menjelaskan faktor mendorong Pembelajaran Luar Bilik Darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Menilai teknik pembelajaran yang paling berkesan dalam memupuk pengetahuan, emosi dan perlakuan pelajar di luar bilik darjah.

Oleh itu, untuk menjayakan objektif tersebut, penyelidik berusaha untuk cuba melakukan dan melaksanakan sedaya upaya cuba untuk membuat dan mengadakan kaedah serta cara untuk mencapai tujuan tersebut. Pada peringkat permulaan, penyelidik membuat memerhati beberapa buah sekolah di johor, memandangkan penyelidik di tempatkan bekerja di SMK Bandar Seri Alam, penyelidik telah bersetuju memilih sekolah tersebut sebagai sample kajian. Hal ini memudahkan penyelidik membuat tinjauan beberapa kelas Pendidikan Moral tingkatan 2 di sekolah berkenaan. Penyelidik membuat tinjauan dengan melihat tindak balas pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Setelah penyelidik memastikan kesamaan pengetahuan, emosi dan tindakan pelajar didalam semua kelas Pendidikan Moral serta permasalahan yang dihadapi di dalam kelas, penyelidik membuat pemilihan yang tepat menjadikan sekolah sebagai sample kajian. Guru-guru dipilih sebagai responden kajian. Penyelidik hanya membahagikan guru-guru tingkatan 1 dan 2 yang melakukan aktiviti luar bilik darjah dijadikan sebagai responden kajian. Ia juga dipilih sebagai batasan serta sempadan kajian oleh penyelidik.

Setelah sampel kajian dan responden sudah dikenalpasti, seterusnya penyelidik membina beberapa instrumen kajian seperti beberapa soalan bagi mendapatkan data dan maklumat daripada responden seterusnya, semua data-data ini diproses dan dianalisa dengan lebih mendalam bagi mengenerelisasikannya. Kemudian, data-data yang telah diproses ini, dimasukkan ke dalam kajian penyelidik, sebagai dapatan kajian. Reka bentuk kajian tindakan juga diguna pakai oleh penyelidik kerana kajian tindakan merupakan susun atur yang sistematik yang digunakan oleh guru dalam konteks sekolah untuk meneroka pengetahuan, mengkaji dan memperbaiki PdPc serta kaitannya dengan keberkesanan pembelajaran dalam kalangan murid yang diajarnya (Chow & Jaizah, 2011; Creswell, 2012). Justeru, reka bentuk kajian tindakan merupakan reka bentuk yang releven digunakan. Justeru itu, teknik tayangan video boleh dilakukan dalam beberapa fasa gelungan (Soon, 2007) sehingga teknik tayangan video sememangnya berkesan dan sesuai digunakan untuk mencapai matlamat pembelajaran murid. Reka bentuk ini juga dipilih kerana penyelidikan tindakan adalah untuk memperbaiki kualiti sesuatu amalan bagi pengamal atau pun individu yang terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan situasi sosial berkenaan bagi memperbaiki kefahamannya tentang sesuatu peristiwa, situasi dan masalah agar keberkesanan amalan dapat diperbaiki (Chua, 2006). Hal ini bermakna, sebagai pengamal pengajaran guru perlu mengenalpasti masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta menjalankan penyelidikan untuk mengatasinya. Jelasnya, kajian tindakan merupakan satu alternatif bagi guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka melalui tindakan sendiri dan bukannya bergantung kepada pihak lain untuk mengkaji kelemahan dan kekuatan tindakannya (Chow & Jaizah, 2011).

Penyelidik cuba memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Pendidikan Moral ini memandangkan penyelidik seorang guru. Oleh itu, penyelidik perlu meneroka, mencari maklumat terperinci tentang potensi pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah bagi mengembangkan aspek pengetahuan, perasaan dan tingkah laku moral yang menjadi tujuan akhir program Pendidikan Moral di Malaysia. Justeru itu, reka bentuk kajian tindakan ini adalah satu usaha yang dilakukan oleh pengamal untuk mengkaji masalah yang dihadapi secara saintifik supaya dapat memberi panduan, membuat penambah baikkan dan menilai keputusan dan tindakan yang dilakukan Stephen Corey (seperti dinyatakan dalam Othman, 2011). Reka bentuk kajian tindakan ini dapat memahami penyelidik dalam mengenali proses dan masalah pembelajaran pelajar semasa penggunaan pelbagai teknik tayangan video dan penyelidik membaik pulih kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknik yang dilakukan oleh model gelungan kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) didapati memberi pengulangan geluang yang sesuai. Disamping itu, teknik Tayangan video ini perlu dilaksanakan dengan teratur supaya refleksi daripada setiap gelungan boleh dijadikan panduan atau titik rujukan pengubahsuaian terhadap teknik ini.

3.4 Instrumen Kajian

Intrumen kajian merupakan elemen yang sangat penting dalam menjalankan kajian.Menurut Noraini Idris (2010), semua penyelidikan melibatkan pungutan data. Tanpa instrument kajian, penyelidik akan mengalami masalah dalam pengumpulan data yang diperlukan. Instrumen kajian juga dikenali sebagai alat kajian. Pemilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

instrument kajian yang bersesuaian akan memudahkan penyelidik mengumpul maklumat yang diperlukan dengan tepat dan sistematik disamping membantu penyelidik mencapai objektif kajian. Penyelidik menggunakan instrument kajian iaitu temu bual dan kajian perpustakaan.

Sesuatu instrumen boleh dipercayai jika instrumen berkenaan memberi dapatan yang konsisten setiap kali pengukuran dibuat. Jika seseorang penyelidik atau pengkaji menggunakan instrumen yang sama untuk mengesan pencapaian sekumpulan pelajar yang sama pada dua waktu yang berbeza, dapatan mestilah hampir sama. Konsistensi ini akan membuatkan seseorang penyelidik yakin bahawa dapatannya mewakili pencapaian pelajar yang diuji. Objektif instrumen ialah satu lagi elemen yang harus diambil kira. Objektif bermakna tiada elemen subjektif dalam penggunaan instrumen itu. Setakat yang boleh, seseorang penyelidik perlu menghilangkan subjektiviti daripada keputusan yang dibuat berasaskan instrumen yang digunakan. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mendapat objektif mutlak dalam penggunaan susuatu instrumen. Dalam melaksana dan menjalankan kajian menggunanakan instrumen ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah sebagai instrumen kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kajian perpustakaan

kajian ini telah dihasilkan oleh penyelidik dengan penemuan-penemuan berkenaan kajian melalui sumber-sumber daripada bahan elektronik, bahan bercetak contohnya buku rujukan dan juga sumber daripada internet. Bahan-bahan kajian yang diperolehi daripada buku telah diselidiki terlebih dahulu oleh penyelidik. Sumber dari perpustakaan ini banyak informasi dan maklumat-maklumat tambahan bagi menyempurnakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Beberapa buah perpustakaan, seperti Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Ideris, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia boleh mendapatkan segala maklumat-maklumat rujukan bercetak sepeti buku-buku rujukan. Penyelidik mendapatkan akses sebagai pelajar university dan menggunakan secara optimum kemudahan yang telah disediakan di perpustakaan. Peminjaman buku-buku kepada penyelidik juga boleh dilakukan sebagai bantuan penyelidik membina kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Temu bual.

Kesahan yang tinggi dalam sesuatu instumen kajian ialah penggunaan kaedah temu bual. Hasil kaedah temu bual boleh mendapatkan maklumat terus dari responden. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat secara terperinci dan data daripada responden kajian. Temu bual dalam kajian ini tertumpu kepada teknik pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah dalam seharian serta latar belakang responden kajian. Sebelum pengkaji bertemu bersama responden yang terlibat iaitu guru-guru daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Alam yang mengajar di luar bilik darjah, penyelidik telah membuat soalan-soalan yang ingin diajukan kepada responden semasa sesi temu bual dijalankan. Hal ini bagi memastikn setiap soalan diberikan dapat dijawab oleh responden dalam kaedah sesi temu bual ini. Malah, segala maklumat yang diinginkan oleh penyelidik telah dinyatakan dalam setiap soalan-soalan yang disediakan dalam sesi temu bual ini. Dapatan yang diperoleh akan dimasukkan ke dalam kajian ini. Hasil kajian yang didapati mempunyai kelebihan yang tersendiri. Melalui kaedah ini, penyelidik akan mendapat penjelasan jika dapati soalan tidak jelas. Disamping itu, responden juga dapat memberikan maklumat-maklumat yang penting. Batasan masa tiada had dan tiada permasalahan kerana penyelidik dan responden mempunyai masa yang panjang untuk memberikan maklumat, kenyataan mahupun pendapat. Meskipun banyak persoalan yang diajukkan tetapi responden berasa santai kerana tiada penekanan ketika soal jawab diajukan dan dalam soal jawab ini juga dapat mempereratkan hubungan antara penyelidik dan responden. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekurangan antaranya kaedah temu bual ini memakan masa yang agak lama berbanding dengan kaedah-kaedah lain.

c) Pemerhatian.

Kaedah pemerhatian juga dilakukan oleh penyelidik bagi memperoleh maklumat-maklumat sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Bagi memperoleh maklumat pembelajaran dan pengajaran ini penyelidik telah memerhati gerak kerja yang dilaksanakan oleh guru-guru dan pelajar tingkatan dua. Pemerhatian di lakukan hanya kepada guru tingkatan 2 dan pelajar tingkatan 2 yang belajar di luar bilik darjah. Penyelidik mengambil segala maklumat yang dilakukan oleh guru sama ada cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


pembelajaran guru kepada pelajar, aktiviti yang dijalankan, sesi soal jawab bersama pelajar dan latihan-latihan yang dilaksanakan oleh pelajar serta melihat tingkah laku pelajar. Segala pembelajaran dan pengajaran di lihat penyelidik untuk dijadikn bahan bukti dalam kajian ini. Tumpuan utama dalam catatan penyelidik tertumpu kepada aktiviti yang dilakukan sepanjang pembelajaran di luar bilik darjah. Disamping itu, fokus utama yang diambil kira dalam catatan penyelidik untuk pungutan data ialah soal jawab pelajar yang diajukan kepada guru. Keistimewaan penyelidik dalam membuat kajian ini, penyelidik dapat melihat sendiri tingkah laku dan perlaksanaan pembelajaran yang dilakukan oleh guru di luar bilik darjah tanpa ada paksaan mana-mana pihak. Perlangsungan pembelajaran secara nyata ini membolehkan pengkaji mendapatkan data semula jadi dan natural. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan daripada kaedah ini ialah, penyelidik menyenaraikan pemerhatian terlalu banyak menyebabkan penyelidik memerhati tingkah laku terlalu banyak dan menyebabkan dapaan kajian tidak begitu tepat. Oleh itu, penyelidik perlu membuat pemerhatian secara rambang supaya hasil yang di dapati secara menyeluruh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Prosedur kajian

Rajah 3.0

Model Kemmis dan McTaggart (1988)




05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 3.1

Gelungan kitaran Model Kemmis dan McTaggart (1988)



Sumber: Maznah et al. (2006)

Kajian tindakan ini merangkumi 4 fasa seperti yang dibentangkan oleh Model Kemmis dan McTaggart (1988). Fasa 1 penyelidik akan membuat tinjauan awal, fasa 2 kedudukan tindakan dan pengumpulan, fasa 3 pelakuan tindakan dan mengumpul bukti dan fasa ke 4 analisis data dan refleksi. Merujuk kepada Gelungan pertama penyelidik telah memperkenalkan teknik tayangan video kepada pelajar.

Fasa 1 penyelidik akan membuat tinjauan awal, Gelungan pertama penyelidik menggunakan teknik tayangan video kepada pelajar, sistem multimedia menggunakan telinga dan mata di samping memproses maklumat yang diterima Jamalludin & Zaidatun (2003), pelbagai kaedah baru diperkenalkan bagi menjadikan pengajaran penyelidik lebih berkesan dan pembelajaran murid lebih bermakna. Isu moral yang dibincangkan di dalam video yang ditayangkan adalah berkaitan tentang alam sekitar. Semasa sesi permulaan pengajaran Penyelidik menggambarkan tentang permasalahan dan kejadian alam sekitar yang wujud di Malaysia. Penerangan demi penerangan diberikan kepada pelajar dan di hiasi dengan tayangan video berkaitan kecantikan alam sekitar. Walau bagaimanapun gelungan pertama ini hanya menumpukan kepada teknik tayangan video.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa 2 pelan tindakan dan pengumpulan, Pada fasa kedua, aspek tindakan dan pengumpulan, Pelajar dibekalkan buku nota oleh penyelidik untuk mereka melakukan aktiviti dengan mengumpulkan segala maklumat yang ditayangkan dan menggeluarkan nilai serta pengajaran yang terdapat didalam video yang ditayangkan. Fasa 3 pelaksanaan tindakan dan mengumpul bukti, Pelaksanaan tindakan dan mengumpul bukti dapat dilihat daripada awal pengajaran. Fasa ke 4 analisis data, sewaktu Pdpc berlaku penyelidik membuat pemerhatian. Refleksi pada gelungan pertama ini penting kerana refleksi ini dapat membantu penyelidik memberikan pendapat nilai tambah kepada tindakan dan perlaksanaan tindakan yang baharu dalam gelungan kedua. Refleksi awal dapat menyediakan cara bagi mengkaji pelan tindakan berdasarkan maklumat yang terkini sambil merancang tindakan berterusan. Di samping itu, penyelidik telah menyediakan pelan tindakan baharu bagi gelungan kedua ia dapat diperolehi daripada maklumat yang telah dikumpulkan dalam gelungan pertama dan seterusnya gelungan kedua diawali dengan pelan tindakan yang baharu.

Fasa pertama untuk gelung kedua dapat dilihat daripada hasil refleksi yang diperbaiki daripada gelung pertama. Pelan tindakan Tayangan video pertama yang dirancang ini lebih kepada penambahbaikan kelemahan yang diperolehi semasa pelaksanaan Tayangan video dalam gelung pertama. Permasalahan ini telah dikenal pasti melalui fasa refleksi dan dibaiki melalui beberapa strategi seperti melakukan aktiviti yang lebih menarik dan mudah difahami pelajar seterusnya dapat menambahkan pengetahuan, emosi dan tingkah laku. Akhirnya satu pelan tindakan baharu telah dirancang.

Fasa pertama untuk gelung kedua dapat dilihat daripada pembaik pulih hasil refleksi daripada gelung pertama. Walau bagaimanapun, pada gelungan pertama terdapat beberapa permasalahan yang berlaku namun perancangan pelaksanaan tayangan video ini dapat membantu memulihkan kelemahan. Beberapa strategi telah dilakukan bagi melakukan aktiviti yang lebih menarik dan mudah difahami pelajar seterusnya dapat meningkatkan kefahaman, emosi dan tingkah laku apabila kelemahan sudah dapat dikenal pasti daripada fasa refleksi. Akhirnya satu pelan tindakan baharu telah dirancang. Semua strategi dalam pelan tindakan ini dinyatakan dan diaturkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam satu kerangka, dibincangkan dan difahami oleh murid sebagai pelan tindakan tayangan video pertama untuk dilakukan dalam gelung kedua.

Permasalahan moral melalui video dalam gelung kedua ini masih digunakan daripada tema Alam Sekitar. Pengajaran dilaksanakan berpandukan kepada rancangan pengajaran harian. Penyelidik membuat tayangan video alam sekitar dan meminta pelajar memahami cerita yang disampaikan. Aktiviti yang dijalankan adalah meminta pelajar bergerak dan membincangkan topik alam sekitar untuk dilakukan. Dalam gelungan ini juga, murid masih meneruskan membuat nota tentang pengajaran penjagaan alam sekitar dengan pelan tindakan yang telah diperbaiki. Peserta masih kekal dalam kumpulan masing-masing.

Pada fasa kedua ini, penyelidik melaksanakan lakonan dengan mengaplikasikan pelan tindakan tayangan video pertama. Keempat-empat strategi yang dirancang dalam pelan tindakan tayangan video pertama telah dilaksanakan dalam keempat-empat langkah tayangan video. Pelajar dapat mengolah pemahaman melalui tayangan video ke dalam bentuk lakonan berkumpulan. Semua pelajar perlu menggunakan emosi yang baik untuk melakukan lakonan. Penyelidik telah merancang satu lagi cara persembahan yang menarik untuk dilakukan sepanjang aktiviti lakonan dijalankan. Pengajaran yang diperolehi daripada kajian ini hasil panduan daripada perancangan pengajaran tersebut.

Fasa ketiga, Langkah pemerhatian ini dilaksanakan oleh penyelidik dalam gelung kedua apabila bermulanya langkah mengembangkan mengenai pemahaman tayangan video. Proses mengumpul dan menganalisis data terhadap pelaksanaan tayangan video dengan pelan tindakan yang telah diperbaiki iaitu melalui pelan tindakan tayangan video pertama diteruskan dalam gelung kedua ini. Manakala Refleksi dilakukan terhadap perlaksanaan pelan tindakan tayangan video pertama telah diakhiri pada gelungan kedua. Pada fasa ke 4 perlaksanaan proses pengumpulan dan penganalisian data telah dilakukan sama seperti dalam gelungan pertama. Perlaksanaan analisis data dilakukan bagi mengenalpasti pencapaian pelan tindakan tayangan video bagi mengembangkan aspek pengetahuan, emosi dan tingkah laku pelajar. Hasil yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimiliki, punca, kesan kelemahan dan kekuatan perjalanan pelan tindakan tayangan video dalam mengembangkan ketiga-tiga aspek moral ini terdapat dalam refleksi gelungan kedua. Disamping itu, penyelidik telah menemui cara baru bagi memperbaiki tindakan dalam gelungan kedua dan seterusnya pada gelungan ketiga telah dimulai dengan cara yang baru iaitu penggunaan tempat pembelajaran.

Fasa I dalam gelungan ketiga ini dimulakan dengan pelan tindakan Tayangan video 2, tindakan Tayangan video 2 dalam gelung ketiga ini lebih merupakan hasil penambahbaikkan daripada pelaksanaan pelan tindakan Tayangan video 1 dalam gelung kedua. Pelan tindakan tayangan video ke2 ini dilaksanakan pada gelungan ke 3. Tayangan video 2 dalam gelungan ketiga ini pembaikian daripada perjalanan tayangan video 1 dalam gelungan kedua. Kekurangan perlaksanaan video dalam gelungan kedua dapat diketahui melalui fasa refleksi, pelbagai strategi dilakukan bagi membaik pulih serta telah dibincangkan bersama pelajar. Tujuan utama dalam gelungan ketiga ini masa sama. Penyelidik telah memulakan kajian dengan melaksanakan pelan tindakan Tayangan video, lakonan serta aktiviti ini dijalankan di luar bilik darjah. Peserta diminta untuk bersedia dan merancang lakonan melalui pemahaman dari tayangan video sama mengikut gelung pertama dan kedua. Pelajar diminta untuk mencatit pengajaran dan nilai-nilai yang diperolehi di dalam lakonan yang akan dijalankan.

Pada fasa ke 3 ini proses perlaksanaan pengumpulan data dan menganalisis masih dijalankan dalam gelungan ke 3. Proses teknik pengumpulan data ialah pemerhatian secara protokol di luar bilik darjah, protokol soal jawab, catatan jurnal dan rakaman video masih dilaksanakan. Penyelidik juga telah membuat temu bual bersama pelajar secara berfokus selepas perlaksanaan pdpc bagi mengutip data tentang aspek pengetahuan, nilai yang di dapati, sikap dan penghasilan dan penghayatan yang diperolehi dalam video. Penyelidik menyelidik catatan jurnal pelajar untuk mendapatkan data tentang perasaan, pengalaman dan reaksi mereka. Selain itu, penyelidik telah menemu bual guru berkaitan teknik-teknik yang di guna pakai dalam PdPc di luar bilik darjah. Oleh itu, dalam fasa ini sesuai untuk aktiviti pengumpulan data pelaksanaan teknik tayangan video di luar bilik darjah dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pemudahcara Pendidikan Moral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil yang di dapati dalam fasa ke 4 gelungan ketiga ini menunjukkan pencapaian yang terbaik yang di lakukan oleh pelajar tentang perlaksanaan video di luar bilik darjah. keberhasilan melakukan keempat-empat langkah tayangan video membolehkan pengkaji mengakhiri kajian tindakan dengan membuat refleksi secara keseluruhan. Penyelidik mengakhiri penyelidikan pada tahap ini berikutan tiada sebarang permasalahan yang berlaku sepanjang pelaksanaan tayangan video dilaksanakan. Data yang diperolehi telah dianalisis oleh penyelidik bagi menjawap persoalan kajian. Bagi menilai sejauh mana tayangan video di luar bilik darjah di lakukan, penyelidik telah menganalisi, mempertimbangkan data dan melihat sejauh manakah potensi tayangan ini dapat mengembangkan aspek pengetahuan moral, perasaan moral dan tingkah laku moral dalam kalangan pelajar.

Releksi bagi gelungan ketiga ini merupakan proses yang sangat penting untuk penyelidik kerana ia merupakan penunjuk cara penyelesaian permasalahan yang boleh diperbaiki. Gelungan yang ketiga ini juga memudahkan penyelidik untuk menjawab persoalan kajian, memperkukuhkan penerangan, melihat permasalahan, mengenalpasti iktibar dan kehadiran sumber kaedah yang baru. Analisis data pada proses ini dilaksanakan apabila keseluruhan data bagi ketiga-tiga gelungan kajian ini tamat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Rumusan

Bab ini membincangkan bekenaan sesi kajian dan metodologi yang dilaksanakan dalam kajian ini. Kaedah kualitatif yang dilaksanakan dalam kajian ini bertujuan untuk pengumpulan data digunakan dan proses pensempelan secara rawak. Kaedah ini dilakukan bagi membolehkan pengkaji melihat pertalian dalam kaedah mengumpul data dengan analisis yang digunakan sepanjang kajian. Kaedah untuk membangunkan instrument dibincangkan pada bab ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui metodogi yang telah dibangunkan, diharapkan agar kajian ini mampu untuk memberi data, maklumat dan keputusan yang tepat mengenai penggunaan pelbagai teknik pembelajaran khususnya tayangan video dalam pembelajaran pendidikan moral di luar bilik darjah sekolah menengah. Metodologi ini juga membantu pengkaji untuk memastikan hasil dapatan kajian adalah bertepatan dengan pernyataan kajian serta teori yang telah disediakan disamping susunan kaedah ini turut bertujuan untuk memastikan pengkaji tidak tersasar daripada objektif kajian. Metodologi yang digunakan ini boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang dalam mengkaji keberkesanan pembelajaran Pendidikan Moral diluar bilik darjah dengan menggunakan pelbagai teknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan melihat tahap tingkah laku pelajar melalui pengetahuan, sikap dan nilai pelajar di luar bilik darjah. Bab ini seterusnya akan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan maklum balas responden terhadap temu bual yang dijalankan.

4.1 Profil Responden

Profil respoden yang diperolehi dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu 6 orang guru tingkatan 2.

4.2 Temu bual

Berdasarkan temu bual yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden menyatakan bahawa pelajar lebih berminat untuk mengikuti sesi pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai teknik pembelajaran di luar kelas mampu menarik minat dan perhatian pelajar. Semua pelajar akan bergerak secara aktif dan dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti ini berbanding mendengar penerangan guru sahaja. Dengan menggunakan pelbagai teknik ini pelajar menunjukkan kesungguhan untuk menguasai semua kandungan pembelajaran. Responden R1 juga menyatakan bahawa dengan adanya pelbagai teknik ini, pelajar lebih berani untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran. Hal ini boleh diperolehi dengan kenyataan yang diberikan oleh responden dalam kajian ini :

> "…Pelajar akan sentiasa berminat untuk sesi pdpc seterusnya…dan kita boleh lihat juga semua pelajar terlibat secara aktif dan gembira…saya rasa semua pelajar (pelbagai tahap kebolehan) lebih berani untuk mencuba mengambil bahagian…" (R1)
>
> "…Boleh melibatkan semua pelajar apabila berada di luar kelas…contohnya menggunakan teknik perbincangan, soal jawab, sumbangsaran…dan permainan bahasa…"(R2)
>
> "…Penglibatan pelajar lebih aktif…berbanding belajar berpusatkan guru sahaja…manakala konsep yang dipelajari lebih mudah difahami…dan penguasaan kemahiran lebih tekal…"(R3)
>
> "…Murid menunjukkan kesungguhan untuk menguasai kandungan akademik…"(R4)
>
> "…Saya dapat lihatlah pelajar ni lebih mengambil perhatian apabila guru menggunakan pelbagai aktiviti diluar bilik darjah, mereka rasa lebih bebas untuk memberikan pendapat berbeza dengan bilik darjah…"(R5)
>
> "…apabila cikgu yang suka membuat aktiviti di luar bilik darjah samada bilik-bilik khas atau disudut-sudut ilmu pelajar lebih tertunggu-tunggu kehadiran guru untuk menjalankan kelas harian…"(R6)

Berdasarkan hasil temu bual yang dilakukan, pengkaji memberitahu bahawa guru akan memberikan aktiviti yang berguna dalam kehidupan seharian. Pengkaji mendapati semua guru telah menggunakan pelbagai teknik pembelajaran di luar kelas. Dengan aktiviti tersebut pelajar dapat bersama-sama rakan menyelesaikan sesuatu masalah. Responden R1 menyatakan bahawa dengan pelbagai aktiviti ini pelajar dapat berkongsi idea dan membuat perbincangan secara kritis dan kreatif. Manakala R2 menyatakan bahawa dalam kehidupan seharian kita perlu di rancang terlebih dahulu. Hal ini dapat dilihat R2 menggunakan peta I-Think untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "…..Ya….Contohnya aktiviti berkumpulan yang berpusatkan pelajar…untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dikemukakan guru. Pelajar akan berbincang (berkomunikasi) dan mengatur strategi untuk menyelesaikannya masalah…dan bersama-sama membuat keputusan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah…dan bersama-sama membuat keputusan yang sesuai untuk penyelesaian masalah secara kritis dan kreatif…Ini penting dipraktikkan dalam kehidupan seharian…"(R1)
> "…Aktiviti seperti perbincangan berguna dalam kehidupan seharian, contohnya menggunakan peta pemikiran (i-think)…untuk menyelesaikan sesuatu mencatat isi-isi penting melalui peta buih…."(R2)
> "…Untuk menghasilkan pdpc yang lebih menarik, mudah difahami…dan berkesan…disamping memenuhi kepelbagaian kecerdasan pelajar…"(R3)
> "…Melakukan aktiviti secara praktikal…"(R4)

Kesemua responden menyatakan bahawa pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan oleh itu, dengan pelbagai teknik ini pelajar boleh melatih diri untuk cuba memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembelajaran. Malah dengan pelbagai teknik pembelajaran ini dapat menarik minat pelajar mengikuti setiap bahagian aktiviti pembelajaran. R1 turut memberi keyakinan bahawa kepentingan kepelbagaian teknik pembelajaran ini sangat relevan kerana setiap pelajar berbeza gaya pembelajarannya sama ada pelajar itu lebih kepada pelajar visual, pelajar auditoti atau pelajar kinestatik. Di samping keberhasilan penggunaan pelbagai teknik ini pembelajaran lebih mudah difahami dan diikuti oleh semua pelajar.

> "…Guru perlu mempelbagaikan aktiviti kerana pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza…Pelajar visual lazimnya belajar secara tayangan video…pembacaan…murid auditori memerlukan penerangan lisan dan nyanyian lebih memudahkan...manakala murid kinestatik belajar secara hand-on lebih berkesan…" (R1)
>
> "…Sebagai menarik minat murid….untuk mempelajari sesuatu dan mengelakkan murid bosan….mendengar ceramah guru di dalam kelas…"(R2)
>
> "…….Untuk menghasikan pdpc yang lebih menarik…..mudah difahami dan berkesan…untuk memenuhi kepelbagaian kecerdasan…pelajar…"(R3)
>
> "…Meransang pemikiran murid….untuk melontarkan idea yang ada pada minda murid…dengan menarik minat murid…..untuk memberi tumpuan dalam pdpc…(R4)
>
> "…menilai pembelajaran yang sesuai untuk dipelajari dan ingati…"(R5)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Responden juga memberi cadangan bagi merangsang pelajar lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran. Responden menyatakan pelajar boleh diberikan cabaran dengan melakukan eksperiment dan membuat kajian lapangan. Pelajar boleh dibawa keluar kelas bagi merasai suasana yang berbeza berbanding selalu melakukan aktiviti di dalam kelas. Responden juga menyarankan supaya memberikan peluang kepada pelajar dalam melibatkan semua aktiviti yang dilakukan. Permainan bahasa juga dapat memberi ransangan kepada pelajar apabila adanya penetapan masa dan ganjaran.

> "…Tayangan video…nyayian contohnya lirik berkaitan kehidupan pelajar…eksperiment dan membuat kajian lapangan contohnya aktiviti di luar bilik darjah…"(R1)
> "…Aktiviti seperti permainan bahasa dapat memberi rangsangan kepada pelajar kerana mereka perlu menjawab mengikut masa yang ditetapkan dan menarik minat pelajar kerana diberi ganjaran bagi yang memenangi permainan tersebut…".(R2)
> "...Permainan yang melibatkan semua murid..."(R3)
> "…Aktiviti kerja lapangan dan projek…" (R4)

Responden menyatakan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran semestinya mempunyai kelebihan yang tersendiri yang diperolehi oleh pelajar. R1 menyatakan setiap aktiviti perlu mempunyai pemulihan, pengukuhan dan penggayaan bagi memperoleh pencapaian yang baik dari segi tahap pembelajaran mahupun tingkah laku pelajar. Semua responden berpendapat guru haruslah meneliti dan merancang aktiviti mengikut tahap IQ pelajar yang ingin diajari. Responden juga berpendapat guru memberikan penyampaian yang jelas dan membimbing pelajar.

> "…ya…betul sekiranya guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran pastinya ada impak positif yang boleh diperoleh daripada pelajar. Selain itu, guru juga perlu mempertimbangkan tahap kebolehan murid apabila menggunakan teknik-teknik tertentu agar sesuai dengan kebolehan mereka. Sehubungan dengan itu, pemulihan, pengukuhan dan pengayaan perlu dilaksanakan berdasarkan pencapaian mereka..."(R1)
> "…Pelajar boleh menerima dan memahami teknik yang diberikan apabila penerangan atau penyampaian guru itu jelas dan murid boleh melaksanakan aktiviti dengan jaya yang menunjukkan pelajar itu memahaminya…"(R2)
> "…Boleh... dengan arahan dan bimbingan guru..."(R3)
> "…ya…dan tahap pemahan murid bergantung kepada IQ sedia ada murid…"(R4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1 Aktiviti menarik minat pelajar

Berdasarkan soal jawab yang dijalankan pengkaji mendapati bahawa kesemua responden menyatakan bahawa video merupakan bahan bantu mengajar yang menarik perhatian dan minat pelajar. Ini menunjukkan bahawa video ini mampu menarik minat pelajar dan perhatian pelajar. Pelajar didapati lebih cenderung melakukan aktiviti pembelajaran sekiranya guru menggunakan video dalam pengendalian pengajaran dan pembelajaran berbanding dengan bahan bantu mengajar yang statik atau mendengar guru memberi penerangan yang panjang mengenai nilai moral atau sesuatu topic pengajaran. Dengan menggunakan video pelajar lebih berminat untuk meneruskan pengajaran kerana mereka tidak merasa bosan, berasa seronok dan teruja melihat video. Hal ini mungkin murid tidak pernah melihat video dalam pengajaran dan pembelajaran. Responden R3 juga menyatakan bahawa video mempunyai tarikan yang sangat kuat yang menyebabkan pelajar fokus dan bersemangat untuk mengetahui maklumat yang disampaikan dan mengikuti pembelajaran seterusnya. Hal ini boleh diperhatikan dengan pernyataan yang didapati dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "…pertama menarik minat pelajar…kadang-kadang pelajar pasif ini pandai bila kita agak-agak suruh jawab soalan, boleh jawab tidak ada masalah…video…salah satu tarikan yang sangat kuat la dengan bahan bantu mengajar yang lain. Ia satu benda yang bergerak selain itu….penggunaan video saya dapat menarik pelajar saya untuk meneruskan pembelajaran pada hari itu. Maksudnya mereka lebih em…..suka melihat video daripada saya bercakap menerangkan sesuatu nilai tesebut. Seterusnya dengan penggunaan video ni murid tidak akan merasa bosan la…dengan penggunaan alat bantu mengajar berbanding yang lain…papan putih dengan video, mereka lebih mendorong untuk melihat video tersebut daripada kebanyakkan pengajaran yang saya lakukan la…." (R1)
>
> "…Okey bagi saya kelebihan ini apabila menggunakan video dalam pengajaran penting sekali ialah dapat menarik minat pelajar, sebab mungkin sebelum ini mereka mungkin tak jumpa benda ini sebelum ni…..penggunaan video akan menarik minat dia untuk meneruskan proses pdp….dapat menarik minat pelajardan pelajar tidak bosan untuk mengikuti kelas di luar bilik darjah…(R2)
>
> "...Bagi saya video ini satu benda yang boleh menarik minat dan boleh membantu pelajar untuk fokus. Maksudnya sebagai contoh em…apabila saya mula menanyakan mengenai video, pelajar saya dah mula bersedia, maksudnya benda tu boleh menarik minat walaupun diorang belum tahu lagi video apa yang saya tayangkan ….kebiasaannya saya guna video saya guna untuk set induksi yang sebab saya perlu menarik pelajar terlebih dahulu untuk belajar…memberi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> tumpuan sepenuhnya…bila saya katakan nak tayangkan video, mereka tersenyum lebar dan duduk berhimpit-himpit antara satu sama lain…tapi untuk pelajar yang ramai saya bawa diorang ke makmal untuk ditayang di skrin LCD. Saya rasa video ni satu bahan bantu mengajar yang dapat menarik minat pelajar …" (R3)
>
> "..Bagi saya kelebihan ini apabila menggunakan video dalam pengajaran penting sekali ialah dapat menarik minat pelajar, sebab mungkin sebelum ini mereka mungkin tak jumpa video ini…penggunaan video akan menarik minat dia untuk meneruskan video proses pdp…dapat menarik minat pelajar dan pelajar tidak bosan untuk mengikuti kelas kita..murid ni mereka tidak suka pembelajaran yang bersifat statik jadi mereka ni lebih suka melihat video-video yang sangat-sangat menampakkan impak yang positif kapada mereka.melalui video ini mereka akan em…menonton apa yang berlaku seterusnya,seterusnya dan seterusnya…Ia sangat membantu pada saya kerana video pertamanya video satu dapat em…dapat menarik perhtian pelajar apabila kita menggunakan video …memberi perhatian kerana mereka sangat excited apabila kita buka video…secara automatik para pelajar sangat excited nak memberi perhatian…"(R4).

4.2.2 Membantu guru menyampaikan isi pelajaran

Berdasarkan temubual yang dijalankan, responden menyatakan bahawa video yang ditayangkan dalam pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah membantu guru menyampaikan isi pelajaran dengan baik. Pengkaji mendapati kesemua responden telah menggunakan video sebagai bahan bantu mengajar bagi permulaan pembelajaran, aktiviti, penilaian dan penutup, guru menggunakan video sebagai set induksi bagi memastikan pelajar tidak hilang fokus, memberi gambaran awal, menyampaiakan nilai yang ingin diajar dengan bagus dan menarik pehatian pelajar. Responden R4 menyatakan bahawa video di luar bilik darjah sangat membantu seseorang guru untuk menyampaikan, memudahkan dan menjelaskan sesuatu nilai atau topik yang sukar untuk diterangkan dengan baik. Guru hanya perlu memuat turun dan menapis video yang diguankan adalah berkaitan dengan nilai. Video dapat menjelaskan nilai dengan baik besertakan dengan situasi atau lakonan yang disampaikan dan ini memudahkan pelajar faham serta boleh memberi penerangan yang baik sekiranya guru menanyakan soalan. Hal ini boleh diperhatikan dengan pernyataan yang diperolehi daripada responden dalam kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"….sangat membantu terutama pada set induksi supaya mereka tidak hilang fokus ia. Okey…saya gunakan selepas aktiviti. Dekat penutupan tu saya buat saya tujukkan macam tu.…kedua pengajaran guru tidak lari daripada video tu. Contoh macam, dalam video tu cerita pasal tanggungjawab terhadap ibu bapa so pengajaran guru berdasarkan video tu juga la, tak lari jauh so membantu juga video kepada, video tu membantu guru tu sendiri…sebab tu apa yang nak dikatakan secara panjang-panjang lebar dan ada juga dalam video sebab kita kadang-kadang nak bercerita panjang lama, jadi berdasarkan video tu oh dieorang dah boleh describe dan boleh faham, faham lah apa yang nak dikatakan, apa yang nak diajar untuk hari ini, boleh teka lah…pedagogi antara saya dengan

pelajar tu berlaku dengan sentre studend, dan pengajaran berpusat pada saya dan pembelajaran berpusatkan kepada pelajar hanya berlaku pada suatu perkara yang tertentu je…."(R1)

"…Dari persediaan guru kadang-kadang set induksi untuk sesuatu pengajaran itu sangat penting jadi kalau sekiranya cikgu, cikgu tidak mampu untuk menyatakan satu set induksi yang bagus saya rasa alat bantu mengajar ini adalah penggunaan video adalah salah satu set induksi yang bagus untuk dijadikan sebagai set induksi la kepada guru…untuk memudahkan guru untuk penyampaian nilai…banyak video yang dihasilkan yang menunjulkan nilai-nilai yang ada dalam satu video tu jadi sangat sesuai video-video di ambil dan ditapis untuk digunakan dalam Pendidikan Moral…video mampu untuk meyampaikan sesuatu objektif dan benda tu sampai, pelajar mudah untuk memahami apa yang hendak disampaiakan oleh video tersebut…"(R3)

"…Guna untuk set induksi yang sebab saya perlu menarik pelajar terlebih dahulu untuk belajar…video ni memudahkan saya dan memudahkan pelajar untuk memahami sebab saya rasa hanya perlu men dowloade video tersebut dan mencari nilai-nilai murni dalam video tersebut…video tu sangat membantu bagi saya sebab apa saya hanya perlu orang kata tidak perlu menyediakan set induksi yang susah yang klasik orang kata tradisional yang menarik minat pelajar bagi saya, saya hanya perlu menyedikan laptop, hanya perlu memahami video dan tayang kepada pelajar…penggunaannya memudahkan…menggunakan video melihat kepada nilai, nilai yang susah untuk diterangkan…video la membantu benda tu ditunjuk kepada pelajar bagaimana nilai tanggungjawab tu…(R4)

"…Melalui perjalanan pengajaran dan pembelajaran video ni boleh memberikan idea kepada guru dalam mengajar pelajar melalui penglibatan pelajar…penggunaan video yang saya pilih untuk pengajaran di luar bilik darjah ni sangat-sangat membantu saya kerana pelajar dia pelajar lebih suka melihat video…"(R2)

"…Saya menggunakan video pertama sebagai set induksi, yang kedua satu sebagai isi pengajaran ada juga dalam langkah pengajaran saya ada juga menggunakan video selain itu dalam penilaian aktiviti pun saya ada juga menggunakan video…selain itu video juga dapat membantu guru menyampaikan isi pengajaran kerana bila kita buka video para pelajar dapat…"(R3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3 Meningkatkan kefahaman pelajar

Kesemua responden juga menjelaskan bahawa dengan aktiviti tayangan video dalam pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah dapat meningkatkan kefahaman pelajar. Pengajaran yang disampaikan berkaitan dengan nilai-nilai moral dapat dijelaskan melalui video. Responden R3 menyatakan bahawa video mampu menyampaikan sesuatu objektif atau isi pengajaran melalui video. Pelajar mudah memahami maklumat yang disampaikan dan pelajar juga dapat menyampaikan nilai atau topik yang berkaitan dengan mudah. Video yang digunapakai oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi satu gambaran yang awal dan jelas. Responden R2 turut memberi keyakinan bahawa pelajar memahami isi pelajaran kerana situasi dikaitkan dengan nilai-nilai Pendidikan Moral. Pelajar mudah memahami isi pengajaran dan situsi. Penggunaan video juga memudahkan mereka membuat rumusan dan menjelaskan isi dalam pembentangan. Perkara ini boleh dilihat dengan penyataan yang diberikan oleh responden dalam kajian ini :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "…diaorang senang nak faham…oo macam ni, macam ni. So bila mind set dieorang first dah bertukar daripada main-main dan kadang-kadang tak seriuse mula, kita letak video tu a…mereka lebih fokus, seriuse, fokus dan time nak mengajar tu senang la…so berdasarkan video tu pun mereka dah faham, dah boleh tangkap isi yang boleh dibentangkan dalam pembentangan tu dibincangkan lah…" (R1)

> "…Seterusnya kelebihan penggunaan video ni juga a…selalunya video ni akan memaparkan situasi-situasi sebenar a…apa yang berlaku, ia boleh dikaitkan dengan nilai-nilai dalam Pendidikan Moral….mereka dapat a…memberikan satu rumusan yang baik tentang nilai tersebut daripada video yang saya tayangkan a…pada awal pengajaran kerana pada tayangan tersebut mereka dah dapat melihat nilai okey. Contohnya nilai hak pengguna a…hak pengguna maksudnya mereka dah Nampak o…hak-hak pengguna dalam kehidupan maksudnya walaupun mereka a…hanya pelajar yang berumur 14 tahun tapi mereka dah didedahkan dengan hak pengguna tersebut. Okey…"(R2)

> "….kandungan akademik ataupun sukatan pelajaran tu disampaikan dengan lebih mudah untuk pelajar faham…pengajaran daripada video tersebut selepas tu baru dieorang ni faham la apa yang nak disampaikan melalui video yang saya tayangkan…saya nak kongsikan satu pernah saya guna video untuk pdp sehingga ada pelajar yang menangis a…selepas menonton video tersebut tu la, itu menampakkan video mampu untuk menyampaikan sesuatu objektif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

benda tu sampai, pelajar mudah untuk memahami apa yang hendak disampaikan oleh video tersebut…(R3)

"…Memudahkan pelajar untuk mudah memahami…saya video ni dia dapat memberikan satu gambaran awal kepada pelajar a…supaya mereka lebih jelas tentang a…apakah isi pengajaran ataupun nilai akan diajar oleh guru….saya mendapati mereka juga dapat memahami isi pengajaran yang saya hendak sampaikan itu dengan baik…saya tayangkan video pencemaran alam sekitar jadi bila saya terangkan pelajar mudah dapat gambaran marcam mana

pencemaran tanah secara real, pelajar boleh tengok…pelajar mudah faham dengan adanya video sebagai alat bantu mengajar memang sangat-sangat membantu dan pelajar mudah fahami isi pengajaran sebab video ni memberi visual atau memberi gambaran yang jelas tentang isu yang cuba sampaikan dan memang tahap keberkesanan P&P sangat tinggi la…(R4)

4.2.4 Menggalakkan pelajar berfikir

Responden juga menyatakan bahawa video yang dilakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah dapat menggalakkan pelajar berfikir. Responden memberi pendapat berdasarkan pemerhatian dimana pelajar dapat memberi responde, membuat rumusan dan menjawab soalan dengan baik sekiranya guru mengajukan soalan. Pelajar juga akan menanyakan beberapa soalan berkaitan dengan video selepas video selesai ditayangkan. Responden juga menyatakan bahawa video dapat memberikan motivasi yang mendalam khususnya pelajar kerana perlakuan dan cara pemikiran pelajar menyoal guru. Pelajar menganalisis dan berfikir apa yang ingin disampaikan dalam video bagi persediaan membuat rumusan serta memberikan penerangan. Hal ini boleh dilihat dengan pernyataan yang dijelaskan oleh responden dalam kajian ini:

"…pelajar melihat video tersebut dan mereka menganalisis apa yang ingin apa yang ditayangkan dalam video tersebut lah, jadi disini pengajaran saya tu dapat berpusat kepada saya saja, berpusatkan kepada murid…(R2)

"...Satu orang kata bantu mengajar yang cukup bagus sebab apa video tu memerlukan pelajar untuk berfikir sebagai contoh saya tidak memberitahu lagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam video tu ada nilai tapi diakhir video di stop tu. Apa benda yang diceritakan oleh video tersebut nilai apa yang ada dalam video mereka dapat bayangkan…"(R3)

"…Kalau mereka pernah lihat video yang mereka pernah tonton, mereka akan menunjukkan a…feedback a.. maksudnya respon pada video tersebut sekiranya pelajar yang tidak pernah melihat video yang ditayangkan mereka akan tunggu dan lihat apa yang akan terjadi dan seterusnya.selepas tontonan video tersebut mereka akan bertanya kepada guru tersebut…pelajar sendiri boleh membuat kesimpulan, membuat rumusan.kalau saya melakukan perkara tersebut apa akan terjadi, kalau saya tidak melakukan perkara tersebut apa akan terjadi..mengapa saya menyatakan keberkesanan sebab saya melihat tingkah laku pelajar tersebut dan cara pemikiran pelajar menyoal guru tersebut.. apabila saya menerangkan satu persatu mereka menunjukkan bahawa faham dan mengerti..(R4)

4.2.5 Kawalan Pelajar

R1, R2, R3 dan R4 Menyatakan bahawa video yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru mengawal pelajar di luar bilik darjah dengan baik. Berdasarkan temubual, responden mengatakan bahawa semua pelajar memberi tumpuan dan fokus ketika video dimainkan. Semasa video ditayangkan, pelajar bercakap kerana memberi perhatian dan meneliti apa yang ingin disampaikan oleh video. Sebelum video ditayangkan, guru memberi peringatan kepada pelajar agar tidak bising, hasil daripada itu pelajar dapat menjawab soalan dan memberi jawapan dengan sangat baik, perkara ini boleh dilihat dengan bukti yang diberikan oleh responden dalam kajian ini:

"…semasa tayangan tu, senyap, seorang pun tidak berkata kata, sebab apa sebelum tayangan, saya dah beritahu beberapa peraturan suruh senyap, fokus, dan lepas je tayangan tu, apa diorang kata seronok cikgu ada video apa ni lain kali buat lagilah cikgu…saya nak tambahlah akan kelebihan video tu, suasana belajar tu harmonislah, tak bising, diorang tertumpu pada saya dan bila saya suruh tanya diorang jawab dengn cepat…"(R1)

"..reaksinya a…dalam semasa saya menggunakan video ni dia akan lebih menumpukan perhatian a…dalam perhatian dalam video tersebut…"(R2)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"…semasa tayangannya pelajar pun fokus sebab apa diorang cuba nak teliti video apa benda yang diceritakan dalam video tersebut dan begitulah tapi a..saya ada bagitahu sekiranya orang kata video apa tu, semasa tayangan video tu bising, saya akan stopkan video tersebut…"(R3)

"…memberikan respon yang sangat baik kerana mereka sangat bil saya tayangkan video mereka sangat fokus…yang satu lagi yang kedua saya dapat mengawl kelas dengan baik kerana bil saya tayangkan video semua para pelajar fokus dengan dengan video yang saya tayangkan…"(R4)

4.2.6 Suasana pembelajaran lebih kondusif

Responden menyatakan bahawa video ini menyebabkan suasana pembelajaran lebih kondusif. Ini adalah disebabkan pelajar fokus dan tidak berbuat bising kerana memberi tumpuan terhadap video. Suasana menjadi harmonis dan situasi ini memudahkan guru menanyakan soalan kepada pelajar-pelajar yang pasif juga melibatkan diri dan menjawab soalan dengan baik setelah video ditayangkan oleh guru pelatih. Perkara ini boleh dilihat dengan bukti yang diberikan oleh responden dalanm kajian ini:

"…saya nak tambahlah akan kelebihan video tu, suasana belajar tu harmonislah, tak bising, diorang pon tertumpu pada saya dan bila saya suruh Tanya diorang jawab dengan cepat…"(R1)

"…bagi saya sangat memberi kesan sebab kalau kita tengok pelajar-pelajar awalnya bersifat bagi pelajar saya lah bersifat sangat pasif sedikitlah, apabila kita guna video pelajar akan mula bergerak aktif, mula aktif sesetengah pelajar tu mengantuk dan apabila guna video semua terpacak mata untuk tengok tayangan tersebut .itu antara kesan video…(R3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.7 Menjimat Tenaga Guru

Responden R2 menyatakan bahawa melalui tayangan video dalam pengendalian pengajaran dan pembelajaran juga boleh menjimatkan masalah tenaga dan masa guru Hal ini boleh dilihat dengan pernyataan yang dinyatakan oleh responden dalam kajian ini:

> "…pada pandangan saya, kelebihan menggunakan video ni pertama adalah menjimatkan masalah tenaga…"(R2)

Berdasarkan temu bual, pengkaji mengenal pasti teknik efisin penggunaan video dalam pengajaran luar bilik darjah yang dikemukan oleh responden. Teknik efisen penggunaan video iaitu arahan daripada guru, memeriksa teknikal terlebih dahulu, memberhentikan video sekiranya ada soalan atau pelajar berbuat bising, kualiti video dan meningkatkan kemahiran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.8 Arahan daripada guru

Melalui soal jawab yang dilaksanakan kesemua responden menjelaskan teknik efisien yang pertama ialah memberi arahan atau peraturan. Kesemua responden menyatakan bahawa mereka mengenakan peraturan dan memberi arahan terlebih dahulu sebelum video ditayangkan luar bilik darjah. Arahan yang diberikan oleh guru adalah untuk mengelakkan pelajar menanyakan soalan, tidak memberi tumpuan, berbual-bual dan tidak hilang fokus terhadap video. Guru juga ada memberitahu dan menyenaraikan perkara yang pelajar beri perhatian semasa menonton video luar bilik darjah yang ditayangkan bagi mengelakkan pelajar tidak boleh menjawab soalan yang diberikan oleh guru. Hal ini boleh diperolehi dengan pernyataan yang dinyatakan oleh responden dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"….saya bagi tahu diaorang tanya soalan selepas video. Sebelum saya tanyangkan video, saya suruh dia senyap beri fokus saya tak nak mereka berbual-bual lepas tu saya akan tanyakan soalan berkaitan dengan video ini siapa tak dapat, salah dia.a….mula-mula bagitahu arahan apa yang kita kena…jangan bising apa semua lepas tu ada tak yang nak tanya soalan berkaitan dengan video ni untuk mencari tajuk, tajuk pengajaran lepas tu. Masa tayangan, semasa nak bagitahu tu berikan arahan tu supaya pelajar ni apa yang boleh beri kerjasama a…."(R1)

"….Saya akan menyatakan bahawa kamu a…lihat video ini dan saya akan bertanyakan soalan dalam video tersebut, jadi mereka nak tak nak mereka perlu melihat video tersebut untuk mengelakkan daripada a….ke tidak boleh jawab soalan yang akan saya tanya nanti, jadi tu la mereka akan memberi perhatian la semasa video ditayangkan...Saya akan bagitahu pelajar bahawa harus tengok video dengan syarat cari pengajaran video tersebut. Jadi pelajar akan fokus dan pelajar tersebut tidak hilang orang cakap tidak hilang focus daripada video tu ataupun terlepas pandang video itu la…."(R2)

"….Suruh diaorang duduk elok-elok dan…., maksudnya saya, saya akan cakap dengan studend saya, hayati, fahami sebab nanti cikgu akan tanya, saya bagitahu awal, so dieorang tengok dan hayati dengan benda tu…Sebelum saya mulakan tayangan video di luar bilik darjah, saya memberikan arahan dahulu kepada pelajar tersebut. Okey, saya akan menyatakan bahawa saya akan tayangkan satu video dan saya ingin pelajar fokus pada video tersebut. Semasa tayangan video tersebut saya akan menyenaraikan apa yang harus pelajar buat, apa yang ada dalam video tersebut pelajar harus catit selepas habis video tersebut saya akan menanyakan soalan kepada pelajar mengenai apa yang mereka belajar, apa yang mereka lihat, tahu mengenal video tersebut. Melalui apa orang cakap kaedah tersebut teknik tersebut apa yang kita tayangkan, apa yang kita tonjolkan kepada pelajar akan memberi kesan yang positif…."(R3).

"…..Sebelum menayangkan video saya juga ada mengigatkan pelajar memberikan fokus kepada video yang saya nak tunjukkan kerana video digunakan sangat membantu pelajar sebenarnya untuk memahami isi pengajaran yang hendak saya sampaikan. Dan selain daripada itu…(R4)

4.2.9 Pencapaian pelajar

Responden menyatakan mengambil kira akan pencapaian pelajar dalam menggunakan salah satu video bagi membantu sesi pengajaran dan pembelajaran. Responden R2 lebih suka menggunakan video bagi kelas yang mempunyai tahap pencapaian yang baik kerana mereka tidak melakukan perkara yang tidak baik dan memberi tumpuan pada video. Namun begitu, responden R4 menggunakan video bagi kelas yang lemah kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

video ini membantu mereka untuk memahami isi pengajaran dan menarik perhatian mereka. Manakala responden R3 menyatakan bahawa pencapaian pelajar tidak mempengaruhi dia untuk menggunakan video kerana semua pelajar dapat memahami apa yang disampaikan oleh video dan pelajar memberi tumpuan semasa guru mengajar. Hal ini boleh diperoleh dengan pernyataan yang diberikan oleh responden dalam kajian ini:

> "……namun bagi kelas a….saya suka la membawa mereka ke bilik tersebut kerana mereka m….tidak banyak a….bermain di dalam kelas dan mereka boleh menumpukan perhatian kepada video yang saya tayangkan …."(R2)
>
> "…..Bagi saya kelas hujung dan pertama tak ada beza, benda tu sama saja. Saya rasa semua pelajar boleh faham sekiranya kita guna video untuk sampaikan sesuatu mungkin cara guru nak terangkan video tu sebenarnya…."(R3)
>
> "…..Mengajar kesemua kelas belakang orang kata yang ke Sembilan kesepuluh sebelas hingga empat belas, so saya rasa video ini amat membantu dieorang la…."(R4)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini pengkaji telah menganalisis kesemua dapatan yang diperoleh daripada responden. Dapatan kajian ini pengkaji akan menggunakan untuk perbincangan seterusnya, perlaksanaan kajian dan cadangan kajian yang seterusnya akan disampaikan lebih mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 Kesan penglibatan pelajar dalam mengikuti pelbagai teknik di luar bilik darjah

Berdasarkan hasil temu bual kesemua responden yang telah mengajar di sekolah, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesan penglibatan pelajar ini dapat menarik minat pelajar mengikuti pembelajaran di luar kelas secara berterusan. Responden R1 menyatakan pelajar terlibat secara aktif dan gembira berada di luar kelas dan berani mencuba mengambil beberapa bahagian, malah R3 juga bersetuju dengan pelbagai aktiviti ini pelajar lebih aktif berbanding pembelajaran di dalam kelas dan hanya berpusatkan guru. R4 menegaskan dengan aktiviti ini pelajar lebih menunjukkan kesungguhan untuk menguasai kandungan akademik. Hal ini dapat dilihat dengan adanya pelbagai aktiviti, pelajar lebih berkeyakinan dan seronok untuk mengikuti pembelajaran di luar kelas. Gaya pembelajaran yang menarik ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, penglibatan pelajar yang aktif dan situasi yang menyeronokkan dalam mengkonsepsi, perancangan serta perlaksanaan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengamalkan pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknik-teknik tersebut (Abd. Shatar 2007).

Kekuatan dan kemajuan sesebuah negara adalah terletak kepada kemahiran yang dikuasai dan tahap ilmu rakyat negara tersebut. Keupayaan guru menggunakan pelbagai teknik dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikn moral di luar bilik darjah dapat meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia. Dalam kajian ini membincangkan teknik pembelajaran di luar bilik darjah yang merupakan keupayaan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan serta refleksi bagi menyelesaikan sesuatu masalah, membuat keputusan, dan berinovasi. Manakala dalam kajian ini membincangkan juga tentang teori kognitif dan teori behaviour iaitu dengan penggunaan pelbagai teknik di luar bilik darjah ini mampu menguatkan hubungan antara rangsangan luar dengan tindak balas individu dapat dibina untuk menghasilkan perubahan tingkah laku yang tekal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Aktiviti yang boleh memberikan rangsangan kepada pelajar dan menarik minat mereka di luar bilik darjah.

Hasil temu bual ini terdapat teknik- teknik pembelajaran yang di cadangkan oleh responden. R1 mencadangkan, Tayangan video nyayian contohnya lirik berkaitan kehidupan pelajar, eksperimen dan membuat kajian lapangan. R2 Aktiviti seperti permainan bahasa dan diberi ganjaran. R4 aktiviti kerja lapangan dan projek. Teknik pembelajaran merupakan topik utama yang memastikan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran pelajar. Kegagalan guru dalam perlaksanaan pedagogi dan teknik pengajaran yang tidak berkesan akan mengakibatkan pelajar gagal memahami dan menerima nilai-nilai yang disemai oleh guru. Justeru itu, dengan pelbagai teknik pembelajaran ini dapat membantu pelajar mengenali isu-isu yang terdapat di sekeliling mereka dan dapat di bahaskan dan dibincangkan bersama selain itu dengan pelbagai teknik pembelajaran ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar dapat meluahkan isi hati dan bakat terpendam yang tidak dapat diluahkan. Pengajaran dari pembelajaran ini juga akan diperolehi dengan lebih mudah apabila pelbagai teknik digunakan kerana apabila pelajar dapat lihat dan merasai sesuatu situasi yang diberi.

5.2 Perbezaan cara teknik pembelajaran dengan menerapkan nilai dan perasaan melalui bacaan di luar bilik darjah.

Kesemua responden yang terlibat di dalam temu bual bersetuju teknik pelbagai dalam pembelajaran di luar kelas sangat berkesan dalam penerapan nilai-nilai murni. R1 dengan pelbagai teknik pembelajaran membolehkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif dan mengikut R3 dengan penggunaan pembacaan ia bersifat kendiri dan tidak diaplikasikan. Manakala R2 menyatakan pelajar lebih seronok dapat belajar melalui pelbagai teknik kerana mereka dapat merasakan pengalaman yang berbeza. R4 juga berpendapat pelajar guru dapat memilih aktiviti sesuai dengan pemerhatian persekitaran yang merupakan satu kaedah yang bersifat kualitatif dan dinamik yang lebih relevan untuk guru cuba kaitkan dengan kehidupan murid yang bersifat dinamik.

5.3 Sikap

Dari sudut sikap pula, didapati sikap pelajar lebih memilih sangat setuju (paling tinggi) ialah berusaha berhenti merokok untuk mengelakan berlakunya Pencemaran (39 responden, 79.4%) di dalam item B2. Oleh itu melalui kajian ini, pengkaji mendapati pelajar sebenarnya akan bertindak mengikut apa yang mereka sering lihat sahaja. Manakala melalui data yang telah dikaji ini pelajar di dapati mempunyai sikap-sikap yang boleh baik kerana maklumat ini dapat dilihat di dalam jadual 4.4, jumlah data yang menunjukkan setuju dan sangat setuju adalah skala yang paling tertinggi dicatatkan. Ini bermakna, sikap pelajar adalah positif terhadap pencemaran alam sekitar selepas pembelajaran Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Moral dan sebenarnya tingkah laku pelajar ini menunjukkan bahawa sikap positif, terhadap alam sekitar telah terbentuk walaupun sebelum guru mengajar. Sikap sedia ada yang positif ini mungkin disebabkan oleh pengaruh luar atau diperolehi melalui pengalaman hidup mereka sendiri. Kenyataan ini disokong oleh Holt (2003) yang menyatakan kesedaran individu tentang alam sekitar mungkin berasal daripada pelbagai sumber dan pengaruh lain.

Tambahan pula, menurut pendapat (Ramsey 1976) telah membuat kajian berkaitan dengan pengetahuan dan sikap terhadap alam sekitar. Sehubungan itu, beliau telah mencadangkan supaya pelajar tanamkan sikap yang baik, usaha-usaha yang berterusan dan tingkah laku terhadap alam sekitar dengan penggunaan strategi-strategi pendidikan dilakukan dengan menambah tahap pengetahuan,penglibatan emosi dan pengalaman yang berkaitan alam sekitar. Di samping itu, Pettus (1976) menyarankan supaya pendidik lebih berperanan dan menumpukan usaha untuk mengubah nilai-nilai asas dan sikap positif terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini kerana pendekatan buku teks dan tajuk berkaitan pemeliharaan alam sekitar adalah tidak mencukupi untuk tujuan memperkembangkan sikap tersebut.

Sikap yang terbentuk melalui pengalaman hidup adalah diterima daripada pendidikan alam sekitar yang berlaku secara tidak langsung daripada keluarga, media dan perhubungan sosial mereka sendiri. Pengalaman yang diterima sepanjang hidup samada secara langsung atau tidak langsung banyak mempengaruhi sikap seseorang terhadap alam sekitar. Melalui pengalaman itu juga seseorang dapat belajar cara bagaimana menjaga alam sekitar dengan baik agar sentiasa terpelihara dan terhindar daripada anasir-anasir yang negatife. Keputusan ini menyokong kenyataan yang dikemukan oleh Hungerford dan Volk (1990) sekaligus membuktikan kejayaan objektif pendidikan ini mampu membentuk individu memperolehi nilai yang baik, memupuk nilai yang positif terhadap alam sekitar dan supaya mereka dapat melibatkan diri secara aktif dalam memelihara dan memulihara alam sekitar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Nilai

Manakala nilai moral yang paling tinggi di kalangan pelajar ialah menangani masalah pembakaran terbuka bersama masyarakat (32 responden menjawab bagi skala sangat bersetuju). Alam sekitar yang nyaman dan bersih sebenarnya mempunyai hubungan yang rapat antara seseorang individu dengan individu yang lain iaitu kumpulan ini bekerjasama menjaga dan memulihara alam sekitar tanpa ada rasa paksaan di dalam diri masing-masing dengan mempunyai perasaan kasih sayang antara benda hidup dengan benda bukan hidup.

Walau bagaimanapun, seseorang ataupun pelajar sekolah akan rasa keliru dengan persekitaran sekiranya individu ataupun sesetengah kelompok, tidak mengendahkan tentang alam sekitar maka, hal ini di dapati di dalam item C1, pelajar menyatakan tidak pasti dalam sekala yang tertinggi 32 orang pelajar (min=3.27) terhadap wujudnya perasaan sayang pada tumbuh-tumbuhan dalam diri pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala di dalam item C2, pelajar memilih sekala setuju yang paling tertinggi mengenai nilai masyarakat yang kurang bergotong royong dengan peratusan (61.2%). Masyarakat pada hari ini bersikap materialistik sehingga amalan hidup bermasyarakat seperti bergotong-royong terpinggir dan ada era globalisasi ini, masyarakat terdorong untuk mengutamakan kekayaan dan kekuasaan dalam mengejar arus kemodenan perdana kerana taraf hidup yang semakin meningkat. Masyarakat sanggup bekerja keras siang dan malam untuk mengumpul kekayaan sehingga terabai nilai-nilai murni yang pernah menjadi amalan masyarakat pada suatu ketika dahulu. Masalah ini akan berterusan sekiranya masyarakat tidak mengambil endah terhadap masalah tersebut dan akhirnya alam sekitar yang menjadi mangsa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Faktor perbezaan pengetahuan pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Moral melalui bidang alam sekitar berdasarkan lokasi sekolah.

Punca perbezaan pengetahuan pelajar dapat di lihat melalui kaedah pembelajaran guru yang berlainan. Tingkah laku yang baik adalah diperolehi daripda keberkesanan pembelajaran yang tepat manakala tingkah laku yang kurang baik diperolehi daripada pengambilan pembelajaran secara sambil lewa oleh pelajar dengan itu, kadang-kala disebabkan pelajar kurang memberikan perhatian di dalam kelas maka pelajar akan keliru dengan tindakan yang seharusnya mereka perlu lakukan di dalam penyelesaian masalah. Justeru itu, guru perlu memainkan peranan yang penting dalam memupuk nilai kebersihan dalam sanubari para pelajar. Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama yang menekankan pembentukan insan yang berkeperibadian mulia dan murni telah diterapkan dalam sistem pendidikan negara kita. Guru perlu mendidik pelajar tentang kepentingan mengamalkan nilai kebersihan dalam hidup terutamanya yang melibatkan kemaslahatan umum seperti tandas awam dan kawasan rekreasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru tidak seharusnya leka dalam menjalankan obligasi mereka sebagai pendidik yang berkesan kerana setiap ajaran guru akan wujud dalam sukma pelajar dan akan diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, guru perlu menitikberatkan aspek kebersihan di dalam kelas dan di kawasan sekolah di samping menekankan kepentingan penjagaan kebersihan alam sekitar dengan melarang murid daripada membuang sampah di merata-rata tempat. Konsep bersih ini diperluas bukan sahaja di dalam kelas tetapi kepada kehidupan yang lebih menyeluruh. Pihak sekolah dan guru boleh membina taman mini dan landskap supaya keadaan sekolah lebih cantik dan hijau. Mata pelajaran Pendidikan Moral dan Pendidikan Agama Islam perlu diajar oleh guru-guru dengan pengisian aktiviti pembelajaran yang menarik dan berkesan supaya objektif yang dirancang tidak tersasar. Langkah yang dijalankan dengan penuh istiqamah ini sudah pasti dapat mendidik generasi muda kita tentang kemaslahatan amalan kebersihan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Faktor perbezaan sikap pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Moral melalui bidang alam sekitar.

Perbezaan sikap cintakan alam sekitar ini terdorong daripada didikan daripada ibu bapa. Ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dengan pelajar. Oleh itu, segala tingkah laku yang baik mahupun tidak baik bermula daripda persekitaran keluarga dan didikan ibu bapa itu sendiri. Ibu bapa seharusya mendidik anak-anak dari kecil lagi untuk mencintai alam sekitar contohnya menyayangi tumbuh-tumbuhan, ibu mengajak anaknya untuk menanam pokok bunga di halaman rumahnya. Dengan cara itu, anak-anak akan terdidik dengan semula jadi mencintai tumbuh-tumbuhan.

Ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kebersihan awam dan alam sekitar terjamin. Ibu bapa haruslah menitikberatkan didikan agama yang mantap dalam diri kanak-kanak sejak bangku sekolah lagi kerana bak pepatah melayu ‘melentur buluh biarlah dari rebungnya’. Semua agama menekankan aspek kebersihan dan menegah penganutnya daripada melakukan kekotoran yang akan menjejaskan kemaslahatan awam. Dengan adanya didikan agama yang teguh, insan yang mementingkan kebersihan di tempat awam atau kebersihan alam sekitar dapat dilahirkan. Selain itu, ibu bapa harus menunjukkan perlakuan yang baik dalam aspek kebersihan tanpa mengira di mana jua berada kerana tingkah laku mereka akan menjadi teladan dan ikutan anak-anak mereka kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Ibu bapa tidak seharusnya bersikap seperti ketam mengajar anaknya berjalan lurus, sedangkan dirinya berjalan senget. Misalannya, ibu bapa haruslah membuang sampah ke dalam tong sampah dan menggunakan tandas awam dengan baik. Dengan ini, anak-anak yang masih berumur setahun jagung dan berdarah setampuk pinang akan mencontohi perbuatan ibu bapa mereka dan akan dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan mereka kerana alah bisa tegal biasa. Jadi, didikan ibu bapa amat penting dalam memastikan kebersihan tempat awam dan alam sekitar terpelihara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Faktor perbezaan nilai pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Moral melalui bidang alam sekitar.

Faktor perbezaan nilai moral pelajar dalam Pendidikan Moral ini ialah tindakan yang akan dilakukan oleh pelajar itu sendiri melalui pembelajaran Pendidikan Moral. Melalui pembelajaran ini pelajar dapat membezakan nilai moral yang baik mahupun nilai yang tidak baik. Hal ini dapat dikaitkan melalui Teori penaakulan Kohlberg. Tingkah laku pelajar didorong oleh prinsip moral yang abstrak malah tingkah laku moral juga terbentuk sekiranya pelajar mempunyai falsafah moral yang benar.

5.8 Implikasi

Dapatan daripada kajian ini dapat menambah ilmu pengetahuan mengenai aktiviti-aktiviti dijalankan dan keberkesanan pembelajaran di luar bilik darjah yang dapat diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral dilaksanakan. Kepentingan kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pelbagai pihak termasuklah guru pelatih, guru-guru dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Hasil dapatan ini memberi sesuatu maklumat yang bernas dan jitu kepada semua guru pendidikan moral. Kajian ini penting supaya guru dapat mengenalpasti kelebihan teknik yang efisen dalam mengaplikasikan alat bantu mengajar di luar bilik darjah dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh memperolehi dapatan ini sebagai asas untuk memperbaiki situasi dan suasana pengajaran dan pembelajaran dengan melaksanakan pelbagai teknik terutamanya pembelajaran menggunakan multimedia. Guru perlu mempelbagaikan alat bantu dan bahan bantu mengikut situasi dan perbezaan suasana mengajar semasa mengajar Pendidikan Moral.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui kajian ini, guru akan mengetahui keberkesanan kawasan luar bilik darjah yang selesa dengan penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi menyampaikan nilai moral kepada pelajar. Hasil daripada kajian ini akan memberi kesedaran akan pentingnya pemilihan tempat pembelajaran dan penggunaan pelbagai aktiviti terutamanya media. Ini kerana suasana pembelajaran memain peranan yang penting kepada pelajar untuk mewujudkan pembelajaran yang menarik. Manakala video juga boleh merangsang pelajar untuk belajar kerana gaya pembelajaran yang berlainan dan efektif. Justeru itu, guru perlu meningkatkan kemahiran dan penaakulan dalam mengendalikan kelas ceria dan alat bantu mengajar.

Kementerian pendidikan Malaysia sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam menggubal sistem pendidikan yang perlu dilaksanakan oleh guru dan pelajar di sekolah. Kementerian pendidikan Malaysia perlu mengenalpasti keperluan-keperluan asas dalam membimbing guru kea rah pendidikan digital untuk semua sebagai persediaan dalam menangani cabaran anjakkan paradigma dalam pembelajaran.

5.9 Cadangan Kajian

Perisian dan cadangan yang dikemukakan oleh responden dalam kajian ini seharusnya memberikan manfaat kepada guru pelatih, guru, pihak sekolah dan kementerian sebagai garis panduan dalam meningkatkan keupayaan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah dan meningkatkan penggunaan teknologi dalam pendidikan seperti video. Disamping itu, dapatan kajian ini adalah sama erti dengan falsafah perguruan serta matlamat kementerian dalam bidang pendidikan. Oleh demikian, guru pendidikan moral terutamanya boleh merujuk kajian ini sebagai rujukan dan panduan dalam mengintegrasikan penggunaan video dalam sesi pembelajaran dan pembelajaran di luar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bilik darjah, ini kerana yang digunakan oleh guru mampu memberi keseronokkan pelajar untuk belajar, memudahkan guru untuk menyampaikan isi pengajaran dan memudahkan kefahaman pelajar mengenai topik yang ingin disampaikan. Justeru itu beberapa cadangan kajian lanjutan disarankan bagi kajian ini:

1) Kajian perlu melibatkan bilangan responden yang lebih ramai bagi mendapatkan maklumat yang lebih banyak dan hasil kajian lebih tepat. Hal ini disebabkan kajian ini hanya menggunakan enam orang responden sahaja melalui kaedah temu bual.

2) Kajin ini hanya dijalankan di SMK Bandar Seri Alam sahaja, skop kajian ini boleh diperluas supaya melibatkan lebih banyak institusi sekolah untuk mendapatkan gambaran atau perbandingan yang lebih menyeluruh tentang penggunaan bahan bantu mengajar di luar bilik darjah dalam pembelajaran pendidikan moral.

3) Kajian perlu menggunakan aktiviti di luar bilik darjah yang lebih menarik minat pelajar kerana pengkaji dapat menilai keberkesanan aktiviti yang sesuai digunakan sepanjang pembelajaran di luar bilik darjah.

Semua cadangan di atas adalah berkaitan dengan mata pelajaran pendidikan moral untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Harapan pengkaji, kajian ini akan mempertingkatkan kepentingan mata pelajaran pendidikan moral dalam kalangan guru dan pelajar. Kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kaedah Islam itu digunakan dalam membentuk personaliti remaja berdasarkan adab belajar pada masa kini berpandukan dalil-dalil serta bukti yang sudah jelas ditunjukkan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat.

Jika ditinjau dari sudut al-Quran penyelidik mendapati konsep atau kaedah yang digunakan dalam membentuk personaliti remaja berdasarkan adab belajar menurut Islam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak jauh menyimpang dari lunas-lunas al-Quran. Sebilangan besar ibu bapa yang memikirkan tentang pendidikan anak-anak mereka iaitu mendahulukan perihal agama sebagai teras atau tonggak dalam kehidupan rumahtangga. Hal ini membawa kepada kecemerlangan bukan sekadar dari sudut lahiriah sahaja tetapi ia merangkumi kemantapan rohani yang sebenar. Ibu bapa yang sedar akan tanggungjawab ini akan memastikan anak-anak mereka terdidik dengan acuan Islam yang akan membuahkan personaliti yang berteraskan Islam secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun anak-anak yang rosak akhlaknya, yang terdapat keganjilan dalam perbuatan atau tingkah laku mereka adalah terletak pada keluarga mereka. Selain itu, kepincangan kedudukan sosio ekonomi keluarga mereka serta kejahilan tentang prinsip pendidikan dan psikologi yang mudah turut mempengaruhi remaja. Semua hal ini akan menyebabkan anak-anak terpesong daripada landasan yang sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.10 Saranan terhadap pembentukan personaliti remaja berdasarkan adab belajar menurut islam

Antara saranan yang dikemukan oleh penyelidik berkaitan dengan pembentukan personaliti berdasarkan adab belajar ialah:

1. Seseorang pelajar hendaklah mempunyai sifat-sifat mahmudah iaitu mensucikan hati lahiriah dan batiniah daripada sifat-sifat yang tercela. Ilmu pengetahuan pula adalah ibadat batin mendekatkan jiwa kepada Allah. Jadi untuk mengesahkan ibadat batin ini, terpaksalah hati yang bertindak sebagai wadah (bekas) dicuci terlebih dahulu, agar ilmu pengetahuan itu suci daripada sifat-sifat tercela.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Pelajar mestilah tidak mempunyai sifat sombong kepada ilmunya dan jangan sekali-kali menentang gurunya. Seorang pelajar harus hormat dan berkhidmat kepada gurunya agar mendapat pahala dan kemukiaan di sisi Allah.

3. Hendaklah menanamkan sifat bertanggungjawab ke atas diri sendiri dikalangan remaja. Ini dapat mewujudkan motivasi dalam supaya pelajar sendiri mahu mengubah dirinya tanpa bergantung kepada mana-mana pihak. Sebagai seorang Islam, tanggungjawab diri bermula dengan proses mengenal diri sendiri. Remaja perlu diajar mengenai sifat-sifat baik dalam dirinya sebagai makhluk yang istimewa ciptaaannya.

4. Remaja seharusnya menggunakan akal yang waras dalam penyelesaian masalah dengan bimbingan daripada guru dan ibu bapa atau orang yang lebih berpengalaman. Disini pentingnya konsep perbincangan untuk mencari penyebab masalah dan jalan penyelesaian.

5. Anak-anak perlu dididik dengan akhlak yang baik sejak kecil lagi oleh ibu bapa agar kelak menjadi muslim dan muslimah yang cemerlang dari segi peribadi dan akhlaknya.

6. Ibu bapa diingatkan supaya mendidik peribadi anak-anak berpandukan al-Quran dan al-Hadith yang mulia supaya menjadi remaja yang berguna.

7. Ibu bapa hendaklah menonjolkan keterampilan dan sahsiah yang baik dan unggul supaya anak-anak dapat mencontohi keperibadian tersebut.

8. Ibu bapa perlu prihatin dengan siapa anak-anak mereka bergaul dan berkawan bagi mengelakkan anak-anak bertingkah laku negatif yang tidak diingini kesan daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaruh rakan-rakan. Ibu bapa juga perlu peka dengan apa yang berlaku di sekeliling anak-anak mereka samada unsur budaya mahupun arus media massa terutamanya yang dibawa dari Barat yang kini memang sukar dibendung. Ibu bapa perlu bijak mengawal pengaruh ini dari mempengaruhi perkembangan mental dan sahsiah anak-anak.

9. Guru juga mesti peka dan mengambil perhatian permasalahan pelajar termasuk tingkah laku dan personaliti selain akademik. Guru kemudian perlu memperbaiki mutu perkhidmatan kaunseling bagi meningkatkan trait-trait positif pelajar.

10. Masyarakat juga perlu wujud kerjasama yang berpanjangan di antara anggota masyarakat dari pelbagai peringkat dalam menghadapi dan menangani segala pengaruh negatif dan cabaran yang berlaku yang memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan kognitif remaja sebagai generasi masa depan yang berharga untuk masyarakat dan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.11 Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di luar bilik darjah mampu membentuk sifat keperibadian mulia kepada pelajar melalui tiga aspek dimensi moral. Kajian ini dapat memberi peningkatan kepada sikap ingin mengetahui tentang nilai-nilai moral yang terdapat dalam pedagogi pendidikan moral di sekolah menengah. Penambahbaikkan teknik di dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah diharapkan dapat membentuk dan membantu pelajar mengenali misi pengajaran pendidikan moral di negara kita. Bagi menghadapi cabaran era globalisasi, gelombang transformasi negara ini menuntut guru dan institusi pendidikan melahirkan individu yang boleh berfikiran positif, mempunyai emosi moral dan tingkah laku terpuji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian yang baik juga adalah yang dilakukan dengan penuh teliti dan secara menyeluruh. Kajian tersebut haruslah mengkaji dari pelbagai aspek dan sudut. Semakin banyak aspek yang dikaji, semakin banyak dapatan dan hasil kajian yang dierolehi. Hasil daripada kajian tersebut akan dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan dalam mengambil tindakan yang sewajarnya. Bab yang terakhir ini meyimpulkan segala perkara yang telah diperkatakan bermula bab yang awal lagi. Segala yang tertulis dirangkumkan menjadi satu kajian lengkap.

Hasil dapatan yang diperoleh akan disemak dan diperbaiki lagi pada masa yang akan datang. Ia bertujuan untuk kesejahteraan semua pihak. Secara keseluruhan, kajian ini telah berfokuskan kepada penggunaan pelbagai teknik pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan moral di luar bilik darjah. Perbincangan dalam bab satu pengkaji telah menyatakan semua aspek berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah objektif kajian secara umum dan khusus, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan turut diselitkan dengan kajian-kajian yang terdahulu yang mempunyai kaitan dengan tajuk pengkaji. Penggunaan pelbagai teknik pembelajaran di luar bilik darjah ini diharapkan dapat memperbaiki pembelajaran guru dan seharusnya dapat meningkatkan minat dan keseronokan pelajar untuk mengikuti setiap pembelajaran.

Daripada kajian ini penyelidik dapatlah melihat usaha untuk membentuk personaliti remaja berdasarkan adab belajar menurut Islam terdapat pelbagai kaedah atau cara yang boleh digunakan namun kaedah tersebut mestilah bersesuaian dengan tahap perkembangan remaja, persekitaran dan mengikut peredaran masa tetapi ia tidak lari daripada landasan Islam yang sebenarnya iaitu menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan utama. Al-Quran sebagai kitab teragung banyak menerangkan tentang kaedah mendidik anak-anak. Di sini jelas menunjukkan kesyumulan Islam itu sehingga aspek-aspek yang berkenaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendidik anak-anak dititik beratkan agar menjadi generasi yang dipandang tinggi oleh masyarakat.

Penyelidik juga mendapati bahawa hadith menyarankan agar ibu bapa dapat mendidik anak-anak mengikut landasan ilmu, iman dan beramal soleh. Mengikut pengertian hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari yang bermaksud "Rasulullah sebagai role model kepada perilaku atau perbuatan yang agung". Namun setiap ibu bapa hendaklah menggunakan pendekatan yang sistematik dalam mendidik anak-anak agar menjadi remaja yang mempunyai personaliti yang baik.

Penyelidik mengharapkan segala saranan yang dikemukakan dapat dijadikan panduan kepada ibu bapa, guru-guru, rakan sebaya dan masyarakat dalam membentuk personaliti remaja berdasarkan adab belajar menurut Islam dimasa akan datang. Saranan dan kajian ini hasil daripada pemerhatian, penelitian dan pembacaan penyelidik berdasarkan sumber-sumber yang diperakui. Diharapkan hasil kajian ini memberi anjakan paradigma dalam dunia pendidikan hari ini bagi menghasilkan sesuatu yang benar-benar berkualiti dan sempurna dari pelbagai aspek yang boleh memberi kebanggaan kepada agama, negara dan bangsa.

Oleh itu, semua guru sehrusnya berganding bahu dalam menangani masalah pelajar yang kurang berminat dalam pembelajaran di dalam bilik darjah. Sekiranya hal ini diambil mudah oleh guru, remaja yang bermasalah ini akan ketinggalan dan rosak masa depannya. Seharusnya guru membimbing pelajar ini sedaya yang mungkin kerana remaja ini jugalah merupakan golongan yang bakal menjadi penyambung kepada generasi akan datang. Apatah lagi negara kita merupakan sebuah negara yang semakin membangun. Jika remaja yang diharapkan sebagai penyambung generasi akan datang tidak berkualiti dan tidak berwawasan, pelbagai implikasi hebat yang bakal dihadapi oleh sesebuah negara. Jadi dapatlah disimpulkan di sini bahawa remaja berkualiti dapat memperkasakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kegemilangan negara, remaja yang berwawasan pula melemahkan sistem pemerintahan negara yang akan datang.

Secara keseluruhannya, perkembangan dalam Pendidikan Moral ini menunjukkan harapan yang positif dan peluang untuk terus maju. Pendokong pendidikan alam sekitar haruslah memastikan bahawa bidang ini akan terus kekal relevan selaras dengan perkembangan dunia masa kini. Ini penting kerana Pendidikan Moral yang berkesan akan membentuk individu 'peka terhadap isu semasa' yang boleh mengambil tindakan yang bersesuaian meskipun jenis permasalahan yang dihadapinya mungkin berbeza terutama sekali dalam bidang alam sekitar.

Secara tuntasnya, keseluruhan kawasan penempatan dapat dijaga dan dipelihara melalui komitmen daripada pelbagai pihak. Sikap individualistik dan ketiadaan kesedaran sivik terhadap kebersihan awam perlu dikikis. Kebersihan tempat awam sememangnya merupakan aspek yang amat penting untuk menjamin kesejahteraan dan keharmonian sejagat. Setiap individu pasti tidak mahu generasi yang akan datang, berada dalam keadaan yang dicemari, menyedut udara yang kotor, serta minum air yang bermikroorganisma. Maka, sebelum nasi menjadi bubur, marilah sama-sama mempraktikkan kebersihan bukan sahaja pelajar malah pada semua invividu yang berada di muka bumi ini perlu menjaga alam sekitar daripada dicemari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Rahim, H., & Hayazi, M. Y. (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Universiti Teknologi Malaysia, 1-8. Abd Razak bin Abu Chik

Allport, G.W. (1961). Pattern and growth in personality. New York: Holt, Rinehart & Winston.

Arsyad, Azhar (2011) Media Pembelajaran. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada

Aziah, Yaakob dan Yahya. (2006). "Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar Sekolah di Malysia". Batu Caves Selangor. PTS Profefessional Publishing Sdn Bhd.
Baran (2007), E. (2007). The Promises Of Videoblogging In Education . diambil: https://files.eric.ed.gov/fulltext/pdf.

Cavanagh, M. S., & Garvey, T. (2012). A Professional Experience Learning Community for Pre-service Secondary Mathematics Teachers. *Australian Journal of Teacher Education, 37*(12).

Cavanagh, R (2012). Associations between the Classroom Learning Environment and Student Engagement in Learning 1: A Rasch Model Approach, in Knight, J. (ed), The Joint Australian Association for Research in Education and Asia-Paci□c Educational Research Association Conference (AARE-APERA), Dec 2-6 2012. Sydney, Australia: Australian Association for Research in Education (AARE)

Cheppy Riyana.(2007). Pedoman Pengembangan Media Video. Bandung:Program P3AI Universitas Pendidikan Indonesia.

Covell, K., McNeil, J.K. & Howe,R.B. (2009). Reducing teacher burnout by increasing student engagement: A children's rights approach. Journal of School Psychology International, 30, 282–290

